



# **PERPADUAN UMMAH**

## **MERENTASI IDEOLOGI**



**RABITAH ANTARABANGSA  
ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA**





**PERPADUAN  
UMMAH  
MERENTASI IDEOLOGI**



Cetakan Pertama / *First Printing* 2015

Hak Cipta / *Copyright* Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia

PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the World Association for al-Azhar Graduates Malaysia.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA  
No. 3, Jalan 222, 46100 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA  
Tel.: +603 - 7954 5900 Faks.: +603 - 7954 2900  
Emel: [rabitah@waag-malaysia.org.my](mailto:rabitah@waag-malaysia.org.my) / [rabitahmalaysia@gmail.com](mailto:rabitahmalaysia@gmail.com)  
Laman Web: [www.waag-malaysia.org.my](http://www.waag-malaysia.org.my)

Disunting oleh / *Edited by*

Dr. Asyraf Isyraqi bin Jamil  
Dr. Ahmad bin Yussuf  
Raafat Mohamed Hasan  
Abdul Halim bin Ibrahim  
Musaiyadah binti Ahmadun  
Nurul Nadhrah binti Kamaruzaman

Atur huruf / *Typeset*

Abdul Halim bin Ibrahim

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*

Firdaus Press Sdn. Bhd.  
No. 28, Jalan PBS 14/4, Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43000 Seri Kembangan, Selangor, MALAYSIA  
Tel/Fax: 603-8940 5595

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

Perpaduan Ummah Merentasi Ideologi / Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia

ISBN: 978-967-13828-1-3



# Kandungan

<b>Kandungan</b>	iii
<b>Prakata</b>	v
<b>Pendekatan Wasatiyyah al-Azhar dalam Penyatuan Ummah</b> <i>Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti</i>	1
<b>Perpaduan Ummah: Pendekatan Wasathiyah</b> <i>Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab</i>	11
<b>Ikatan Akidah Tauhid Asas Penyatuan Ummah dan Rekonstruksi Peradaban Wasatiyyah Rantau ASEAN</b> <i>Profesor Ulung Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan</i>	21
<b>Perpaduan Umat Merentasi Ideologi</b> <i>Y.B. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang</i>	35
<b>Perpaduan Ummah: Pengalaman Negara Brunei Darussalam</b> <i>Dr. Haji Norarfan Haji Zainal</i>	47
<b>Perpaduan Islam Dalam Konteks Asia Tenggara: Pengalaman Kemboja</b> <i>H.E. Mohamad Farid Hosen</i>	61
<b>Perpaduan Ummah dan Kepentingannya Dari Perspektif Ulama</b> <i>YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani Hj. Zakaria</i>	67
<b>Perpaduan dan Kepentingannya Dari Perspektif Ulama</b> <i>Dato' Dr. Mahfodz Mohamed</i>	77
<b>Perpaduan Islam Dalam Konteks Asia Tenggara</b> <i>Prof. Madya Dr. Abd. Aziz Hanafi</i>	85
<b>Adab Ikhtilaf Demi Memelihara Perpaduan Ummah</b> <i>Dr. Muchlis M. Hanafi</i>	89

- كلمة وكيل الأزهر الشريف 132  
فضيلة الشيخ الأستاذ الدكتور عباس شومان
- أفكار التطرف: مفهومها . أصولها . أخطارها على الوحدة الإسلامية 124  
فضيلة الشيخ الأستاذ الدكتور إبراهيم صلاح الهُدُهد
- الوحدة الإسلامية من وجهة نظر دول جنوب شرق آسيا 112  
الشيخ فيصل محمد ليوان



# Prakata

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan *Rabb* sarwa sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia kekasih Allah, Nabi Muhammad s.a.w, seluruh keluarga baginda, dan seluruh sahabat baginda. Setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana atas kurnia dan izin-Nya buku 'Perpaduan Ummah Merentasi Ideologi' ini akhirnya dapat disempurnakan.

Perpaduan merupakan teras kekuatan dan keutuhan sesebuah masyarakat dan negara. Rasulullah s.a.w menunjukkan kepentingan perpaduan ketika penubuhan negara Islam Madinah menerusi penggubalan *Sahifah Madinah* dan langkah baginda mempersaudarakan antara Muhajirin dan Ansar. Perpaduan ummah yang dibina baginda diteruskan oleh para sahabat dan pemerintah Islam seterusnya. Hasilnya, empayar Islam menjadi kuasa besar dunia selama beberapa abad dan berjaya membina sebuah tamadun yang mempelopori kemajuan ilmu duniawi dan ukhrawi. Sayangnya, kemajuan yang pernah dikecapi dahulu lebur akibat perpecahan yang berlaku di kalangan umat Islam hingga menjadikan umat Islam ibarat buih-buih di lautan; perpecahan yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti perbezaan mazhab dan ideologi.

Penghasilan buku ini bertujuan mengembalikan kesedaran ummah mengenai peri pentingnya perpaduan ummah. Kandungannya memaparkan idea dan cadangan barisan ilmuwan yang berwibawa berkenaan perpaduan secara umum dan perpaduan Islam secara khusus. Antaranya termasuklah tulisan berkenaan peranan setiap Muslim dalam proses pembinaan perpaduan ummah, sejarah dan faktor perpecahan umat Islam, gesaan dan seruan al-Quran dan al-Sunnah terhadap perpaduan ummah, langkah-langkah membina dan mengukuhkan perpaduan, dan merungkai kekusutan yang menghalang usaha pembentukan perpaduan yang disebabkan perbezaan pendapat, pemikiran, dan mazhab. Selain itu, buku ini turut memaparkan peranan al-Azhar al-Syarif sebagai institusi ilmu berteraskan pendekatan wasatiyyah yang berperanan dalam menjana dan memupuk perpaduan ummah. Peranan tersebut dimainkan menerusi penghasilan ulama dan graduan al-Azhar al-Syarif yang berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar yang bebas daripada sifat *ifrat* dan *tafrit*.

Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia berharap agar penerbitan buku ini dapat memberi manfaat dan menyumbang ke arah perpaduan ummah yang merentasi kepelbagaian ideologi. Penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada barisan penulis yang sudi menyumbang dan berkongsi pemikiran dan pandangan mereka berkenaan perpaduan ummah. Seterusnya penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku ini.

Semoga Allah SWT mengurniakan rahmat-Nya atas usaha yang sekelumit ini. Didoakan agar penerbitan buku ini sekurang-kurangnya dapat menyuntik kesadaran kepada para pembaca untuk membuang yang keruh dan mengambil yang jernih demi perpaduan ummah seluruhnya.

*Jazakumullahu khayran kathiran*

RABITAH ANTARABANGSA ALUMNI AL-AZHAR MALAYSIA





## PENDEKATAN WASATIYYAH AL-AZHAR DALAM PENYATUAN UMMAH

*Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhruddin Abdul Mukti*

### Mukadimah

Wasatiyyah adalah satu konsep Islam yang terolah dari umat Islam yang diciptakan Allah sebagai satu ummah yang bersifat "*wasata*" (al-Baqarah 143). Pelbagai makna diberikan kepada maksud *wasata* ini tetapi Allah kaitkan *ummatan wasata* ini dengan maksud supaya "kamu menjadi saksi ke atas manusia dan Rasul ke atas kamu sebagai saksi". Dalam bahasa Melayu perkataan *wasat* bermaksud tengah yakni perantaraan, pertengahan dan sederhana (*I'tidal*). Sederhana dalam segala perkara sebagai mana sabda Rasul SAW "Sebaik-baik perkara adalah yang sederhana atau pertengahan". Makna *wasata* juga bermaksud sesuatu yang berada di pusat yang menjadi tumpuan pelbagai pihak. Justeru al-Ka'bah al-Musyarrifah jua dijadikan Allah berada di tengah dunia (*wasat al-dunya*) dan menjadi tempat atau *qiblat* kepada seluruh umat Islam global yang datang menunaikan fardhu haji dan ibadat umrah.

Perkataan Wasatiyyah perlu difahami sebagai satu falsafah agama Islam, agama terakhir yang diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan ianya satu sifat khusus umat Islam diberikan oleh Allah. Justeru ianya perlu dilihat sebagai satu falsafah yang tercerna dalam akidah, pandangan, sikap dan perlakuan yang dapat dilaksanakan. Pasti terangkum di dalamnya keindahan Islam kerana sederhana itu sememangnya mudah, indah dan disukai serta adil yang boleh diterima sebagai saksi untuk semua pihak. Penghayatan Wasatiyyah perlu berlaku dalam perlakuan dan sikap umat Islam, ianya perlu diterapkan dalam kurikulum pendidikan supaya kefahamannya jelas dan boleh membentuk minda dan membudayakan sikap rakyat seluruhnya. Wasatiyyah adalah mekanisme menghadapi kejumudan dan sekaligus ekstremisme (*al-ghuluw wa al-tatarruf*) yang bermula dalam alam pemikiran yang akhirnya membawa kepada perlakuan terrorisme (*al-irhab*) yang kini disandarkan kepada agama Islam dan umat Islam sehingga tersebarnya Islamofobia. Islam yang menyuruh berjihad dengan harta benda dan jiwa raga difahami secara salah sehingga membawa musibah sesama umat Islam sendiri.

Mungkin pemikiran yang didukung oleh al-Azhar al-Syarif sebagai *al-marji'iyah* boleh terkumpul menjadi satu mazhab sebagai al-Mazhab al-Azhari yang seharusnya menjadi pegangan para alumni dan umat Islam ASWJ. Ini justeru al-Azhar mempunyai pendirian terhadap segala isu yang berkaitan dengan umat Islam dengan penghujahan ilmiah disamping rujukan kepada al-Quran dan Sunnah (isu-isu tentang jihad, keganasan, extremism, wanita, Syiah, peperangan, perdamaian, politik dan lain-lain) boleh dirujuk kepada al-Azhar termasuk juga mendapatkan fatwa dan pandangan.



### Wasatiyyah Satu Gagasan Al-Azhar

*Ummatan wasata* adalah dianjurkan kepada umat Islam yang dengan dukungan wasatiyyah yang indah dan menarik ini pasti akan menjurus sehingga menampilkan ummah menjadi "*khayra ummah*". Ianya tidak mungkin terhasil kecuali dari pegangan dan amalan kehidupan oleh ummah yang berasaskan kepada kesederhanaan yang tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah. Pegangan wasatiyyah sebagai satu tuntutan ilmu dan berdasarkan ilmu yang menawarkan satu konsep yang harus dipatuhi demi melahirkan kyaira ummah yang terdidik dan terbina dari satu sistem pendidikan yang cemerlang yang menekankan keseimbangan dunia akhirat dan kerohanian dan kebendaan. Mustahil ia boleh berlaku tanpa perancangan kerana ianya memerlukan satu tanzim yang khusus yang berasaskan satu manhaj tarbawi yang terpilih dan dinamik.

Universiti al-Azhar yang terletak di tengah kota raya Kaherah diasaskan pada tahun 3 April 970 masihi dalam zaman pemerintahan Fatimiyyah yang beribu negarakan Maghribi. Satu rombongan yang diketuai oleh Jawhar al-Saqali dihantar oleh Mu'aziddun al-Daulah ke Kaherah untuk pembinaan kota Kaherah dan meletakkan batu asas bagi pembinaan sebuah al-jami' yang akan dibina selama dua tahun. Selepas siap dibina operasi pengajian dilancarkan selepas solat jumaat pertama diadakan (iaitu pada 24 Jun 972/Ramadhan 361) dan al-Jami' ini telah bertukar menjadi al-Azhar Jamian wa Jami'ah (الأزهر جامعة وجامعة) sehingga sekarang. Pusat ilmu ini berkembang berabad-abad lamanya menawarkan pengajian batini sehinggalah akhirnya Mesir dikuasai Salahuddin al-Ayubi (1168/564) yang mengisytiharkan akidah al-Asyariyyah sebagai akidah Negara dan sekaligus bertukar menjadi Institusi Pengajian Sunni terbesar sehingga sekarang. Al-Azhar memperkenalkan *manhaj wasati* yang lebih sistematik dalam melahirkan para pelajarnya yang mendukung manhaj ini untuk disebarikan ke lokasi masing-masing.

Pelaksanaan Wasatiyyah al-Azhar adalah melalui penekanan kefahaman dalam perkara-perkara berikut:

### Pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah

Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah adalah mazhab yang bertitik tolak dari kefahaman akidah yang diambil dari al-Quran dan Sunnah. Justeru sistem akidah ini diasaskan oleh al-Imam Abu Hassan al-Asy'ari bekas seorang tokoh Muktazilah yang berhadapan dengan golongan nassiyun diketuai Imam Ibn Hanbal yang kedua-duanya mengambil pendekatan masing-masing akal dan nas. Pengalaman Abu al-Hassan sendiri membolehkan beliau cuba menggabungkan kedua-dua aliran tersebut dengan berpandukan al-Quran, Sunnah dan Akal. Usaha al-Imam ini digabungkan dengan pandangan tokoh al-Imam al-Maturidi yang kedua-dua memberikan satu penyelesaian kepada kemelut pemikiran yang diterajui oleh golongan Muktazilah yang mengutamakan akal dan banyak mentafsirkan agama mengikut akal fikiran semata-mata. Mereka mendukung bahawa Islam adalah agama akal mengikut kefahaman tokoh-tokoh mereka sehingga melampaui batas-batas akal yang dijadikan Allah bersifat lemah. Di sinilah bermulanya kecemerlangan idea Abu al-Hassan al-Asy'ari yang cuba menggabungkan akal dengan al-Quran dan Sunnah di mana gagasan fikirannya mempunyai kekuatan penghujahan dan kaedah yang mantap serta logik yang akhirnya menjadi satu mazhab yang berkembang menjadi anutan 80% umat Islam di seluruh dunia.

Al-Azhar mendukung mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah ini dengan menghayati keempat-empat mazhab fiqh muktabar dan sekaligus satu penghargaan kepada sumbangan



tokoh-tokoh ulama' Islam tersohor dalam keilmuan fiqh. Mazhab masing-masing adalah satu pengkaedahan ilmu dalam membina hukum hakam Islam bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat mereka pada asalnya. Kaedah-kaedah yang mereka gunakan mempunyai sandaran ilmu yang kuat dan sukar diketepikan. Sekurang-kurangnya pelajar didedahkan satu polemik ilmu yang masing-masing mempunyai kekuatan hujjah dan tidak boleh dipersalahkan mana-mana pandangan. Tambahan kepada empat mazhab terdapat mazhab-mazhab dalam kalangan umat Islam khasnya di rantau timur tengah. Mazhab berkenaan ialah Imamiyyah, Zaidiyyah, Ibadhi dan Zahiri turut diraikan mengikut kaedah yang jelas disamping meraikan semua pandangan ulama' muftabar di luar mazhab-mazhab berkenaan asalkan tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip al-Quran dan Sunnah demi kebaikan dan kepentingan umat Islam dalam pelbagai bidang samada dalam menyelesaikan masalah semasa atau suatu kelonggaran untuk maksud pembangunan dan kemajuan ummah terutamanya dalam bidang ekonomi dan sosial.

Empat mazhab yang diterima pada satu resolusi di Amman Jordan tahun 2005 sebagai memperakukan tidak wajar berlakunya kafir mengkafir dalam kalangan umat Islam yang mendukung empat mazhab berkenaan tambahan kepada empat mazhab yang sudah berkembang dalam masyarakat Islam. Mufti al-Diyar turut bersama memperaku resolusi berkenaan yang bertujuan mengharmoniskan mazhab-mazhab dalam Islam yang perlu dihormati.

Mungkin bacaan keterbukaan al-Azhar ini dapat dilihat kepada pendirian al-Azhar melalui Syeikh al-Azhar dan para ulama' al-Azhar yang sentiasa berhadapan dengan isu-isu semasa yang mencabar. Firqah Islamiyyah menjadi subjek yang dikaji supaya para penuntut al-Azhar terdedah kepada isu-isu perbalahan atau *khilafat aqa'idayyah* khasnya antara Qadariyyah, Jabariyyah Muktazilah dan al-Asy'ariyyah dengan pandangan dan sanggahan tokoh-tokoh seperti Abu Hassan al-Asy'ari, al-Ghazali, al-Syafie, Ibn Rusyd dan lain-lain tokoh-tokoh Ahli Sunnah wal Jamaah. Setiap pandangan dijelaskan dengan amanah ilmiyyah bagi membolehkan pelajar berfikir samada menerima atau menolak asalkan dengan mempunyai hujjah yang sah dan tidak menyimpang dari sumber-sumber utama Islam.

Tidak ada sebab sekiranya kita berkeras dengan pendapat masing-masing sedang sejarah Islam penuh dengan isu-isu khilafiyah ini yang kadang-kadang tidak menguntungkan umat Islam betapa lagi pada zaman kita yang sedang berada dalam perjuangan hidup mati ummah dan kehancuran Negara Islam serta penguasaan *quwa al-kuffar al-'alamiyyah*. Khilafat yang dijangkiti politik lebih banyak memperlihatkan nafsu kerakusan kuasa, kepentingan diri, kumpulan, asabiyyah dan lain-lain sehingga lahir kini "*al-Islam al-Siyas*" yang mencetuskan satu pergolakan yang tidak dapat dijangka apakah kesudahan seterusnya. Islam yang hendak diangkat menguasai pemerintahan sesebuah negara oleh satu kumpulan sedang negara menjadi hak milik rakyat jelata dan semua instrumen rakyat dan negara perlu bekerjasama secara intim bagi memenuhi tuntutan ekonomi, ketenteraan, politik dalaman dan antarabangsa, sosial dan lain-lain.

### **Dakwah bil Hikmah**

*Dakwah bil hikmah* tetap menjadi seruan al-Azhar dan penghayatannya yang berterusan. Tidak berlaku hikmah perlu dipinggirkan buat sementara dan hikmah lebih dibawa kepada memelihara keamanan, perdamaian dan kebaikan serta kasih sayang sesama umat bukan kebencian dan pergaduhan jauh sekali pertumpahan darah dengan apa cara sekalipun termasuk kepatuhan kepada *ulul amri* dan *taghyir mungkar* tidak



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

membawa kepada *mungkar akbar* dan sebagainya adalah demi keamanan dan kedamaian individu sosial dan negara. Penumpahan darah barang dijauhi dengan apa cara sekalipun termasuk mempertahankan pemerintah yang mempunyai kekuatan senjata dan penjamin keselamatan rakyat dan negara dari ancaman musuh terutamanya Israel. Jihad tetap tidak terpinggir dari arus perhatian al-Azhar tetapi dengan kefahaman yang betul.

Melihat kemelut umat Islam khasnya di Timur Tengah, al-Azhar hampir ingin berfatwa haram mengkafir sesama umat dan menegaskan Negara Islam adalah negara demokrasi bukan negara agama dan bukan negara sivil (madani) sebagai mengelak pertelagahan yang berlaku dalam kalangan kumpulan Islam di Mesir. Bahkan pilihanraya dan demonstrasi tiada kena mengena dengan isu haram halal dalam Islam bahkan tuduhan pengkhianatan tidak harus digembar-gemburkan dalam kalangan umat Islam. Ini isu politik seolah-olah agama tidak boleh digunakan untuk maksud tersebut.

Justeru al-Azhar sering mendakwa kesinambungannya sehingga ini adalah justeru kesederhanaan atau ke'tidalannya. Ianya tidak pernah mencipta musuh-musuh dan tidak ada perkara yang menakutkan sesiapa sahaja. Pejuang wanita dan golongan pemimpin bukan Islam sering menemui pihak al-Azhar bahkan baru-baru ini diadakan daurah bersama pendakwah Islam dan Kristian di Mesir (*al-du'ah dan qasawisah*) untuk maksud pendedahan wasatiyyah supaya perpaduan rakyat dapat diperkasakan dan dipertahankan.

### Bahasa Arab

Bahasa Arab sangat ditekankan dalam sistem pengajian Islam di al-Azhar dan ianya merupakan bahasa al-Quran dan Sunnah serta karya-karya para ulama'. Justeru tidak dapat tidak perkara sastra Arab turut diberi penekanan sedang sastra Arab adalah dari sastra jahiliyyah yang perlu dikaji dan diteliti. Justeru karya-karya tokoh-tokoh sasterawan Arab terkenal dibaca dan dihargai dengan sewajarnya tanpa dikaitkan isu-isu jahiliyyah atau kepribadian tokoh-tokoh tertentu. Al-Quran adalah kitab Allah yang mempunyai nilai sastra Arab yang tinggi yang perlu diberi perhatian. Bahasa Arab sangat perlu diperkasakan dalam pengajian Islam. Kelemahan Bahasa al-Quran ini boleh membawa kepada kelemahan kefahaman Islam.

### Pengajian Empat Mazhab

Empat mazhab begitu mendapat tempat dalam pengajian dan rujukan al-Azhar. Tidak timbul langsung soal taksud mazhab seperti yang berlaku kepada sesetengah ulama dan tempat yang merendah-rendahkan mazhab tertentu termasuk mempertikaikan kewibawaan ulama-ulama berkenaan terhadap sesetengah pandangan mereka yang tidak disenangi dan tidak dapat difahami dengan mudah atau dalam konteks tertentu. Ulama al-Azhar apabila membincangkan sesuatu isu mereka akan memberikan pelbagai pandangan dan hujjah masing-masing dan memilih pandangan tertentu sebagai pilihan bukan memaksa seseorang menerima sesuatu pandangan atau menyesatkan pandangan lain asalkan ada asas ilmiah yang kuat dan oleh ulama' yang dihormati.

### Akidah Asy'ariyyah

Abu al-Hassan al-Asy'ari seorang tokoh akidah yang cukup agung bagi al-Azhar. Kehebatan tokoh ini boleh dilihat dan dikaji melalui karya-karya peninggalan beliau dan segala argumen beliau yang menolak aliran-aliran lain seperti Muktazilah dan Syi'ah sesungguhnya sangat logik dan bermantiq tinggi. Justeru bekas mufti Mesir pernah menjelaskan akidah



al-Asyar'iyyah adalah akidah Rasul s.a.w dan para sahabat r.a. Di manakah salahnya akidah ini dari segi ilmiah atau akademik dan Abul Hassan telah bertungkus lumus ingin menyelesaikan isu-isu perbalahan dan penghujahan Mukhtazilah yang ditolak walaupun mendakwa menggunakan logik akal yang tinggi. Mungkin akidah al-Asy'ari ini telah berkembang dan tersebar di serata pelusuk melalui tokoh-tokoh besar bermula dari gabungan pemikiran al-Maturidi diikuti oleh tokoh-tokoh mutakallimin al-Baqillani, al-Imam al-Haramain, al-Razi dan al-Ghazali. Akidah ini dikembangkan oleh al-Sanusi dan akhirnya diolah dan digilap oleh sekumpulan ulama al-Azhar yang bermula dari Ibrahim al-Laqqani. Akidah mempunyai anjakan paradigma melalui institusi al-Azhar bukan lagi melalui personaliti tokoh-tokoh besar ulama seperti al-Baqilani atau al-Ghazali. Al-Azhar sebagai institusi pendidikan mengambil alih peranan ini dalam menyebarkan akidah al-Asyariyyah dengan syarah dan ulasan yang dicetak dan disiarkan.

### Mantiq

Ilmu Mantiq atau sekarang mungkin dapat dikenali sebagai ilmu “kemahiran berfikir” sangat mendapat tempat dalam kalangan ulama' Ahli Sunnah wal Jamaah. Ianya menyediakan satu kaedah berfikir yang menolak fikiran yang salah dan tidak logik dan sekaligus mengambil fikiran yang betul. Akal diajak berfikir dan berfikir dengan mantiq dan logik berdasarkan tuntutan Islam jua. Pengajian Ilmu Mantiq di al-azhar diletakkan bersama-sama dengan tauhid dan falsafah secara bersama dengan ilmu akidah dan usul fiqh (lihat Murad Wahabah dan Muna Abu Sanah, *Ibn Rushd al-Yaum*, Kaherah, 2000, hal. 65) .

Kelogikan wajib patuh kepada *ulul amri* atau *al-sultan* bagi memelihara keamanan sebagai mana Imam al-Ghazali misalnya pernah berkata “ke atas rakyat berkasih sayang terhadap para pemerintah dan raja-raja”. Dikatakan raja atau pemerintah mestilah adil untuk dipatuhi. Logik ilmu mantiq jika tidak adil maka zalim dan tidak ada di antara kedua-duanya seperti yang didakwa Mukhtazilah. Justeru sepastinya patuh kepada pemerintah kerana dia adil dan bukan zalim dan melakukan kezaliman. Jika ada kezaliman apakah bentuk kezaliman yang dilakukan pemerintah terhadap rakyat. Kejatuhan sesebuah pemerintah lebih banyak membawa musibah kepada ummah dan negara. Penukaran pemerintah (*fasl al-hakim*) bukan perkara main-main dan bukan untuk diuji dan dicuba-cuba. Ianya akan membawa padah kepada negara dan rakyat. Rakyat hilang pekerjaan, tidak selamat bahkan akan menjadi pelarian apabila tanah air mereka berharubiru dan dilanda ancaman dan pergaduhan. Seruan kepada perdamaian dan hentikan pergaduhan serta keganasan dan penumpahan darah sesama sendiri disebabkan perebutan kuasa adalah dianggap seruan kepada al-mantiq dan akal kerana pergaduhan yang melanggar tata adab dan akhlak membawa musibah yang lebih buruk dan merosakkan.

### Tasawuf

Ilmu Tasawuf adalah subjek utama dalam institusi pendidikan Usuluddin al-Azhar. Tasawuf sebagai ilmu akhlak sangat penting dan ianya ada kaitan dengan soal kejiwaan dan pembentukan akhlak yang mulia disamping menanamkan sifat-sifat ikhlas dalam kerja-kerja dan amalan-malan yang dilakukan. Penulisan ahli-ahli sufi adalah khazanah ilmu akhlak yang menjadi sumber kepada umat Islam. Semua tokoh ahli sufi sangat dihargai dan fikiran mereka disebarkan sebagai ahli-ahli ilmu dan amal yang diyakini akan keberkatan mereka. Karangan mereka tetap dijadikan rujukan dan teks untuk pengajian. Semua tokoh sufi tanpa kecuali disayangi kerana kewarakan dan kebaikan mereka bahkan yang bersyatahat sekalipun akan ditakwilkan dengan ilmiah dan tawaduk.



### Falsafah

Falsafah sebagai “*hub al-hikmah*’ yang sejarahnya bermula dari Greek sehinggalah falsafah moden, semasa dan barat tetap menjadi intipati kurikulum al-Azhar. Kemampuan pemikiran ahli-ahli falsafah sepanjang zaman seharusnya dihargai dan tanpa menguasai ilmu falsafah yang membincangkan tentang Allah (Tuhan), alam dan manusia (al-insan) membuatkan kita mensia-siakan sumbangan besar mereka. Falsafah Greek dan moden turut dikaji dengan mendalam dengan saringan dan ulasan dari perspektif Islam. Sementara pemikiran falsafah Islam termasuk polemik tokoh falsafah dengan hujah-hujah dikaji secara mendalam untuk pendedahan kepada pelajar supaya lebih terbuka. Ilmu Mantiq sebagai pengantar kepada falsafah dikaji sepenuhnya berasaskan kata-kata Imam al-Ghazali “Kalam yang tidak bermantiq tidak boleh dipercayai”. Justeru tanpa mantiq dan tanpa falsafah serta tasawuf mungkin memudahkan seseorang itu mendukung fikiran jumud dan melampau. Pandangan keganasan adalah berasal-usulkan pegangan kaedah yang salah dalam pemikirannya bahkan didapati bermula dengan anti mantiq, anti falsafah dan anti tasawuf yang hilang kelojikan dan akhirnya menghilangkan sifat kasih sayang kepada para ulama’ terdahulu yang berkorban masa dan tenaga dalam membina ilmu dan mewariskannya kepada generasi kemudian. Ulama adalah pewaris para anbiya’ dan belum terbukti banyak idea-idea yang diberikan itu mempunyai apa-apa kepentingan selain dari ilmu dan kefahaman mereka yang cemerlang dalam menyelesaikan isu-isu semasa yang dihadapi mereka di zaman kehidupan mereka. Idea tidak penuh diwarnai dengan kebanggaan diri dan mutlak benar kecuali dihidangkan dengan penuh tawaduk dan dipacu dengan jiwa takutkan Allah.

Menurut Prof. Dr al-Bayumi pendekatan pengajian di al-Azhar menghubungkan falsafah dengan agama adalah bagi membina dan menyuburkan kemampuan berdialog dan berfikir terbuka supaya bebas dari taksab, jahil dan keras yang membuta tuli serta bertendensi ingin memaksa supaya fikirannya diterima. Jika falsafah itu adalah ibu segala ilmu tetapi di al-Azhar agama adalah bapa kepada falsafah dan ilmu (Murad Wahabah dan Muna Abu Sanah, *Ibn Rushd al-Yaum*, Kaherah, 2000, hal. 64-65). Dr Bayumi juga pernah menyebut betapa pemikiran al-Azhar ini sebagai al-marja’iyah dijadikan satu mazhab yang dikenali sebagai al-mazhab al-azhari. Sepastinya ini boleh menyempitkan jurang perbalahan dalam kalangan umat Islam terhadap beberapa isu yang menyebabkan perpecahan khasnya dalam kalangan ulama sendiri yang mengeluh-kesahkan masyarakat orang ramai.

### Wanita

Dalam zaman *tatwir al-Azhar* al-Azhar mula menerima pelajar-pelajar wanita untuk menerima pengajian bersama pelajar kaum lelaki tetapi secara berasingan yang dikenali sebagai *Kuliah al-Banat*. Isu wanita sangat penting ditangani dengan ilmu apa lagi yang berkaitan soal kebebasan dan hak-hak wanita yang dipejuangkan di barat. Islam perlu memberi garis panduan yang jelas tentang kedua-dua isu ini supaya wanita lebih terbela dalam Islam. Al-Azhar tidak pernah menampakkan apa-apa kekurangan dalam hak-hak wanita sehingga dianggap satu penindasan oleh kaum ini seperti yang didakwa berlaku di tempat-tempat lain di dunia Islam. Wanita diberi peluang belajar bekerja dan menjalankan aktiviti-aktiviti tanpa dikongkong atau ditindas. Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi pernah menyebut wanita-wanita di dunia Islam mazlumah. Mungkin pencapaian wanita Islam di Malaysia dalam pelbagai bidang dan kepakaran boleh membanggakan al-Azhar jua yang memperjuangkan kedudukan wanita dalam Islam.



## Perpaduan Islam

Perpaduan umat Islam dalam pelbagai peringkat mempunyai tujuan tertentu yang digariskan oleh Islam kerana perpaduan adalah arahan Allah “*wa’tasimu bi hablillah*”. Ianya adalah dari usul agama yang tidak boleh bertolak ansur. Perpecahan sebagai musuh perpaduan boleh melemah dan meruntuhkan ummah bahkan umat Islam hilang kuasa disebabkan perpecahan sesama sendiri yang sukar diselesaikan. Medan pertempuran nampaknya banyak beralih dari dengan musuh sebenar kepada sesama sendiri sedangkan “*al-qatil wal maqtul fi annar*”. Al-Azhar lebih menonjol sebagai institusi pendidikan dan dakwah dan justeru sangat menekankan perpaduan sesama umat Islam dan tidak sekali-kali mengambil pendekatan *takfir*, *tafsiq* dan *tabdi’* yang melahirkan kebencian, hina menghina dan pulau memulau di mana akhirnya umat berpecah belah sesama sendiri mengikut guru-guru dan syeikh-syeikh mereka yang mengajar ilmu kepada mereka dengan membawa kefahaman mereka sahaja yang benar dan pihak lain selain dari mereka adalah salah sesat dan menyeleweng. Ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis digunakan dengan tafsiran mereka dan jadilah mereka sahaja yang benar.

## Wasatiyyah al-Azhar Wadah Penyatuan Perpaduan Ummah

*Al-Azhar Jami’an wa jami’ah* adalah suatu institusi yang terus kekal lebih dari 10 kurun sehingga ini dan kelangsungannya adalah disebabkan pendekatan wasatiyyah dan kesederhanaan yang dibawanya sepanjang zaman semenjak ditubuhkan membuatkan institusi terulung Sunni ini terus bertenaga menjadi rujukan utama umat Islam di seluruh dunia. Pendekatan yang dibawa oleh Al-Azhar melalui gagasan Wasatiyyah yang berasaskan aqidah wasatiyyah boleh menjadi wadah untuk penyatuan ummah melalui peranan-peranan berikut:

**Syeikh al-Azhar.** Seorang tokoh ilmu yang berwibawa dan sangat dihormati oleh pemimpin, rakyat dan semua pihak di Mesir, dunia Arab, dunia Islam dan seluruh dunia. Penghormatan kepada Syeikh Al-Azhar oleh semua pihak khasnya di dunia Islam seluruhnya dan dalam kalangan masyarakat Islam seluruh dunia mungkin sedikit sebanyak boleh menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi umat Islam berdasarkan kaedah ilmu yang muktabar.

**Universiti al-Azhar.** Universiti yang menjadi kakbah ilmu untuk anak-anak Islam dari seluruh dunia. Sijil-sijil dan kurikulum di negara-negara berkenaan turut diberi perhatian oleh al-Azhar supaya memastikan kelayakan mereka untuk meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar. Pelajar akan dapat belajar dan menguasai ilmu kemudian pulang berkhidmat di negara masing-masing.

**Ulama al-Azhar.** Ulama Al-Azhar berada di mana-mana penjuru dunia dan menganggap diri sebagai *sufara’* al-Azhar. Mereka mendukung wasatiyyah dan kesederhanaan dalam pemikiran dan sikap. Mesra umat Islam seluruhnya dan membimbing penuntut ilmu dengan kasih sayang dalam perkataan dan layanan.

**Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar.** Rabitah ini ditubuhkan pada tahun 2007 di Kaherah sewaktu berlangsungnya multaqa kedua alumni Azhar sedunia dan kini mempunyai cawangan-cawangan di seluruh dunia termasuk di dunia barat. Sentiasa mendukung wasatiyyah dan mengajak umat Islam kepada wasatiyyah sementara bukan Islam dapat melihat keindahan Islam melalui konsep wasatiyyah yang dibawa oleh aktiviti Rabitah. Jika semua alumni al-Azhar bersatu di bawah payung ini sepastinya satu barisan yang kuat dapat diwujudkan bagi mempertahankan kesederhanaan Islam terutamanya



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

dalam menghadapi isu-isu *takfir*, *tabdi'*, *ghuluw* ekstrem dan jumud jua selaras dengan risalah al-Azhar kepada alam seluruhnya.

**Fatawa al-Azhar.** Pelbagai fatwa dikeluarkan oleh al-Azhar dan Dar al-Ifta'. Umat Islam perlu merujuk kepada fatwa al-Azhar dan ini mudah mendapat sokongan masyarakat setempat kerana keilmuan dan kredibiliti tokoh-tokoh fatwa Al-Azhar tidak dipertikaikan oleh sesiapa. Malaysia sehingga ini menghantar pegawai-pegawai di bawah keloloan JAKIM setiap tahun mengikuti daurah 3 bulan di Al-Azhar untuk mendapat pendedahan isu-isu fatwa dan kemantapan keilmuan Islam yang sedia dimiliki oleh para peserta.

**Kurikulum al-Azhar.** Kurikulum al-Azhar adalah jelas sangat terbuka dengan menekankan ilmu turath dan semasa. Lanya banyak mengajak para pelajar berfikir, bersikap kritikal dan terbuka melalui pendedahan khilafat ulama' terhadap sesuatu isu dan penolakan sesuatu berdasarkan kelojikan disamping nas naqli. Bidang-bidang usuluddin, syariah, bahasa Arab, dakwah dan al-Quran terus dimantapkan termasuk kemampuan bahasa Arab pelajar yang tidak boleh menerima tolak ansur begitu juga takusus ilmu dalam bidang-bidang utama supaya kepakaran ulama' dalam bidang utama itu terpelihara terus-menerus.

**Pendirian al-Azhar.** Azhar sentiasa mengeluarkan kenyataan mengenai isu-isu semasa termasuk isu antarabangsa yang menyentuh kepentingan umat Islam dalam dalam pelbagai tajuk. Umat Islam boleh merujuk dan berpegang dengan isu-isu ini untuk mengelakkan perpecahan dan kejahilan dan sekaligus menunjukkan kesatuan ummah dan perpaduan pemikiran dan sikap demi kebaikan Islam dan ummahnya.

### Wasatiyyah Azhariyyah di Malaysia

Alhamdulillah kehadiran anak-anak Melayu bermula pada akhir kurun kedua puluhan terus menerus sehingga hari ini. Reputasi al-Azhar sangat tinggi dalam kalangan umat Islam di Negara ini semenjak dahulu lagi dan dengan kemudahan dan galakan dari pihak kerajaan sendiri menyebabkan ramai anak-anak pergi menimba ilmu dari rihab universiti terulung ini. Justeru hasil kepulangan jenerasi anak-anak didikan al-Azhar ini mereka menjadi dominan dalam pendidikan ummah dan sekaligus menerajui perkembangan Islam yang berlaku di Negara ini. Pendukung Islam bermazhab, aqidah sifat dua puluh, pembahagian bid'ah kepada sayyi'ah dan hasanah (dari Imam al-Ghazali), penghayatan tasawuf dan tarekat yang sah, kebebasan wanita dengan penuh adab Melayu, mematuhi raja-raja Melayu dan pemerintah, anti takfir dan tabdi' adalah antara lain yang keluar dari ranting wasatiyyah al-Azhariyyah yang sederhana .

WAAGM adalah kesinambungan risalah al-Azhar untuk disampaikan dengan lebih tersusun dan memperkuat institusi Islam yang memperjuangkan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah dengan ajarannya yang sebenar yang bersumberkan al-Quran Sunnah dan ulama' muktabar terdahulu dan sepanjang zaman.

Jika semua keluaran al-Azhar di Malaysia dan penggabungan kita dengan sesiapa sahaja dari kalangan ulama' dan pencinta Wasatiyyah maka gabungan ini akan membuahkan satu platform baru untuk memantapkan aliran akidah dan pemikiran Islam ASWJ yang berakar umbi semenjak Islam bertapak di rantau ini dan sekaligus mempertahankannya dari aliran-aliran lain yang kurang sesuai yang mencanggahi tradisi pegangan kita yang diwarisi dari ulama' Melayu terdahulu yang muktabar melalui aktiviti-aktiviti akademik, dakwah, penulisan, dialog dan seminar.





Perisytiharan PM tentang komitmen Wasatiyyah Malaysia sesungguhnya memberi satu kekuatan kepada WAAGM untuk bersama-sama menjayakannya dengan sokongan padu dari Institusi Al-Azhar di bawah pimpinan Syaikh Al-Azhar.

Wasatiyyah sangat sesuai dan menjadi wadah untuk kesatuan Ummah kerana ianya mengandungi seruan berdialog, berhiwar dan bertukar-tukar fikiran demi untuk kebaikan ummah dan kecemerlangan Islam di Negara ini khasnya. Masyarakat Malaysia yang berbagai kaum (majmuk) merupakan bumi yang subur bagi melaksanakan wasatiyyah bagi melahirkan masyarakat yang bertolak ansur dan saling memahami dalam tanggungjawab bersama-sama membangunkan Negara kita yang tercinta ini.

Justeru, kepentingan wasatiyyah kepada setiap muslim kini menjadi satu keperluan, justeru sudah sampai masanya penekanan kepada perkara ini diberi keutamaan dan digembelngkan oleh semua pihak khasnya dalam bidang kurikulum pendidikan supaya menjuruskan kepada fahaman Islam wasatiy yang bertetapatn dengan kehendak Islam yang sebenar. Pusat atau Kerusi Wasatiyyah di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia perlu disegerakan, Yayasan Ummah untuk kesederhanaan dalam pemikiran dan kebudayaan perlu ditubuhkan, ia amat penting bagi mempertahankan wasatiyyah dan menggalakkan penggunaannya dalam bidang pendidikan, hubungan masyarakat dan budaya. Kelahirannya pasti menjadi satu hadiah yang tidak ternilai bagi dipusakakan kepada generasi umat Islam akan datang.

Orientasi Pusat Kecemerlangan Wasatiyyah ini bukan hanya sebagai tempat kegiatan ilmiah dan penyelidikan yang bersifat lokal, tetapi menggabungkan juga kegiatannya dengan perancangan yang pragmatik melibatkan jalinan rangkaian kerjasama di peringkat global. Matlamat utamanya ialah mengembangkan budaya kesederhanaan, mendalami budaya dialog dan menyumbangkan kepada pembangunan modal insan dan menjemput umat manusia ke jalan lurus yang dianjurkan oleh agama Islam untuk bersama berdepan menentang ekstremisme dan tingkah laku yang melencong dari kebaikan.

## Penutup

Dengan keterbukaan al-Azhar dan konsep wasatiyyahnya yang diperjuangkan oleh para ulama dan ilmuan yang sesungguhnya mendukung al-Quran, Sunnah dan mendasari kaedah-kaedah ilmu yang muktabar yang sentiasa mengajak akal berfikir dengan insaf, bebas, praktikal dan lojik. Al-Azhar sahaja dengan organisasinya yang berakar umbi sekian lama nampaknya yang mampu menampilkan menyekat aliran-aliran pemikiran yang taksub melulu dan tidak praktikal dalam mensahami perdamaian global dan membahagiakan ummah. Justeru al-Azhar perlu diperkasakan sewajibnya untuk menjadi pusat pengajian berterusan umat Islam dari seluruh dunia supaya isu-isu agama dapat ditangani dengan kaedah yang lebih membawa kesatuan dan perpaduan yang semakin retak dan menyumbang kepada kelemahan dan kemunduran umat Islam.

Tanpa wasatiyyah keindahan Islam gagal ditawarkan sebagai penyelamat dunia dari lemas dalam pelbagai kemelut dan krisis kemanusiaan sejagat yang tidak berkesudahan. Apakah maknanya jika pelbagai kekayaan bumi yang Allah anjurkan untuk manusia membangunkan dunia dan memakmurkan alam serta mensejahterakan kehidupan yang menuntut tukar menukar hasil dan kepentingan gagal direalisasikan dan dibumikan?. Wasatiyyahlah penyelesaian praktikal yang boleh melakukan ini. "Sesungguhnya Kami menjadikan kamu satu ummah yang bersifat *Wasata*" (maksud al-Quran). Jelas al-Azhar adalah pendukung wasatiyyah dan penunjulan dan penyebarannya adalah bersendikan



kaedah ilmu yang muktabar.

Penghayatan Wasatiyyah dilaksanakan dalam kurikulum pengajian dengan menggabungkan *turath* dan semasa supaya ianya lebih praktikal bagi memnuhi tuntutan zaman yang mencabar. *Turath* dihargai dengan sepenuhnya dan terolah sebagai asas yang kuat untuk memantapkan pegangan umat. Segala sumbangan ulama terdahulu melalui buah-buah pemikiran mereka dan polemik ilmu mereka di kaji dan diselidiki supaya metodologi penyampaian dan penghujahan ilmu mereka dikuasai dengan sebaiknya. Keterbukaan para ilmuan dengan pelbagai idea pro dan kontra memperkayakan warisan ilmu Islam dan keterbukaan ini sebenarnya menjana penyatuan ummah kerana warisan mereka sudah sebatu dengan al-ummah yang menghargai dan menghormati mereka. Fiqh al-Ikhtilafat dikuasai dengan sepenuhnya supaya hormat-menghormati dapat dihayati dan hujah yang diberikan dapat dihargai serta sifat berlapang dada dapat dibina, malah hina-menghina sesama ulama dapat dijauhi.

### BIODATA RINGKAS PENULIS

**Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Fakhrudin Abdul Mukti** melanjutkan pengajiannya di Universiti al-Azhar di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan meneruskan pengajian Sarjana di Universiti Ain Shams Mesir serta di Temple University, Amerika Syarikat. Beliau seterusnya memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Birmingham, United Kingdom. Beliau kini merupakan Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Beliau juga merupakan mantan Duta Besar Malaysia ke Mesir dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah MSD di Kaherah, Mesir.



## PERPADUAN UMMAH: PENDEKATAN WASATIYYAH

Prof. Dr. Muhammad Quraish Shihab

### Pendahuluan

Tajuk di atas, “Perpaduan Ummah: Pendekatan Wasatiyyah“, singkat dan padat sekaligus mengisyaratkan bahwa jalan terdekat bahkan satu-satunya jalan guna mencapai Perpaduan yang harmonis adalah Wasathiyah. Memang, jika ada sekian pihak yang menempati posisi yang berbeda-beda dan berjauhan, maka cara terbaik untuk mempertemukan mereka adalah masing-masing hendaknya melangkah menuju ke posisi tengah. Di sanalah *meeting point* mereka. Jika masing-masing memertahankan posisinya, apalagi jika memaksa pihak lain untuk datang kepadanya, maka perpaduan tidak dapat terjadi, bahkan sikap demikian mengundang setiap pihak melepaskan busur-busur panah kepada pihak lain, yang dalam konteks agama adalah tuduhan kafir dan sesat, dan dalam konteks berbangsa dan bernegara adalah pemberontakan dan pengkhianatan.

### Makna Ummah

Apakah Ummah? Dalam Al-Qur’an kata *أمة* / ummat ditemukan terulang dalam bentuk tunggal sebanyak lima puluh dua kali, dan dalam bentuk jamak sebanyak dua belas kali. Al-Dâmiġhâny yang hidup pada abad XI H. menyebut sembilan arti untuk kata ummat, yaitu, 1) *‘Ushbah* / kelompok, 2) *Millat* / cara dan gaya hidup, 3) Tahun-tahun (waktu) yang panjang, 4) kaum, 5) pemimpin, 6) generasi lalu, 7) ummat Nabi Muhammad saw (umat Islam), 8), orang-orang kafir secara khusus) dan 9) makhluk / burung (yang dihimpun oleh persamaan antara mereka).<sup>1</sup>

Kita bisa berbeda pendapat tentang makna-makna di atas, namun yang jelas adalah Q.S. Yusuf [12]:45 menggunakan kata ummat dalam arti waktu, dan Q.S. Al-Zukhruf [43]: 22 dalam arti jalan, atau gaya dan cara hidup. Sedang Q.S. Al-Baqarah [2]:213 –hemat penulis--menggunakannya dalam arti kelompok manusia dalam kedudukan mereka sebagai makhluk sosial. Selanjutnya firman-Nya yang menamai Nabi Ibrahim sebagai ummat (Q.S. Al-Nahl [16]: 120)<sup>2</sup> sama makna dan kandungannya dengan kata *imâm* yakni pemimpin sebagaimana ditegaskan oleh Q.S. Al-Baqarah [2]:124. Benang merah yang menggabungkan makna-makna di atas adalah “himpunan sekian banyak hal yang memiliki persamaan”.

Dari sini kita dapat berkata pada kata *أمة* / ummat terselip makna-makna yang cukup dalam. Ia mengandung arti gerak dinamis, dan arah, karena tidak ada arti satu jalan kalau tidak ada arah yang dituju serta

1 Al-Husain bin Muhammad Ad-Dâmiġhâny, *Qâmus Al-Qurân*, Dâr Al-‘Ilm Lil Malayîn, Beirut, Cet. V, 1985, hal 42 -43.

2 Ini karena dalam diri Nabi Ibrahim a.s. terhimpun sekian banyak sifat dan karakter terpuji yang tidak dapat terhimpun kecuali melalui sekian banyak tokoh.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

jalan yang dilalui, dan tentu saja, perjalanan guna mencapai kejayaan umat memerlukan waktu yang tidak singkat sebagaimana diisyaratkan oleh salah satu makna ummat, serta memerlukan juga pemimpin baik seorang maupun sekelompok orang yang memiliki sifat-sifat terpuji dan dengan gaya kepemimpinan serta cara hidup sesuai dengan nilai-nilai yang dianut oleh anggota masyarakat ummat itu.

Kata ummat, dengan keluesan/fleksibilitas dan aneka makna di atas memberi isyarat bahwa Al-Qur'an dapat menampung perbedaan kelompok-kelompok ummat Islam, betapapun banyak atau kecil jumlah mereka, selama perbedaan itu tidak mengakibatkan perbedaan arah, atau dengan kata lain, selama mereka tidak menyimpang dari Ushuluddin dan selama perbedaan itu tidak mengakibatkan perpecahan atau teror.

Hakikat ini diisyaratkan antara lain oleh Firman-Nya yang bermaksud:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Janganlah kamu menjadi serupa dengan orang-orang yang berkelompok-kelompok dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat.

(Ali 'Imran 3: 105)

Firman-Nya, sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka, difahami oleh banyak ulama berkaitan dengan kata berselisih, bukan dengan kata berkelompok, dan ini berarti larangan di atas bukan larangan berkelompok, tapi larangan menjadikan perbedaan kelompok sebagai sebab perselisihan dalam prinsip-prinsip ajaran agama, karena perbedaan/perselisihan pendapat menyangkut rincian ajaran agama dapat dibenarkan bahkan itu dikehendaki Allah, karena Al-Quran merupakan salah satu sebab perbedaan pendapat sebagaimana akan disinggung nanti.

Adapun yang dimaksud dengan berkelompok-kelompok, maka ia dapat difahami antara lain dalam arti perbedaan dalam organisasi atau mazhab Fiqh, atau pandangan politik. Memang perbedaan dalam bidang-bidang ini dapat menimbulkan perselisihan, tapi perbedaan tersebut jika dikelola /di-manage dengan baik dapat melahirkan kemudahan, rahmat dan hubungan harmonis. Jika demikian, ayat ini tidak melarang ummat untuk berkelompok, atau berbeda pendapat. Yang dilarangnya adalah berkelompok yang mengakibatkan perpecahan dan perselisihan dalam tujuan. Adapun perbedaan yang bukan pada prinsip atau tidak berkaitan dengan tujuan, maka -sekali lagi- yang demikian itu dapat ditoleransi bahkan tidak mungkin dihindari. Rasul saw sendiri mengakuinya bahkan Allah menegaskan bahwa yang demikian itulah adalah kehendak-Nya jua.

Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepada Kamu, maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. ( Q.S Al-Maidah [5]: 48).



## Kelompok-kelompok Umat Islam

Di atas telah dikemukakan bahwa berkelompok dibenarkan oleh Islam selama hal itu tidak berkaitan dengan Ushuluddin dan tidak juga mengakibatkan perpecahan umat. Demikian itu karena Al-Quran adalah salah satu sebab yang melahirkan perbedaaan yang kemudian berkembang dan melahirkan kelompok yang berbeda, walau pun aneka kelompok itu menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai rujukan dan mashdar/sumber dari pandangan-pandangan mereka, Al-Quran dinilai sebagai Hammalat Lil wujuh yakni dapat mengandung aneka penafsiran yang kesemuanya bisa benar. Semua sepakat bahwa ada qira'at yang berbeda-beda dan yang dapat melahirkan perbedaaan makna bahkan satu ayat dengan qira'at / bacaan yang disepakati sekalipun masih saja membuka peluang untuk lahirnya perbedaaan penafsiran. Ini karena setiap teks - termasuk teks ayat-ayat Al-Quran- selalu disertai oleh satu atau lebih dari kemungkinan-kemungkinan yang dapat menimbulkan makna yang berbeda. Ada sekian banyak kemungkinan yang dapat mengakibatkan satu lafadz atau redaksi mengalami perbedaan arti, antara lain:

Makna lafadz yang digunakan ayat atau hadis. Satu lafadz dapat mengandung dua makna atau lebih bahkan bisa satu kata yang sama memiliki dua makna yang bertolak belakang, seperti misalnya kata قُرُوْء / quru' (Q.S Al-Baqarah [2]:228). Kata ini, ada sahabat Nabi saw yang memahaminya dalam arti haid, dan makna inilah yang dipilih oleh Imam Abu Hanifah, tapi ada juga sahabat Nabi saw yang memahaminya dalam arti suci, dan inilah yang dianut oleh Imam Malik dan Imam Syafi'i.

Di samping itu, satu kata/ kalimat dapat juga menimbulkan perbedaan pendapat akibat adanya kemungkinan bagi kata /kalimat itu untuk difahami secara hakiki dan bisa juga secara metafor, atau akibat perbedaan pendapat menyangkut kata yang digunakan apakah menurut pengertian syari'at, atau kebahasaan, atautkah 'urf yakni makna keseharian. Kata *banātikum* / anak-anak perempuan kamu pada Q.S. An-Nisa' yang berbicara tentang wanita-wanita yang haram dinikahi, diperselisihkan cakupan maknanya: Apakah ia dalam pengertian kebahasaan, sehingga seseorang yang menzinahi seorang perempuan lalu lahir darinya seorang anak perempuan, dapatkah anak perempuan itu dinilai sebagai anak perempuan si pezinya atau bukan. Imam Abu Hanifah menilainya demikian karena bahasa menggunakan kata itu untuk makna tersebut, dan dengan demikian menurut Imam mazhab itu, anak perempuan itu haram dikawini oleh pria yang spermahnya menjadi sebab kelahiran anak perempuan itui. Pendapat ini berbeda dengan pendapat Imam Syafi'i yang menyatakan bahwa lelaki yang membuahi itu, boleh kawin dengan anak perempuan yang lahir dari spermahnya, karena anak perempuan tersebut adalah anak zina yang lahir bukan dari akad yang shahih dan dengan demikian, ia tidak diakui sebagai anaknya oleh syariat. Buktinya, bahwa anak perempuan itu tidak mewarisinya, tidak pula sang "ayah" berhak menjadi wali atasnya.

Riwayat-riwayat juga dapat menjadi sumber perbedaan. Satu riwayat – baik hadis Nabi maupun bukan -boleh jadi diketahui oleh ulama A sehingga berpendapat sesuai riwayat yang diketahuinya itu, dan boleh jadi tidak diketahui oleh ulama B sehingga tidak menjadi bahan pertimbangannya. Bisa juga keduanya mengetahui riwayat yang sama, tetapi ulama ini menilainya kuat dan wajar untuk digunakan sebagai dalil, sedang ulama itu – baik karena menerimanya dari jalur perawi yang berbeda, atau akibat pertimbangan lain -, riwayat tersebut ditolaknya. Dan tentu saja masih banyak faktor lain yang dapat mengakibatkan perbedaan, namun bukan di sini tempatnya diuraikan.



Jangan duga bahwa perbedaan pemahaman dan tuntunan agama hanya terbatas pada manusia biasa. Nabi-nabi pun dapat mengalami hal serupa. Dua orang nabi dalam satu masa dan tempat yang bersamaan menghadapi satu kasus, dapat berbeda ketetapan hukumnya. Ini berarti keduanya benar, walaupun tentu ada yang lebih benar. Bacalah Q.S. Al-Anbiya' [21]:78-79 yang menguraikan kisah Nabi Daud dan putra beliau Nabi Sulaiman as.

Rasul saw. pun tidak jarang membenarkan pendapat-pendapat yang berbeda-beda walaupun kelihatannya bertolak belakang. Sebagai contoh, kasus perintah beliau kepada beberapa orang sahabat yang menuju ke perkampungan Bany Quraizhah sambil berpesan: "Janganlah salah seorang di antara kamu shalat Ashar, kecuali di perkampungan Bany Quraizhah". Perbedaan pemahaman dan pengamalan sahabat Nabi yang diperintah itu menyangkut pesan Nabi saw ini cukup populer, tapi kendati sangat berbeda namun dibenarkan oleh Rasul saw. karena semua pada hakikatnya bermaksud mengikuti Rasul s.a.w. Sungguh alim lagi bijak Imam Al-Syathiby ketika menulis bahwa:

ليس الاختلاف في الحقيقة إلا في الطريق المؤدي إلى مقصود الشارع الذي هو واحد، إلا أنه لا يمكن رجوع المجتهد عما أداه إليه اجتهاده بغير بيان اتفاقاً، وسواء علينا أعلنا بالتخطئة أم قلنا بالتصويب، إذ لا يصح للمجتهد أن يعمل على قول غيره وإن كان مصيباً أيضاً، كما لا يجوز له ذلك إن كان عنده خطأ، فالإصابة على قول المصوبة إضافية، فرجع القولان إلى قول واحد بهذا الاعتبار. فإذا كان كذلك فهم في الحقيقة متفقون لا مختلفون. ومن هنا يظهر وجه الموالاة والتحاب فيما بين المختلفين في مسائل الاجتهاد، حتى لم يصيروا شيئاً ولا تفرقوا فرقاً لأنهم مجتمعون على طلب قصد الشارع. فاختلاف الطرق غير مؤثر، كما لا اختلاف بين المتعبدين لله بالعبادات المختلفة، كرجل تقربه الصلاة وآخر تقربه الصيام وآخر تقربه الصدقة إلى غير ذلك من العبادات، فهم متفقون في أصل التوجه لله المعبود وإن اختلفوا في أصناف التوجه، فكذلك المجتهدون، لما كان قصدهم إصابة مقصد الشارع، صارت كلمتهم واحدة وقولهم واحد.

Perbedaan pada hakikatnya tidak lain kecuali pada jalan yang mengantar kepada tujuan yang dikehendaki Allah dan Rasul-Nya, yang merupakan -tujuan yang satu. Hanya saja seorang mujtahid tidak boleh membatalkan hasil ijtihadnya tanpa keterangan (dalil). Ini adalah kesepakatan ulama, baik kita menganut faham yang menyatakan hanya satu pendapat yang benar (dalam satu masalah) maupun kita berkata semuanya benar, karena tidak dibenarkan bagi seorang mujtahid mengamalkan pendapat mujtahid lainnya walau yang lain itu benar sebagaimana tidak dibenarkannya hal tersebut jika pendapat mujtahid yang lain itu keliru. Dengan demikian kebenaran yang dinyatakan oleh mereka yang berpendapat bahwa semua mujtahid benar (dalam pendapatnya) adalah kebenaran relatif. Dengan demikian, kedua pendapat yang berbeda menjadi satu dari sudut pandang ini, dan dengan demikian, mereka sebenarnya bertemu, tidak berbeda. Dari sini nampak sebab kedekatan, kasih sayang dan persahabatan antar mereka (yang berbeda pendapat itu dalam persoalan-persoalan ijtihad, sehingga mereka tidak bergolong-golongan (yang saling memusuhi) tidak juga berpecah belah, karena semua telah sepakat mencari apa yang dikehendaki oleh Allah dan Rasul-Nya dan dengan demikian, perbedaan jalan tidak lagi berpengaruh.



Ini seperti halnya orang-orang yang beribadah demi karena Allah, dengan beragam ibadah; ada yang mendekat dengan shalat, yang lain dengan puasa, yang lain lagi dengan sedekah atau ibadah-ibadah yang lain, semua mengarah demi Allah yang disembah kendati mereka berbeda dalam ragam ibadah. Demikian juga halnya dengan para mujtahid karena arah mereka adalah menemukan tujuan yang ditetapkan Allah dan Rasul, maka (pada hakikatnya) kalimat mereka satu dan pendapat mereka pun sama.<sup>3</sup>

Jika demikian itu halnya, maka dalam konteks perpaduan ummah, harus ditemukan jalan agar perbedaan –perbedaan itu dikelola dengan baik agar tidak memecah belah dan menimbulkan firqah-firqah yang saling bermusuhan dengan menganggap hanya diri sendiri yang benar dan yang lainnya salah. Sikap semacam ini dikecam oleh Al-Quran. Al-Imam Al-Syathiby dalam bukunya *Al-Muwafaqat* menulis bahwa:

كل مسألة حدثت في الإسلام فاختلف الناس ولم يورث ذلك الاختلاف بينهم عداوة ولا بغضاء ولا فرقة، علمنا أنها من مسائل الإسلام، وكل مسألة طرأت فأوجبت العداوة والتنافر والتنازع والقطيعة، علمنا أنها ليست من أمر الدين في شيء وأنها التي عنى رسول الله صلى الله عليه وسلم بتفسير الآية {إِنَّ الَّذِينَ قَرَّعُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شَيْعًا لَسْتُ مِنْهُمْ فِي شَيْءٍ}. فيجب على كل ذي دين وعقل أن يتجنبها، ودليل ذلك قوله تعالى: {وَاعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا}. فإذا اختلفوا وتقاطعوا، كان ذلك لحدث أحدثوه من اتباع الهوى - هذا ما قالوه - و هو ظاهر في أن الإسلام يدعو إلى الألفة و التحاب والتراحم والتعاطف. فكل رأي أدى إلى خلاف ذلك، فخارج عن الدين.

“Setiap mas’alah yang terjadi dalam (ajaran) Islam, lalu terjadi perbedaan antar sesama (muslim) tapi perbedaan ini tidak mengakibatkan permusuhan, kebencian atau percerai-beraian, maka kita mengetahui bahwa perbedaan tersebut adalah bagian dari (ajaran) Islam, dan setiap mas’alah yang muncul lalu mengakibatkan permusuhan, ketidak harmonisan, caci memaki, atau pemutusan hubungan., maka kita mengetahui bahwa ia sedikitpun bukanlah bagian dari agama. Masalah (yang mengakibatkan hal-hal) itulah yang dimaksud oleh Rasul dan yang merupakan penafsiran dari firman Allah : Sesungguhnya orang-orang yang memecah belah agama mereka dan mereka (terpecah) berkelompok-kelompok, tidak ada sedikitpun tanggung jawabmu terhadap mereka. (Q.S. [6]:159) Karena itu menjadi kewajiban setiap orang yang beragama dan berakal untuk menghindarinya. Dalil kewajiban itu adalah firman-Nya: Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan ni`mat Allah kepada kamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hati kamu, lalu menjadilah kamu -berkat ni`mat Allah -orang-orang yang bersaudara; (Q.S. [3]:103) Karena itu jika mereka (umat Islam ) berselisih dan saling memboikot maka hal itu disebabkan oleh suatu hal yang mereka ciptakan sebagai akibat mengikuti hawanafsu- itulah yang mereka (ulama-ulama nyatakan). Memang Islam mengajak kepada keharmonisan hubungan, cinta mencintai, kasih mengasihi, dukung mendukung, sehingga segala sesuatu yang mengantar kepada yang bertentangan dengan hal-hal

3 Lihat Abu Ishâq Asy-Syathiby dalam *Al-Muwafaqât Fi Ushûl Asy-Syari'ah* yang dikomentari oleh Syekh Abdul-lah Darrâz, Dâr Al-Ma`rifah, Beirut, tp. th jilid IV hl 221-222. Selanjutnya disebut *Al-Muwafaqât*.



tersebut- berada diluar ajaran agama.<sup>4</sup>

### Benarkah hanya satu kelompok yang selamat?

Dahulu dan sampai kini ada saja kelompok yang beranggapan bahwa hanya kelompok mereka yang benar dan selainnya salah /sesat. Sikap ini antara lain dipicu oleh hadist yang populer yang bermaksud:

“Umatku akan berkelompok-kelompok hingga menjadi tujuh puluh tiga kelompok yang selamat satu kelompok dan sisanya binasa” Siapakah yang satu itu ?” tanya seseorang. Beliau menjawab : “Ahl As-Sunnah Wa Al-Jamâ’ah”. Seorang bertanya lagi, “Apakah As-Sunnah dan Jamâ’ah?” Beliau menjawab: “Yang sesuai dengan apa yang kulakukan saat ini dan (jalan) sahabat-sahabatku”

(H.R. Imam Ahmad, At-Tirmidzi, Abu Daud, Ibn Mâjah)

Yang berpandangan sempit tentu saja menganggap kelompoknya yang selamat, tetapi yang berpandangan luas berkata bahwa kendati banyak kelompok tapi selama semua bermaksud mengikuti Rasul saw maka semua adalah bagian dari Ahl As-sunnah .

Syekh Abdul Halim Mahmud (1910- 1978 M) mantan Pemimpin Tertinggi al-Azhar ( 1973-1978 ) menyatakan dalam bukunya *al-Tafkir Al-falsafy Fi Al- Islam* bahwa hadis-hadis yang berbicara tentang pengelompokan ummat Nabi Muhammad saw. itu, tidak diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang diakui ketelitian mereka dalam periwayatan hadis, (sehingga hadist tersebut belum tentu shahih). Di sisi lain ditemukan riwayat yang bermaksud:

“Akan berkelompok-kelompok ummatku hingga mencapai sekitar tujuh puluh sekian kelompok. Semuanya masuk ke surga kecuali satu kelompok”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Ibn an-Najjâr dan dinilai sahih oleh pakar hadis al-Hakim. Selanjutnya dalam riwayat ad-Dailami dinyatakan bahwa: “Yang binasa dari kelompok-kelompok itu hanya satu”. Agaknya riwayat ini lebih sesuai untuk ditonjolkan karena itu semangat kehadiran Al-Quran dan Sunnah yang bersifat *Hammalat Lil Wujuh* dan sikap inilah yang ditempuh oleh faham Wasathiyah.

### Apakah Wasathiyah?

Ummat Nabi Muhammad saw. menjadi *Khaira Ummah* adalah karena mereka dijadikan Allah *ummatan Wasatha*. Kata wasathiyah terambil dari kata *wasath* yang pada mulanya berarti segala yang baik sesuai objeknya. Orang bijak berkata: خير الأمور الوسط. Sebaik-baik segala sesuatu adalah yang dipertengahan”. Dengan kata lain “Yang baik berada pada posisi antara dua ekstrem. “Keberanian” adalah pertengahan antara sifat ceroboh dan takut. “Kedermawanan” adalah pertengahan antara sikap boros dan kikir. “Kesucian” adalah pertengahan antara kedurhakaan yang diakibatkan oleh dorongan nafsu yang melampaui batas dan impotensi.

Dari sini kata wasath berkembang maknanya menjadi “tengah”. Selanjutnya yang menghadapi dua pihak yang bertikai dituntut untuk menjadi *Wasith* (wasit) yakni

<sup>4</sup> *Ibid.* 186-187.





berada pada posisi tengah dalam arti berlaku adil tidak memihak ke kiri dan ke kanan. Dari sini lahir lagi makna ketiga bagi wasath, yaitu “adil”.

Banyak sekali bukti baik berupa ucapan maupun pengamalan Nabi Muhammad saw yang membuktikan makna Wasathiyah itu. Sekedar sebagai contoh : Kiblat ( Ka'bah ) diletakkan Allah di lokasi pertengahan bola dunia ( baca Q.S. Q.S. Al-Baqarah [2]:143).<sup>5</sup> Nabi Muhamamd saw pun diutus dari lokasi pertengahan yang sama. Ajaran Islam yang beliau ajarkan dan amalkan – baik Aqidah, Syariah maupun Akhlak– kesemuanya mencerminkan Washathiyah. Panjang uraian jika hal tersebut dikemukakan di sini. Namun demikian, di bawah ini penulis kemukakan beberapa hal yang berkaitan dengan Washathiyah yang dapat menjadi pijakan dalam perpaduan ummah dan yang tidak jarang – bila diabaikan atau tidak disadari— menimbulkan pertikaian dan perpecahan.

a. Dalam bidang pemikiran. Dewasa ini di kalangan umat Islam dikenal dua pola pemikiran yang cukup populer . Pertama yang menetapkan bahwa hasil pemikiran masa lalu harus tetap dipertahankan. Ini disuarakan dengan nyaring oleh kelompok yang dinamai Pemurni agama yakni mereka yang tidak menerima apapun yang datang sesudah masa salaf, karena mereka beranggapan bahwa segala yang baik telah diajarkan dan dianjurkan oleh Nabi saw atau paling tidak oleh generasi sahabat dan Tabi'in. Sedang pola pemikiran kedua adalah yang menghadirkan aneka pendapat yang mereka anggap sesuai dengan perkembangan masyarakat, hanya saja mereka seringkali mengabaikan kaidah-kaidah umum bahkan tidak jarang mereka menggunakan metode pemahaman yang tidak dapat diterapkan dalam memahami Al-Quran dan Sunnah, katakanlah seperti menerapkan –tanpa seleksi– metode Hermenutika dalam memahami Al-Quran, termasuk menerapkan anjuran untuk meragukan kitab suci umat Islam itu. Nah, di sini penganut faham Washathiyah menempatkan diri antara dua pola pemikiran itu. Washathiyah tidak menerima semua pemikiran yang lahir masa kini dan yang seringkali dihadirkan oleh penganut faham Liberal. Tapi dalam saat yang sama menerima hal-hal baru yang belum dicetuskan atau di amalkan oleh generasi masa lampau. Faham Washathiyah menekankan bahwa prinsip dasarnya adalah mempertahankan pendapat masa lampau yang masih relevan/sesuai dan menerima bahkan memilih yang baru yang lebih baik selama tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip dasar Al-Quran dan Sunnah. Dengan demikian para penganut Washathiyah terikat dengan masa lalu dalam prinsip dasar dan berhubungan dengan masa kini dan masa datang dalam rinciannya.

b. Dalam memahami teks-teks keagamaan, Washathiyah mempertahankan teks tetapi tidak kaku dalam pemaknaannya – kekakuan yang mengantar kepada larangan pengalihan makna (Ta'wil). Washathiyah membenarkan Ta'wil jika makna yang dikandung teks tidak sejalan dengan pemikiran logis/ bertentangan dengan hakikat Keagamaan, tetapi ketika Washathiyah membolehkan Ta'wil, ditetapkannya syarat-syarat yang harus menjadi pertimbangan. Sikap ini menjadikan penganut Wasathiyah berada pada posisi tengah antara kelompok yang melarang Ta'wil dengan kelompok yang membolehkannya tanpa persyaratan/syarat yang sangat longgar. Dalam konteks ini juga secara umum faham Washathiyah membagi kandungan teks kepada ibadah murni dan selain ibadah murni . Menyangkut ibadah murni Wasathiyah menerimanya tanpa bertanya mengapa demikian, tetapi yang selain ibadah murni, faham Washathiyah menuntut agar dipikirkan apa 'illat-nya untuk kemudian menetapkan apakah ketetapan hukum yang dikandung teks masih

5 Dalam surat kabar Mesir terkemuka *Al-Ahram* edisi 27 Mei 2000 dihadirkan satu artikel menyangkut pusat bumi, yang merupakan hasil penelitian yang memakan waktu sepuluh tahun lebih, didasarkan pada informasi sejarah dan geografis yang sangat teliti serta berdasar jam *elektronik atomic* yang diletakkan di bumi dan di bulan. Untuk jelasnya rujuklah ke kitab Tasir Al-Misbah – karya Penulis ketika menafsirkan Q.S.Al-An'am [6]:92)



harus dipertahankan atau sudah harus diubah.<sup>6</sup> Bahkan dalam bidang ibadah sementara penganut faham Washathiyah memperkenalkan apa yang diistilahkan *Tanawwu' al-Ibadah* dalam arti dalam peraktek-praktek ibadah bisa saja terjadi keragaman / perbedaan karena memang Nabi saw tidak jarang melakukan ibadah dengan rincian cara/ bacaan yang berbeda-beda seperti misalnya cara berdiri atau bacaan Tasyahud ketika shalat.

c. Dalam menghadapi perbedaan pendapat. Ajaran Washathiyah antara lain menetapkan bahwa “Pendapat kami benar tetapi mengandung kemungkinann salah, demikian juga sebaliknya pendapat Anda salah tapi kemungkinan ia benar”. Dengan demikian terbuka peluang untuk berdiskusi mencari kebenaran lalu menemukaknnya bersama, sekaligus terbuka peluang untuk bersepakat dalam perbedaan. Faham Washathiyah berpegang teguh dengan hadist Nabi s.a.w yang menyatakan bahwa “Siapa yang berjihad tetapi keliru, ia tetap memperoleh satu ganjaran”.

d. Dalam berinteraksi sosial dengan non muslim. ajaran Wasathiyah memberi kesempatan kepada siapapun untuk melaksanakan agama dan kepercayaannya (Q.S.Al-Kafirun [109]: 1-9) tanpa menghina dan mengejek (Q.S. Al-An'am [6]108). Ajaran Washathiyah bahkan menganjurkan kerja sama dengan siapapun selama dalam kebaikan dan ketaqwaan dan tidak menerima kerja sama walau dari yang mengaku muslim jika ajakan itu mengantarkan kepada kedurhakaan dan dosa. (Q.S. Al-Maidah [5]:2). Faham Washathiyah dalam Interaksi antar umat beda agama / kepercayaan menekankan perlunya toleransi sambil berpegang dalam interaksi sosial dengan firman Allah pada Q.S.Saba' [34]: 25-26-27).

e. Dalam hubungan antara peradaban, Washathiyah mengantarkan pemeluknya bersikap terbuka dan menerima apapun yang baik dari hasil pendapat siapapun tapi dalam saat yang sama memiliki filter yang menyaring apa yang tidak sejalan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam.

### Perpaduan ummah bukan Peleburan

Apa yang dikemukakan di atas menunjukkan bahwa Perpaduan Ummah yang dimaksud oleh penganut faham Washathiyah bukan menilai sesat, apalagi mengkafirkan siapapun yang mengucapkan dua kalimat syahadat, tidak juga melebur atau menghapus identity/syakhshiyat kelompok yang berbeda-beda itu, lalu “memaksa” mereka menganut satu pendapat saja. Tetapi yang dimaksud dengan perpaduan adalah berjalan seiring pada satu jalan lebar yang lurus lagi luas, yang diistilahkan oleh Al-Quran *Ash-Shirath al-Mustaqim*. Itu sambil mengakui bahwa setiap pejalan di sana adalah bagian dari umat Islam yang kesemuanya berpotensi memperoleh rahmat Allah swt.

Memang *Ash-Shirath<sup>7</sup> Al-Mustaqim* adalah jalan lebar yang lurus. Semua orang dapat melaluinya, tanpa berdesak-desakan. Berbeda dengan kata *sabil*, ia banyak karena itu Al-Quran menggunakan bentuk jamaknya (*subul*.) Berbeda dengan *ash-Shirath*, *Sabil* merupakan jalan kecil. Ada yang baik dan bersifat damai dan ada juga sebaliknya. *Sabil* yang bersifat damai itulah yang mengantarkan ke *Ash-Shirath Al-Mustaqim*.

6 Salah satu contoh tentang hal ini adalah sikap menyangkut larangan membuat patung atau bahwa malaikat tidak masuk ke rumah yang ada patungnya.

7 Kata صراط /As-shirât terambil dari kata سراط /saratha, dan karena huruf س sîn dalam kata ini bergandengan dengan huruf ر / Râ', maka huruf س /sîn terucapkan ص /shâd ( صراط shirât ) atau ز /Zai ( زراط ). Asal katanya sendiri bermakna menelan. Jalan yang lebar dinamai sirâth karena ia sedemikian lebarnya sehingga ia bagaikan menelan si pejalan. Shirâth bagaikan jalan tol. Anda tidak dapat lagi tersesat setelah memasukinya. Bila memasukinya anda telah ditelan olehnya dan tidak dapat keluar kecuali setelah tiba pada akhir tujuan perjalanan.



Apa yang dikemukakan ini, mengantar seorang muslim untuk berlapang dada menghadapi perbedaan *sabil*, yakni perbedaan pendapat dan pandangan madzhab selama pandangan itu dapat mengantar ke *As-Shhirâth Al-Mustaqim*. Bukankah banyak sabil yang dapat mengantar ke *Ash-Shirath Al-mustaqim*? Bukankah semua jalan yang bersifat kedamaian (*subulussalam*) mengantar ke jalan lebar yang lurus itu? Perhatikan firman-Nya dalam Q.S. Al Maidah [5]:16: Dengan kitab itulah (Al-Quran) Allah membimbing orang-orang yang mengikuti keredhaan-Nya ke jalan-jalan kedamaian, dan (dengan kitab itu pula) Allah mengeluarkan orang-orang itu dari gelap gulita kepada cahaya yang terang benderang dengan seizin-Nya, dan membimbing mereka menuju ke *As-shirath Al-mustaqim*, jalan luas yang lurus.

## Penutup

Pada akhirnya kita dapat berkata bahwa : “Al-Qur’an dan Sunnah yang shahih lebih luas daripada mazhab dan pendapat-pendapat ulama. Dalam arena ajaran Islam yang demikian luwes/flexible dan penuh toleransi ditemukan tempat yang amat luas bagi kebebasan berpendapat dan perbedaan pandangan, selama semua berpegang teguh dengan *Hablun minallah* (Tali yang terulur dari Allah dan selama semua mendambakan kedamaian. Pandangan inilah yang dicerminkan oleh Al-Washathiyah. Demikian. *Wallahu A’lam*.

## BIODATA RINGKAS PENULIS

**Prof Dr Muhammad Quraish Shihab** berasal daripada Sulawesi Selatan, Indonesia. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti Al-Azhar di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Tafsir Al-Quran dan Hadith. Prof Dr Muhammad Quraish Shihab merupakan Presiden WAAG Indonesia dan Mantan Menteri Agama Republik Indonesia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Usuluddin di IAN Syarif Hidayatullah Jakarta, Menteri Agama pada tahun 1998 serta Duta Besar Luar Biasa dan Berkuasa Penuh Republik Indonesia untuk Republik Arab Mesir merangkap negara Republik Djibouti berkedudukan di Kaherah.





# IKATAN AKIDAH TAUHID ASAS PENYATUAN UMMAH DAN REKONSTRUKSI PERADABAN WASATIYYAH RANTAU ASEAN

Profesor Ulung Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan

## Pendahuluan

Berasaskan pandangan semesta tauhid, umat Islam nusantara didedahkan pelajaran agama Islam yang mempunyai kandungan doktrinal, peribadatan, perundangan dan hukum yang seragam dan bersandarkan theologi, epistemologi dan etika Sunni. Perintah Allah SWT berkaitan persaudaraan dan kerjasama antara umat Islam terdiri daripada pelbagai kaum dan bangsa juga disebar luaskan. Doktrin, prinsip dan perintah agama berkaitan kehidupan kemasyarakatan menjadi pokok bagi orang-orang yang beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Konsep *Ummah Wasat* dan *Khair Ummah*, ialah:

1. Kepelbagaian kaum dan bangsa bertujuan untuk ta'aruf antara manusia dan bangsa, menuju kehidupan bersama dalam kemuliaan insan. Bukan ditentukan oleh warna kulit, pangkat, kekayaan atau kuasa, tetapi tahap ketakwaan kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

يَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

“Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.

(Al-Hujurat 49:13)

2. Pengikut Nabi Muhammad SAW ditentukan oleh Allah SWT sebagai umat paling adil, baik dan seimbang untuk menjadi contoh tauladan kepada manusia seluruhnya. Firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَىٰ اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٢٤﴾



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

“Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu. Kami tidak menetapkan kiblat yang menjadi kiblatmu (sekarang) melainkan agar Kami mengetahui (supaya nyata) siapa yang mengikuti Rasul dan siapa yang membelot. Sungguh (pemindahan kiblat) itu terasa amat berat, kecuali bagi orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah, dan Allah tidak akan menisiasikan imanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kepada manusia”.

(Al-Baqarah 2: 143)

3. Umat Islam harus menjalankan dakwah untuk menegakkan *al-ma'ruf* dan mencegah *al-munkar*. Firman Allah SWT:

وَلْيَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١١٤﴾

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah yang munkar, merekalah orang-orang yang beruntung”.

(Ali Imran 3:104)

4. Umat Islam diperintah oleh Allah SWT supaya berpegang teguh dengan petunjuk Ilahi atau al-Quran dan bersatu atas ikatan iman. Mereka dilarang berpecah. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٠﴾

“Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliah) bermusuh musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu kerana nikmat Allah orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayatNya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk”.

(Ali Imran 3:103)

5. Orang mukmin adalah bersaudara dan mesti memperbaiki keadaan antara mereka berdasarkan ketakwaan kepada Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠١﴾

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara oleh itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat”.

(Al-Hujurat 49:10)



إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٨٠﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Tuhanlah mereka bertawakal”.

(Al-Anfal 8: 2)

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٧١﴾

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

(Al-Taubah 9:71)

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَاهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka ke jalan Allah, mereka itulah orang-orang yang benar”.

(Al-Hujurat 49: 15)

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

“Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka, kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan daripada kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan ke jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan)”.

(Al-Anfal 8: 60)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلَّوْا أَوْ تُعْرَضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biar pun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya atau pun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang daripada kebenaran. Dan jika kamu memutar balikkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan”.

(Al-Nisa' 4:135)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّوا شَعَائِرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْكَلْبَاتِ  
وَلَا ءَمَافِ الْبَيْتِ الْحَرَامِ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا  
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ  
وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿١٣٥﴾

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggar syiar-syiar Allah, dan jangan melanggar kehormatan bulan-bulan haram, jangan (mengganggu) binatang-binatang hadya, dan binatang-binatang qalaa-id, dan jangan (pula) mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredaan Tuhannya dan apabila kamu telah menyelesaikan ibadah haji, maka bolehlah berburu. Dan janganlah sekali-kali kebencian (mu) kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang kamu ke Masjidilharam, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan kemungkaran. Bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksaNya.”

(Al-Maidah 5:2)

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ  
هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٦٥﴾

“Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat daripada jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk”.

(Al-Nahl 16: 125)

6. Orang Islam harus hidup dengan orang lain dalam keamanan dan kedamaian, sekiranya mereka diperangi, atau hak mereka diceroahi atau mereka ditindas dengan kekerasan atau kezaliman, mereka dibenarkan membela diri dan melakukan tindakan yang serupa. Firman Allah SWT:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقْتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya. Sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa untuk menolong mereka”.

(Al-Hajj 22:39)





لَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتَلُوا فِي الدِّينِ وَلَا يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ  
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

(Al-Mumtahinah 60: 8)

إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلُوا فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ وَظَلَمُوا عَلَىٰ  
إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوْلَهُمْ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

“Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan kawanmu sebagai orang-orang yang memerangi kamu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. Barang siapa menjadikan mereka sebagai kawan, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

(Al-Mumtahinah 60: 9)

وَإِن جَنَحُوا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٦١﴾

“Jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

(Al-Anfal 8: 61)

### Implikasi Konsepsi dan Misi Al-Wasatiyyah Kepada Individu, Keluarga, Masyarakat dan Negara Orang Islam

Konsepsi al-Wasatiyyah merujuk kepada sifat dan mutu umat Islam yang adil, terbaik dan seimbangan seperti yang telah dianugerahkan Allah SWT hanya kepada umat Nabi Muhammad SAW.

Sumber utama munculnya konsep al-Wasatiyyah ini adalah daripada dua ayat al-Quran. Pertama, Surah al-Baqarah 2, ayat 143 yang sudah disebut sebelum ini. Kedua ialah ayat berikut:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ  
بِاللَّهِ وَلَوْ أَمَّنْ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٣﴾

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) diantara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik”.

(Surah Ali 'Imran 3: 110)



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Ciri “sebaik-baik umat yang dikeluarkan untuk manusia”, (*Khaira Ummah ukhrijat li'n-Nas*) yang diterangkan dalam 3: 110 dan “umat yang adil, cemerlang dan berkeseimbangan”, (*Ummatan Wasatan*) dalam 2: 143 tergabung dalam makna al-Wasatiyyah. Ayat tersebut bukan sahaja merangkumi maksud keadilan, kebaikan, kecemerlangan dan keseimbangan, tetapi juga ketauladanan, kepemimpinan, kekuatan dan kedudukan pada titik tengah yang menghindari kecenderungan kepada dua arah yang melampau. Contohnya keduniaan yang melupakan kepentingan kehidupan rohani, atau kerohanian yang melupakan kepentingan dunia. Dalam bahasa Inggeris ayat 2: 143 di atas diterjemahkan oleh Muhammad Asad seperti berikut:

*And thus have we willed you to be a community of the middle way<sup>118</sup>, so that [with your lives] you might bear witness to the truth before all mankind, and that the Apostle might bear witness to it before you.<sup>119</sup> (Al-Baqarah 2:143).*

Tafsiran beliau tentang ‘ummatan wasatan’ ialah seperti berikut:

[118] *Lit., “middlemost community” - i.e., a community that keeps an equitable balance between extremes and is realistic in its appreciation of man’s nature and possibilities, rejecting both licentiousness and exaggerated asceticism. In tune with its oft-repeated call to moderation in every aspect of life, the Qurán exhorts the believers not to place too great an emphasis on the physical and material aspects of their lives, but postulates, at the same time, that man’s urges and desires relating to this “life of the flesh” are God-willed and, therefore, legitimate. On further analysis, the expression “a community of the middle way” might be said to summarize, as it were, the Islamic attitude towards the problem of man’s existence as such: a denial of the view that there is an inherent conflict between the spirit and the flesh, and a bold affirmation of the natural, God-willed unity in this twofold aspect of human life. This balanced attitude, peculiar to Islam, flows directly from the concept of God’s oneness and, hence, of the unity of purpose underlying all His creation: and thus, the mention of the “community of the middle way” at this place is a fitting introduction to the theme of the Ka’bah, a symbol of God’s oneness.*

[119] *I.e., “that your way of life be an example to all mankind, just as the Apostle is an example to you.” (Muhammad Asad, The Message of the Qur’an 1980: 30. Untuk mendapat penjelasan yang panjang lebar tentang ayat ini, sila lihat Tafsir al-Razi yang terkenal dengan al-Tafsir al-Kabir wa Mafatih al-Ghaib, Jld. 3 (1405/1985): 106-115)*

Penjelasan tentang kedudukan umat Muhammad SAW sebagai umat yang berada di titik tengah antara sifat keduniaan agama Yahudi dan sifat kerohanian agama Nasrani boleh dibaca dalam Tafsir Al-Azhar karangan Professor HAMKA seperti berikut:

Dan ada dua ummat yang datang sebelum ummat Muhammad, iaitu umat Yahudi dan umat Nasrani. Terkenallah di dalam riwayat perjalanan umat-umat itu bahawa, umat Yahudi terlalu condong kepada dunia, kepada benda dan harta. Sehingga dalam catatan kitab suci mereka sendiri, kurang sekali diceritakan soal akhirat. Lantaran itu sampai ada di antara mereka yang berkata, kalau mereka masuk neraka kelak, hanya untuk beberapa hari sahaja, tidak akan lama.



Sebaliknya, ajaran Nasrani lebih mementingkan akhirat saja, meninggalkan segala macam kemegahan dunia, sampai mendirikan biara-biara tempat bertapa, dan menganjurkan pendeta-pendeta supaya tidak kawin. Tetapi kehidupan rohani yang sangat mendalam ini akhirnya hanya dapat dituruti oleh golongan yang terbatas, ataupun dilanggar oleh mereka yang telah menempuhnya, kerana berlawanan dengan tabiat kejadian manusia. Terutama setelah agama ini dipeluk oleh bangsa Romawi dan diakui menjadi agama kerajaan.

Sampai kepada zaman kita ini, dapatlah kita rasakan betapa sikap hidup orang Yahudi. Apabila disebut Yahudi, teringatlah kita kepada kekayaan benda yang melimpah-limpah, menternak wang dan memakan riba. Apabila kita melihat ajaran asli Kristian, sebelum dia berkecimpung dalam politik kekuasaan, kita dapati ajaran al masih yang mengatakan orang kaya tidak boleh masuk ke dalam syurga, sebagaimana tidak boleh masuk ke dalam liang jarum.

Maka sekarang datanglah ayat ini memperingatkan kembali umat Muhammad bahawa mereka adalah satu umat yang di tengah, menempuh jalan lurus, bukan terpaku kepada dunia sehingga diperhamba oleh benda dan material, walaupun ianya akan menghisap darah sesama manusia. Bukan pula hanya semata-mata mementingkan rohani, sehingga tidak boleh dijalankan, sebab tubuh kita masih hidup. Islam datang mempertemukan kembali di antara kedua jalan hidup itu. Dalam ibadat solat mulai jelas pertemuan di antara keduanya itu, solat dikerjakan dengan badan, melakukan berdiri, rukuk dan sujud, tetapi semua itu hendaklah dengan hati yang khusyuk.

Lihat pula dalam peraturan zakat harta benda. Orang yang berzakat apabila dia kaya raya, cukup harta menurut bilangan nisab. Apabila datang waktunya hendaklah dibayarkan kepada fakir miskin. Ertinya, carilah harta benda dunia ini sebanyak-banyaknya, dan kemudian berikanlah sebahagian daripadanya untuk menegakkan amal dan ibadat kepada Allah dan untuk membantu orang yang patut dibantu.

Bagi peraturan pada hari Jumaat. Hari itu bermula dari pagi, kita boleh bekerja keras mencari rezeki, berniaga dan bertani dan lain-lain, tetapi setelah datang seruan Jumaat hendaklah segera berangkat menuju tempat solat, untuk menyebut dan mengingat Allah SWT. Setelah selesai solat, segeralah keluar dari masjid untuk bekerja dan berusaha lagi.

Ini menunjukkan jalan tengah di antara tiga agama yang serumpun. Secara luas dapat kita lihat pandangan hidup barat yang dipelopori oleh alam fikiran Yunani yang lebih mementingkan fikiran (filsafat). Alam fikiran yang dipelopori oleh India purba pula yang memandang bahawa dunia ini adalah maya semata-mata, atau khayal. Bermula ajaran Upanisad sampai kepada ajaran Veda, dari Persia dan India. Disambung lagi dengan ajaran Buddha Gautama, semua lebih mementingkan kebersihan jiwa, sehingga jasmani dipandang sebagai jasmani yang menyusahkan.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Bangkitnya Nabi Muhammad SAW di padang pasir Arabia kerana membawa ajaran bagi membangunkan ummatan wasatan, suatu umat yang menempuh jalan tengah, menerima hidup yang nyata. Percaya kepada akhirat, lalu beramal di dalam dunia ini. Mencari kekayaan untuk membela keadilan, mementingkan kesihatan rohani dan jasmani, kerana kesihatan mempunyai bertalian dengan yang lain. Mementingkan kecerdasan fikiran dengan menguatkan ibadat untuk menghaluskan perasaan. Mencari kekayaan sebanyak-banyaknya, kerana kekayaan adalah alat untuk berbuat baik. Menjadi khalifah Allah SWT di atas bumi, untuk bekal menuju akhirat. Kerana kelak akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT.

Selama umat ini masih menempuh (*Shiratal-Mustaqim*), jalan yang lurus itu, selama itu mereka tetap menjadi umat jalan tengah.

Maka berkata ayat selanjutnya yang bermaksud:

لَتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ  
“Supaya kamu menjadi saksi-saksi atas manusia”.

Menurut Imam az-Zamakhshari di dalam tafsirnya al-Kasysyaf, umat Muhammad sebagai umat jalan tengah, akan menjadi saksi kepada umat nabi-nabi yang lain tentang kebenaran risalah rasul-rasul yang telah disampaikan kepada umat mereka masing-masing.

Berkata lanjutan ayat yang bermaksud:

وَيَكُونَنَّ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا  
“Dan adalah Rasul menjadi saksi (pula) atas kamu”.

Rasul itu Nabi Muhammad SAW, yang menjadi saksi di hadapan Allah SWT kelak, sudahkah mereka menjalankan tugas mereka sebagai umat yang menempuh jalan tengah. Adakah kamu jalankan tugas itu dengan baik? Atau kamu campur adukkan saja antara yang hak dengan yang batil, sebab sifat tengahmu itu telah hilang.

Umat Muhammad menjadi umat tengah dan menjadi saksi untuk umat yang lain. Nabi Muhammad SAW menjadi saksi kepada umat-nya itu. Adakah mereka menjalankan tugas yang berat tetapi suci ini dengan baik?

Selepas diketahui latar belakang ini, mudah bagi orang yang berfikir mendalam mengetahui sebab kiblat dialih. Peralihan kiblat bukanlah sebab, tetapi hanya akibat sahaja dalam hal membangunkan ummat yang baru, ummatan wasatan. Sebagai lanjutan daripada ayat itu, Allah SWT menerangkan tentang maksud peralihan kiblat dalam membangunkan *ummatan wasatan*; (Dirujuk pada 31 Disember 2013 daripada [http://kongaji.tripod.com/myfile/al-baqoroh\\_ayat\\_142-143.htm](http://kongaji.tripod.com/myfile/al-baqoroh_ayat_142-143.htm), )

Makna yang luas dan menyeluruh tentang konsepsi dan misi *Ummah Wasat* ini diterangkan oleh Sayyid Qutb dalam *Fi Dhilal al-Qur'an* dengan panjang lebar seperti berikut:

... Umat Muslimin adalah umat yang adil yang menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia. Menegakkan keadilan di antara mereka, menetapkan neraca-



neraca pertimbangan dan nilai-nilai. Memberi fikiran dan pandangan yang muktamad kepada mereka, menimbangkan nilai-nilai, pemikiran-pemikiran, kefahaman-kefahaman mereka, adat-adat resam dan lambang-lambang mereka dan memberi keputusan-keputusan kepada mereka dengan mengatakan ini benar dan itu tidak benar. Bukannya fikiran-fikiran, nilai-nilai, neraca-neraca dan ukuran-ukuran yang diterima daripada manusia.

Mereka menjadi saksi terhadap seluruh umat manusia dan mempunyai kedudukan sebagai hakim yang adil. Sementara umat Muslimin menjadi saksi terhadap umat manusia, maka Rasulullah SAW pula menjadi saksi terhadap mereka, bagindalah yang menetapkan neraca-neraca, ukuran-ukuran dan nilai-nilai mereka. Bagindalah yang menilai amalan-amalan dan adat resam mereka dan menimbangkan segala perbuatan yang datang daripada mereka dengan memberi kata-kata pemutus terhadapnya.

Dengan ini hakikat dan fungsi umat Muslimin sentiasa diperbaharui agar hakikat dan fungsi ini diketahui mereka. Supaya mereka sedar betapa besarnya tugas mereka, dan seterusnya supaya mereka dapat menilai peranan mereka dengan penilaian yang sebenar dan membuat persediaan yang wajar untuknya. Umat Muslimin adalah umat yang adil sama ada keadilan dalam kebaikan. Kelebihan dalam kesederhanaan atau dalam bentuk yang fizikal, iaitu duduk di tengah-tengah.

Mereka adalah satu umat yang adil daripada segi kefahaman dan kepercayaan. Mereka tidak melampau-lampau dalam kemurnian rohani dan tidak pula melampau dalam kebendaan. Mereka mengikut fitrah semula jadi yang diwakili oleh roh yang disalut dengan jasad atau jasad yang disalut oleh roh. Mereka memberi kepada diri yang mempunyai dua tenaga itu haknya untuk rasa sempurna dengan bekalan masing-masing. Mereka bekerja untuk maju dan meningkatkan taraf hidup dan kelangsungan hidup. Mereka melepaskan segala kegiatan dalam perasaan dan keinginan tanpa keterlaluan, malah secara sederhana dan selaras.

Mereka adalah satu umat yang adil daripada segi pemikiran dan perasaan. Mereka tidak tertutup dengan pengetahuan-pengetahuan yang diketahui dan tidak menutup segala pintu ujian dan ilmu pengetahuan yang lain. Mereka tidak terikut-ikut kepada setiap penyeru dan meniru orang lain seperti beruk yang lucu. Mereka malah berpegang teguh dengan kefahaman, cara dan dasar berfikir yang ada pada mereka. Mereka mengkaji dengan teliti segala hasil pemikiran dan ujian. Cogan kata mereka yang kekal ialah "hakikat itu barang hilang orang Mukmin, di mana sahaja mereka temui hakikat itu mereka akan mengambilnya dengan penuh keyakinan".

Mereka adalah satu umat yang adil daripada segi penyusunan dan penyelarasan. Mereka tidak membiarkan seluruh hidup ini hanya kepada perasaan dan hati manusia sahaja. Tidak pula membiarkannya kepada kuasa undang-undang dan hukuman sahaja. Malah mereka meningkatkan hati nurani manusia dengan bimbingan dan pendidikan, serta menjaga kesejahteraan masyarakat dengan undang-undang. Mereka tidak menyerahkan manusia kepada kekuasaan dan hukuman pemerintah serta tidak pula menyerah mereka kepada ilham hati nurani semata-mata. Mereka mencampurkan di



antara keduanya.

Mereka adalah satu umat yang adil daripada segi pertalian dan hubungan. Mereka tidak mengabaikan sahsiah individu dan nilainya. Tidak pula menghapuskan sahsiah individu dalam sahsiah kelompok atau negara. Mereka tidak menjadikan individu itu bebas lepas, mementingkan diri, dan tamak haloba. Mereka membebaskan motif dan tenaga manusia sekadar yang boleh membawa manusia kepada harakat kemajuan dan kesuburan. Mereka membebaskan keinginan dan ciri-ciri manusia sekadar yang boleh menegakkan sahsiah individu dan kewujudannya. Kemudian mereka memasang pengawal yang dapat menghalang keterlaluan dan memberi motivasi yang dapat menggalakkan individu untuk berkhidmat kepada masyarakat. Mereka menetapkan tugas dan kewajipan yang dapat menjadikan individu berkhidmat kepada masyarakat dan masyarakat berkhidmat kepada individu dalam satu bentuk hubungan yang selaras dan harmoni...

Tiada yang dapat menghalang umat Muslimin hari ini dan mengambil tempat mereka yang telah dikurniakan Allah SWT. Selain daripada (kesalahan) kerana mereka meninggalkan sistem hidup, Allah SWT yang telah dipilih untuk mereka, dan kerana mereka telah memilih pelbagai sistem hidup yang lain yang tidak dipilih Allah SWT untuk mereka. Mereka telah mencelupkan diri dengan pelbagai celupan yang lain yang bukan daripada celupan syariat Allah SWT. Sedangkan Allah SWT mahu mereka mencelupkan diri mereka dengan celupan syariat Allah SWT sahaja.

Umat Islam yang mempunyai fungsi dan peranan yang sedemikian besar seharusnya sanggup memikul tanggungjawab itu dan berkorban untuknya, kerana kepimpinan itu mempunyai kewajipan dan tanggungjawab. Mereka perlu sanggup diuji sebelum memegang tanggungjawab supaya dapat dipastikan mereka benar-benar ikhlas kepada Allah SWT dan benar-benar bersedia untuk memberi kepatuhan yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan yang betul...

Terdapat tiga pandangan berkenaan dengan penyaksian.

1. Dengan amalan mereka. Ini pendapat Ibn `Abbas, Abu Sa`id al-Khudri dan Ibn Zaid.
2. Dengan menyampaikan risalah mereka. Ini pendapat Qatadah dan Muqatil.
3. Dengan iman mereka. Ini pendapat Abu al-`Aliyah. Ayat ini t dengan jelas menunjukkan cara didikan Rabbani yang diatur oleh Allah SWT terhadap kelompok Muslim yang baru itu. Kelompok yang dikehendaki Allah SWT supaya menjadi pewaris agama Allah SWT dan pemerintah yang memerintah bumi di bawah panji-panji agama Allah SWT. Allah SWT mahu kelompok ini taat dengan ikhlas kepadanya. Allah SWT mahu mereka membersihkan diri daripada segala keladak jahiliyah dan yang berkaitan. Allah SWT juga mahu mereka membersihkan diri daripada sifat jahiliyah yang lapuk dan keinginan yang terpendam. Allah SWT mahu mereka menyemat lambang Islam sahaja di hati mereka dan tidak mencampur-adukkan dengan lambang yang lain. Allah SWT mahu mereka mengikut perintah daripada satu sumber sahaja dan tidak berkongsi dengan sumber yang lain.



(Dr Zulkifli Al-Bakri dalam [http, "Tafsir Konsep Wasatiyyah"](http://www.wasatiyyah.my/?p=548) dalam (://www.wasatiyyah.my/?p=548), dirujuk 27 Disember 2013)

Pengertian konsepsi dan misi al-Wasatiyyah yang komprehensif dan holistik seperti yang dihuraikan oleh ulama-ulama tafsir dan pemikir-pemikir Islam masa kini amat diperlukan. Perkara ini bertujuan supaya masyarakat Islam dan bukan Islam dapat memahami misi dan makna al-Wasatiyyah tidak hanya bermaksud sikap atau amalan agama yang tidak melampau atau bersifat ekstrim. Walaupun sifat sedemikian sangat diperlukan dalam konteks umat Islam, dunia kini sedang berhadapan dengan ancaman ekstremisme agama yang mengancam keharmonian dan kestabilan negara-negara di barat dan di timur.

Berhadapan dengan ancaman ekstremisme agama dan etnik, pemimpin-pemimpin negara dirantau ASEAN, termasuk Malaysia, Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia sedang mengeratkan kerjasama serantau. Tujuannya adalah menjaga keselamatan dan keharmonian negara masing-masing daripada ancaman kelompok (ISIL) *Islamic State of Iraq and Levant* atau (JI) Jama'ah Islamiah. Konsep '*Moderation*' dengan pengertian yang berbeza sudah pun di sebar oleh pemimpin-pemimpin negara Malaysia, Indonesia dan lain-lain. Wajar di bangkitkan kesedaran rakyat tentang perlunya sikap dan sifat '*moderation*' diamalkan. Namun konsepsi dan misi al-Wasatiyyah dalam al-Quran tidak terbatas kepada sifat anti ekstremisme agama semata-mata. Biarpun sifat itu amat diperlukan dalam zaman yang dipenuhi oleh fenomena keganasan dan ketaksuban yang berkaitan dengan fahaman atau ideologi yang bertentangan dengan ajaran arus perdana umat Islam.

Implikasi kepada reformasi sistem pendidikan umat Islam sama ada yang bersifat formal, tak formal dan informal adalah amat besar. Antara tujuan penting sistem itu adalah pembentukkan generasi muda yang menghayati sifat dan ciri al-Wasatiyyah. Gabungan itu terdiri daripada tiga sifat unggul iaitu, keadilan, kebaikan atau kecemerlangan dan keseimbangan atau pertengahan. Memang banyak terdapat mission statement yang baik-baik seperti, 'ingin melahirkan generasi Ulu'l Albab' yang dijadikan sumber inspirasi sekolah, kolej atau universiti di Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam. Membangun 'Generasi Ulu'l Albab' atau 'Professional Islamik' atau 'Intelektual-Ulamak' atau 'Insan Soleh' atau 'Islam sebagai cara hidup yang syumul'. Memang serasi dengan konsepsi dan misi al-Wasatiyyah, dan institusi-institusi ini yang akan menjadi sumber modal insan yang baik untuk menjadi pembina tamadun yang adil, cemerlang, terbilang dan seimbang. Jaringan kerjasama dan komunikasi antara institusi-institusi sedemikian dirantau ASEAN harus dipertingkatkan.

Suatu perkembangan yang positif ialah apabila tercapai kesepakatan oleh para menteri agama Islam Indonesia, Malaysia, Brunei dan Singapura (MABIMS) dalam pertemuan mereka pada bulan Disember 2014 untuk mengembangkan cara hidup Islam. (1) Membawa rahmat dan memberi berkat bukan sahaja kepada umat Islam tetapi seluruh manusia. (2) Membangunkan Islam peradaban yang relevan dan serasi dengan perkembangan demokrasi, modernisasi dan globalisasi yang positif. (3) Menolak sebarang pemikiran atau gerakan terorisme berbasis agama demi menjaga keharmonian dan kestabilan serantau.

Sesungguhnya sudah terdapat gagasan intelektual Muslim di nusantara yang serasi dengan konsepsi dan misi al-Wasatiyyah. Pada akhir abad ke-20, gagasan Masyarakat Madani (lihat Azyumardi Azra (1999, 2000, 2004: Menuju Masyarakat Madani) dicetuskan di Indonesia dan Malaysia, sesuai dengan usaha untuk membangunkan *civil society* kearah kehidupan yang lebih demokratis dan anti kediktatoran dalam dunia ketiga.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Lima tahun yang lalu, ketika Abdullah Badawi menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beliau menonjolkan gagasan Islam Hadhari sebagai suatu perspektif pemikiran dan diskhusus ketamadunan (*civilizational discourse*) yang amat diperlukan oleh umat Islam Malaysia dan di persada pemikiran Islam global. Di Brunei Darussalam, ditonjolkan empat tahun yang lalu gagasan Negara Zikir. Gagasan itu melambangkan keinginan pemimpin agama Brunei Darussalam untuk membangunkan negara yang beretika dan bermoral secara holistik dengan melebar luaskan nilai takwa dalam budaya dan tamadun Brunei Darussalam. Di Indonesia, sudah lama ditonjolkan slogan Islam sebagai *Rahmatan li'l-Alamin*, pembawa rahmat dan kebaikan untuk seluruh manusia dan alam. Gagasan-gagasan positif dalam konteks geopolitik negara Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam semuanya serasi dengan konsepsi dan misi al-Wasatiyyah. Dengan wujudnya Komuniti ASEAN diakhir tahun 2015, sudah sampai masanya sebuah gagasan serantau dan transnasional dirancang dan dilaksanakan secara kolektif, regional dan global.

Sesuai dengan perkembangan diatas, sistem dan kurikulum pendidikan agama serta pendidikan umum umat Islam perlu ditinjau semula dari semasa ke semasa. Perlu diperbaiki dan dibugarkan agar masyarakat dan negara umat Islam memiliki ciri-ciri al-Wasatiyyah yang dikehendaki oleh Allah SWT yang telah mengurniakan gelaran dan pangkat yang istimewa itu. Dalam konteks perubahan zaman globalisasi, keruntuhan moral, tamadun sekular dan kebendaan masa kini yang diterangkan di atas, program islah atau pembedahan manhaj (kurikulum) pendidikan agama Islam amat diperlukan.

Sudah pasti proses dan strategi merekonstruksi peradaban yang didorong oleh konsepsi dan misi al-Wasatiyyah perlu merangkumi usaha-usaha reformasi sosial serantau dan peningkatan dalam jaringan kerjasama ummatik serantau. Antara usaha-usaha yang membuka jalan kearah rekonstruksi tersebut ialah, pengukuhan kerjasama serantau dan ummatik yang melibatkan:

1. Bidang pendidikan Integrasi (agama & sains) dan pembaharuan (*tajdid*) sistem pendidikan tradisional di Patani, Malaysia dan Mindanao.
2. Dakwah dan Kesenian Islamik untuk menghadapi propaganda anti-Islam dan kesenian hedonistik, sekular dan liberal.
3. Perluasan sistem ekonomi syar'iyah & WAQF Regional.
4. Produksi filem dan TV yang Islamik.
5. Pembinaan kapasiti dalam bidang tekno-dakwah untuk menghadapi arus Islamophobia dan anti-Islam di Internet.
6. Bantuan dan pembelaan kepada komuniti Islam di Kampuchea, Myanmar, Mindanao dan golongan minoriti Islam di ASEAN. *Genocide* dan *ethnic cleansing* minoriti Islam Rohingnya di negara Myanmar perlu ditangani bersama.
7. NGO Islamik serantau dan pembentukan gerakan atau persatuan *Disaster Relief* rantau ASEAN seperti Islamic Relief.
8. Ikatan cendekiawan, ulama serantau serta ikatan belia Islam rantau ASEAN bagi memupuk pembangunan peradaban yang berjiwa dan bermisi al-Wasatiyyah dirantau ASEAN.
9. Latihan imam, pendakwah ASEAN perlu ada bersama dalam pusat-pusat latihan di Indonesia, Malaysia atau Brunei Darussalam.
10. Peningkatan *tourisme* keagamaan di ASEAN untuk menghidupkan warisan sejarah dan tamadun umat Islam Asia Tenggara.
11. Pertukaran kepakaran dalam beberapa bidang seperti:
  - a) Bidang Dialog Antara Agama.
  - b) Rehabilitasi elemen-elemen militan, radikal, pseudo- sufi, dan ajaran sesat.
  - c) Koordinasi dalam menghadapi cabaran penetrasi alam Sunni oleh mazhab Syiah,





agama Ahmadiyah/Qadyaniah dan aliran puritanisme radikal.

d) Penerokaan alternatif-alternatif sistem kewangan, ekonomi dan pendidikan masyarakat Islamik diluar kota.

e) Pembangunan masyarakat Islam yang terpinggir dalam negara bukan Islam, supaya keperluan hidup asasi seperti air bersih dan eletrik dinikmati.

f) Membantu mengisi keperluan golongan Muslim baru, supaya tidak jatuh ke tangan golongan-golongan lain yang bertentangan dengan kepentingan umat Islam.

g) Melahirkan ahli pemimpin politik umat yang menghayati nilai-nilai integriti, IMTAK (iman dan takwa) dan misi Wasatiyyah. Mereka harus bijak bergerak bersama dasar dan strategi serta tindakan kuasa-kuasa yang bertentangan dengan kepentingan umat Islam di negara-negara ASEAN.

h) R.I.S.E.A.P (*Regional Islamic Da'wah Council Of Southeast Asia And The Pasific*) perlu diaktifkan semula, dibesarkan dan diperkasakan untuk menjadi badan umat Islam Asia Tenggara dan Pasifik yang efektif dan relevan dalam menangani beberapa tuntutan umat Islam di ASEAN.

### **Membangun Kota-Kota atau Institusi Islamik yang bakal Menjadi *Role Model* atau Contoh Terbaik Sebuah Peradaban Berjiwa Wasatiyyah: Projek Jangka Panjang**

Kewujudan *role model* atau ikon Wasatiyyah menunjukkan pencapaian yang baik dan cemerlang dalam pelbagai. Contohnya dalam bidang kehidupan sosial, ekonomi yang adil dan sejahtera, pengurusan awam dan pentadbiran institusi-institusi awam yang cekap, professional, bersih, berintegriti. Kehidupan kemasyarakatan yang harmoni, selamat dan berdisiplin, sistem keadilan yang benar-benar bebas dan sifar-rasuah. Keadaan kota dan persekitaran yang bersih, teratur dan beretika. Kewujudan institusi ilmu pengetahuan dan pendidikan rendah, menengah dan tinggi yang berkualiti tinggi. Kemajuan sains, teknologi dengan amalan penyelidikan yang terpuji. Kehidupan kekeluargaan yang utuh dan berpaksi kepada nilai-nilai akhlak terpuji. Pembinaan alam persekitaran yang indah, nyaman dan pemerintahan yang lestari.

Sudah terdapat kota atau bandar di beberapa buah negeri orang Islam yang dikenali sebagai 'Kota Ilmu' (*knowledge city*) atau 'KotalIslamik' yang bertujuan menjadi kota contoh keunggulan tertentu. Kota, negeri atau daerah yang dipilih itu hendaklah dirancang dengan baik dan bertujuan menjadi katalis atau contoh kecemerlangan umat Islam dalam kehidupan bertamadun yang dapat dibanggakan. Sekurang-kurangnya daripada segi kebersihan, disiplin, bebas rasuah, kelakuan bermasyarakat yang berakhlak mulia, dan kehidupan kesenian atau kebudayaan yang bebas unsur kemungkaran atau kemaksiatan.

### **Implikasi Peranan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Di Rantau Asean**

Dalam pembentukan atau rekonstruksi peradaban bermisi Wasatiyyah secara regional, institusi pengajian dan pendidikan tinggi Islamik (IPPTI) termasuk universiti Islamik mempunyai peranan yang besar dan penting. Peranan ini menjadi penting kerana institusi adalah taman ilmu pengetahuan dan budi yang melalui pelbagai bidang pengkhususan. Contohnya seperti ilmu-ilmu keagamaan, keduniaan, saintifik, professional dan teknologikal yang mampu melahirkan ulama, ilmuwan, professional berakhlak, ulu'l albab, pemimpin dan pengurus masyarakat Islam. Mereka dihormati oleh masyarakat awam kerana dipercayai mempunyai keterampilan yang diperlukan untuk pembangunan yang bersepadu. Termasuk juga sifat *Khasyatullah*, *Taqwallah*, *Dhikrullah*, dan Mu'minin yang cintakan Allah SWT, Rasulullah SAW dan komited dengan wawasan dan misi Islam, pelaksana *Iqamatu'd-Dinwa'l-Hadharah*, *Shuhada'u'l-Wasatiyyah*.



**BIODATA RINGKAS PENULIS**

**Tan Sri Prof Dr. Mohd Kamal Hassan** berasal daripada Pasir Mas, Kelantan. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti Malaya di peringkat Ijazah dalam bidang Pengajian Islam dan meneruskan pengajian di Universiti Columbia New York di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran. Tan Sri Prof Dr Mohd Kamal Hassan merupakan seorang Profesor Ulung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1979 dan merupakan mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



## PERPADUAN UMAT MERENTASI IDEOLOGI

Y.B. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

الحمد لله حمداً الحامدين، وحمداً الشاكرين، وحمداً يوافي نعمه ويكافئ مزيده، يا ربنا لك الحمد كما ينبغي لجلال وجهك وعظيم سلطانك. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، له الملك وله الحمد وهو على كل شيء قدير. وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، البدر الدجى والسراج المنير. اللهم صل وسلم وبارك على محمد أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه أجمعين، ومن سار على نهجه إلى يوم الدين.

### Mukaddimah

Marilah kita bersyukur kepada Allah SWT kerana bersama Rasul akhir zaman, Muhammad SAW yang menjadi Rasul kepada seluruh manusia, berbeza dengan para Rasul AS. sebelumnya. Allah Maha Mengetahui bahawa dunia ini berada di peringkat akhir zamannya. Ilmu kurniaan Allah SWT kepada manusia digunakan untuk mencipta alat-alat perhubungan canggih, memungkinkan manusia bermusafir dengan mudah dimuka bumi yang luas dan mendapat maklumat paling cepat. Walaupun berada terlalu jauh jaraknya, masih boleh dikunjungi dalam masa yang cepat. Kemajuan ini menjadikan dunia dalam jangkauan sempit. Maka, cukuplah Allah SWT melantik seorang Rasul sahaja untuk memberi petunjuknya kepada seluruh manusia. Inilah hikmah kerasulan penutup. Al-Quran menjadi mukjizat ilmu yang memungkinkan manusia melaksanakan tugasnya dibumi, sebelum dunia tiba kepada ajalnya dengan berlakunya Kiamat Kubra.

Seluruh manusia adalah umat dakwah Nabi Muhammad SAW. Tidak seperti para Rasul sebelumnya, hanya dikhususkan kepada kaum, negeri dan had zamannya sahaja. Seluruh alam menjadi tujuan dakwah yang membawa rahmat Allah SWT kepada hamba-hambanya. Maka seluruh manusia adalah umat Muhammad SAW. Menepati firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٧﴾

Dan tidaklah kami utuskan Engkau (menjadi Rasul) melainkan kerana rahmat kepada seluruh alam.

(Al-Anbiya' 21: 107)

Para ulama membahagikan Umat Muhammad SAW secara kasarnya kepada dua kumpulan: Umat Dakwah dan Umat Ijabah



UMMAH DAKWAH

Al-Quran menegaskan Rasulullah SAW diutuskan kepada seluruh manusia. Firman Allah SWT kepadanya:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Katakanlah: “Wahai manusia sesungguhnya aku adalah Rasul Allah kepada kamu semua, (Allah) yang memiliki langit dan bumi. Tiada Tuhan yang sebenar melainkan Dia sahaja. Dialah yang menghidup dan mematikan. Maka berimanlah (kamu) kepada Allah dan RasulNya nabi yang Ummi, yang beriman kepada Allah dan segala kalimahNya. Dan ikutlah Dia supaya kamu mendapat petunjuk.

(Al-'A'raf 7: 158)

Al-Quran merupakan kitab mukjizat Nabi Muhamad SAW kepada seluruh manusia yang bermasyarakat majmuk dan disatukan secara tabi'i bermasyarakat madani. Allah SWT mewajibkan berhubungan antara satu sama lain. Merentasi perbezaan kaum dan agama, walaupun Allah SWT menegaskan agama yang diredhaiNya adalah Islam sahaja. Firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Sesungguhnya agama disisi Allah hanyalah Islam.

(Ali 'Imran 3: 19)

Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

Sesiapa yang berpegang kepada yang lain selain Islam, nescaya tidak diterima daripadanya dan diakhirat nanti dia termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi.

(Ali 'Imran 3: 85)

Mesej yang disampaikan itu adalah ketegasan Nabi Muhammad SAW kepada kita bahawa Islam adalah satu-satunya petunjuk Allah SWT. Tidak boleh disamakan dengan agama lain, sama ada samawi atau tidak. Tidak boleh disamakan dengan ajaran yang lain dalam aspek cara hidup, ideologi atau teori ciptaan manusia. Namun, kita tetap wajib berdakwah kepada seluruh manusia, kerana mereka semua menjadi umat dakwah daripada kerasulan Muhammad SAW. Menggunakan konsepkan tiada paksaan, namun terus menjalin hubungan kemanusiaan mengikut kehendak Allah SWT, yang menetapkannya secara tabi'i. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾



Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada seorang lelaki (Adam) dan seorang wanita (Hawa). Berbangsa-bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berta'aruf. Sesungguhnya yang paling mulia dalam kalangan kamu disisi Allah, ialah yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui berkenaan diri kamu dan Maha mengetahui berkenaan urusan kamu.

(Al-Hujurat 49: 13)

Ayat ini menjelaskan konsep manusia itu adalah satu keluarga besar. Ibnu Khaldun (1332-1406M) dan diakui oleh semua pihak termasuk bukan Islam menghuraikan, tabi'i manusia bermasyarakat madani sehingga menembusi perbezaan bangsa, agama dan negara. Beliau menegaskan dalam penulisannya yang diterjemahkan dalam pelbagai bahasa, "الإنسان مدني بالطبع".

Boleh dilihat hikmah Rasulullah SAW menukarkan nama Yathrib atau Taibah negeri tempat hijrahnya kepada nama Madinah. Tindakan ini bertujuan untuk membentuk masyarakat Madani secara istiqamah melalui konsep al-Din dan tamadun. Menembusi sempadan perbezaan serta bumi yang berpijak. Kewujudan Madinah serta teori masyarakat madani bukan lagi menjadi teori ahli-ahli falsafah barat. Ini kerana, Islam adalah ajaran sempurna daripada pencipta. Ajaran Islam merangkumi jasad, roh dan akal. Individu dan kemasyarakatan merangkumi hubungan manusia dengan tuhan, hubungan sesama makhluk yang lain, dunia dan akhirat. Semua yang selain daripada Islam tidak mengetahui betapa komprehensifnya keperluan hubungan manusia – tuhan – masyarakat – negara ini. Negara Madinah dibangunkan. Rakyatnya terdiri daripada penganut Islam, kalangan munafiq, bukan Islam, Yahudi (ahli kitab), Nasara (kristian), dan Musyrikin. Mereka sedia hidup bermasyarakat dibawah pemerintahan Islam yang adil dan dijanjikan keamanan, berlandaskan Sohifah Madinah yang dimeterai menjadi sunnah amaliyyah. Masjid dijadikan projek pertama sebagai tempat ibadat dan ilmu bagi penganut Islam dan pusat pentadbiran bagi kalangan bukan Islam. Pasar Madinah menjadi pusat Mu'amalat yang menghubungkan semua anggota masyarakat.

Ayat-ayat al-Quran diperingkat Makiyyah lebih banyak menekankan aspek akidah dan akhlak. Manakala ayat-ayat Madaniyyah dan Sunnah pula menafsir lebih luas petunjuk akidah Islam. Semua ini adalah petunjuk yang Islam telah berjaya mewujudkan perpaduan umat dengan sifat kemanusiaan merentasi perbezaan agama. Walaupun Islam tegas dengan pegangannya, namun penganut agama lain tidak dipaksa dan diganggu. Ini adalah perintah Allah SWT dan RasulNya bagi memperkasakan Islam sebagai agama yang berdaulat.

Al-Quran dan sejarah membuktikan, hanya Islam dapat mengatasi pertembungan tegang diantara penganut pelbagai agama dan kaum. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِنْ دِينِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَنْ يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَهَدِمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ ﴿٥١﴾ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ ﴿٥٢﴾



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Dan jika Allah tidak menjadikan manusia itu bertolak menolak (berlawanan) antara sesama mereka (dalam kalangan yang benar menentang yang salah), nescaya dibinasakan rumah ibadat penganut agama Yahudi, gereja penganut Kristian, sembahyang-sembahyang dan masjid-masjid penganut Islam yang disebut didalamnya nama Allah. Demi sesungguhnya Allah itu Maha Kuat lagi Maha Perkasa. Orang-orang yang Kami berikan kepada mereka kuasa memerintah dibumi (sifat mereka itu) mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, dan kepada Allah sahaja kesudahan segala urusan.

(Al-Haj 22: 40-41)

Inilah konsep dakwah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Konsep ibadah yang berkaitan dalam semua aspek, ekonomi yang adil, kedaulatan undang-undang syariat, dan wawasan akhirat.

### ZAMAN KEEMASAN

Penghayatan Islam telah mencipta zaman keemasannya selama beberapa abad (14 abad). Islam memerintah negara paling luas batas sempadannya dan paling majmuk rakyatnya. Islam berjaya mewujudkan *Hadarah Islamiyyah* (Tamadun Islam) hasil daripada pengislaman manusia dan ilmu duniawi. Islam telah Berjaya menghubungkan dunia dengan akhirat lalu menjadikan dunia sebagai jambatan akhirat. Kemuncaknya, majoriti penduduk menganut Islam bersama dengan ilmu yang dilslamkan berasaskan petunjuk al-Quran dan kebijaksanaan Sunnah dan pendukungnya. Hasilnya, tamadun Islam mentajdidkan ilmu dan mengislahkan hidup bermasyarakat.

Negara Islam menjadi kuasa besar yang menguasai dunia pada zaman keemasan. Walaupun terpaksa menghadapi manusia yang memusuhi Islam dan penganutnya kerana hasad dan fanatik. Masalah ini dapat diselesaikan dengan hukum Islam yang adil terhadap semua, dalam negara yang aman dibawah syariat Allah SWT yang Maha Adil.

Begitu juga dalam menangani isu peperangan dan pelampau, Islam berjaya mewujudkan perdamaian merentasi sempadan, sehingga pengaruh Islam masuk ke dalam hati-hati manusia. Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ ۗ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٩﴾

Dialah tuhan yang mengutuskan RasulNya dengan petunjuk dan agama yang benar, supaya menzahirkan agamanya (al-Din) mengatasi segala agama dan ajaran yang lain, walaupun dibenci oleh orang-orang musyrikin.

(Al-Saff 61: 9)

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

لَيَبْلُغَنَّ هَذَا الْأَمْرُ مَا بَلَغَ النَّبِيُّ وَالنَّهَارُ وَلَا يَتْرُكُ اللَّهُ بَيْتَ مَدْيَنَ وَلَا وَبَرَ إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ هَذَا الدِّينَ بِعِزِّ عَزِيزٍ أَوْ يَدُلُّ دَلِيلًا عِزًّا يُعِزُّ اللَّهُ بِهِ الْإِسْلَامَ وَدُلًّا يُنْزِلُ اللَّهُ بِهِ الْكُفْرَ. مسند أحمد (36/364، بتقييم الشاملة آليا).

Demi sesungguhnya, agama ini akan sampai kemana sampainya malam dan siang. Allah tidak meninggalkan setiap rumah, sama ada dibina dengan tanah liat atau bulu binatang, melainkan Allah memasukkan agama ini ke



dalamnya,(sama ada) dengan kehebatan orang-orang yang mulia atau kehinaan orang yang hina. Kemuliaan agama ini, Allah kurniakan kepada Islam dan kehinaan Allah adalah hukuman terhadap kekufuran.

Semuanya ini menunjukkan Islam telah berjaya merentasi sempadan agama, kaum dan negara, sehingga ke dalam hati manusia. Sama ada dibawa oleh orang yang soleh atau jahat, semasa penganutnya kuat atau lemah.

Kejatuhan pemerintahan Islam berlaku kerana manusia ketika itu meninggalkan ajaran Islam. Mereka terpengaruh dengan tamadun barat yang menumpang tamadun Islam secara plagiat, sehingga menjadikannya tidak sempurna. Ini menyebabkan terjadi salah laku terhadap Islam apabila hanya mengambil sebahagian ajaran Islam mengikut selera akal dan meninggalkan sebahagian yang lain. Hari ini kita sedang menyaksikan kemusnahan tamadun barat yang dianggap maju, tetapi menjadikan manusia lebih sesat dan ganas daripada binatang. Ini amaran Allah SWT kepada umat Islam yang terpengaruh dengannya:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَدْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿٢٠٨﴾ فَإِنْ زَلَلْتُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْكُمْ الْبَيِّنَاتُ فَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٠٩﴾

Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam agama Islam semuanya, jangan sekali-kali kamu ikut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata kepada kamu. Ingatlah sekiranya kamu terpesong selepas datangnya keterangan-keterangan yang nyata. Maka sesungguhnya Allah itu Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Al-Baqarah 2: 208-209)

Seluruh dunia kini menyaksikan tanda-tanda kemusnahan tamadun barat dan tempasnya juga menimpa umat Islam. Ternyata kegagalan agama dan ideologi selain daripada Islam, mencetus krisis akhlak, politik, ekonomi dan kemasyarakatan diseluruh dunia. Keadaan itu menunjukkan betapa wajibnya Islam menjadi penyelamat seluruh alam.

### UMAT IJABAH

Umat Ijabah adalah kalangan yang beragama Islam. sama ada yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia atau tidak. Malah ada yang sekadar baka dan keturunan. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ هُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ إِنَّ اللَّهَ بِعِبَادِهِ لَخَبِيرٌ بَصِيرٌ ﴿٣١﴾ ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ أَصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ وَمِنْهُمْ مُقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ بِالْخَيْرَاتِ يُأْتِنُ اللَّهُ ذَلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

Dan Kami telah wahyukan kepadamu, daripada kitab (al-Quran) ialah yang benar lagi membenarkan apa yang ada daripada kitab (yang terdahulu). Sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui dan Maha Melihat. Kemudian Kami pusakai kitab kami (al-Quran) kepada orang yang Kami pilih (umat Islam) daripada hamba-hamba Kami. Maka kalangan mereka ada orang yang menzalimi dirinya sendiri, ada yang sederhana dan ada orang paling maju



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

dengan amal-amal kebajikan dengan izin Allah. Itu semua adalah kurnia yang sangat besar.

(Fathir 35: 31-32)

Allah SWT membahagikan tiga kumpulan umat yang telah menganut Islam mengikut keteguhan pegangan, akidah, amalan dan akhlak. Umat yang pertama adalah mereka yang menzalimi diri sendiri. Tidak beramal dan tenggelam dalam maksiat atau kesalahan yang tidak membatalkan Islamnya dan sentiasa diberi peluang bertaubat. Umat kedua, mereka yang bersikap sederhana. Umat yang ketiga pula mereka yang maju ke depan bersama Islamnya. Namun semuanya tetap mempunyai rasa kasih terhadap agamanya dan menjadi anggota dalam satu jasad yang tidak boleh dipisahkan. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara. Maka berdamailah dalam kalangan kamu dan bertaqwa kepada Allah, mudah-mudahan kamu diberi rahmatnya.

(Al-Hujurat 49: 10)

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

«مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم، مثل الجسد إذا اشتكى منه عضوٌ تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى» [متفق عليه]

Bandingan hubungan orang-orang yang beriman itu laksana anggota dalam satu jasad. Apabila satu anggota daripadanya mengadu kesakitan, maka seluruh anggotanya berjaga dan demam.

### PERPECAHAN MAZHAB

Diperingkat salaf (generasi awal), khususnya ketika zaman Rasulullah SAW dan generasi para sahabat, wujud perpaduan dalam kalangan umat Islam. Mereka berpegang yang teguh kepada aqidah, syariat dan akhlak, serta kepatuhan kepada Allah SWT dan Rasul secara mutlak. Pegangan itu menjadikan mereka sentiasa istiqamah dan muhasabah diri. Walaupun adanya perkara furu' dalam hukum Islam, urusan agama, dan urusan dunia, ia tidak dipisahkan sedikit pun daripada Islam. Khususnya perkara-perkara yang tidak ada nas dan mudah mewujudkan perbezaan pendapat. Perpaduan mereka tidak boleh digugat oleh gangguan syaitan khususnya syaitan manusia. Mereka dikawal oleh wahyu yang diimani dan ketokohan Rasulullah SAW. Kadang kala berlaku kesilapan, pertelingkahan antara mereka dan nuzul ayat dan hadis menjadi penyatu umat dan memberi pengajaran kepada manusia.

Peristiwa nuzul firman Allah SWT yang dijadikan pengajaran menunjukkan wujudnya perpaduan umat berasaskan Islam. Walaupun berlaku perbalahan kerana kelemahan diri, keimanan kepada Allah SWT dan Rasul tetap menyatukan mereka dalam perpaduan yang sangat kukuh. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٣﴾





Dan berpeganglah kamu semua dengan tali Allah (ajaran Islam) dan jangan sekali-kali kamu berpecah belah. Dan ingatlah nikmat kurnia Allah kepada kamu, dimana dahulunya kamu bermusuhan sesama kamu, lalu Allah menjinakkan hati-hati kamu, lalu dengan nikmatnya kamu menjadi bersaudara. Kamu dahulunya berada di jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya. Begitulah Allah menyatakan kepada kamu ayat-ayatnya supaya kamu mendapat petunjuk.

(Ali 'Imran 3: 103)

### **MAZHAB POLITIK**

Perpaduan umat tergugat kerana khilaf yang berlaku ketika kewafatan Rasulullah SAW yang tidak menyebut penggantinya secara nas. Pendapat ahli sunnah yang kuat mengikut riwayatnya secara ilmu, serta penerimaan generasi awal para sahabat yang sangat teguh keimanannya menjadi pemandu amalan dan akhlak mereka. Namun perbezaan pendapat dalam perlantikan khalifah pula mempengaruhi generasi selepasnya sehingga tercipta mazhab Sunni, Syiah dan Khawarij. Generasi awal tetap bersatu, sehingga perbezaan tersebut tidak memecahkan umat. Mereka berjaya menghapuskan ancaman golongan murtad dan kuasa besar yang mendukungnya. Gejala murtad dapat ditangani dan mereka berjaya mengalahkan kuasa besar yang menentang Islam dan menghalang dakwah.

Perkembangan berlaku kepada generasi seterusnya, khususnya setelah berlakunya pertembungan politik yang tegang sehingga mencetuskan peperangan. Bagi penganut Syiah, Khawarij yang dekat dengan Madrasah Rasulullah SAW. Ulama besar Tabi'in yang mewarisi ilmu daripada para sahabat. Mereka yang ditabalkan menjadi imam dalam kalangan Ahli Al Bait, tetap bersatu dan tidak mencetuskan perpecahan yang boleh merosakkan perkembangan Islam daripada segi melaksanakan syariat dan dakwah.

Ada dalam kalangan mereka yang terpencil daripada pusat perkembangan ilmu. Mereka mencetuskan kefahaman terhadap nas dan ijthad yang berbeza. Mereka mewujudkan bertembungan antara satu sama lain sehingga membabitkan perkara aqidah, syariat dan akhlak. Berlaku khilaf dalam perkara furu' dan ada yang melampau sehingga menafikan rukun agama dan prinsip ajaran Islam. Walaupun berlaku perpecahan ilmu, perkara ini sama sekali tidak menggugat jati diri umat sehingga membantutkan kuasa politik dan perkembangan dakwah.

### **MAZHAB FEQAH**

Kekhilafan juga berlaku kerana para sahabat berhijrah ke wilayah Islam yang luas dan sukar untuk berhubung. Terdapat juga perbezaan kefahaman dalam nas seperti daripada segi penafsiran bahasa, waqi' dan zaman yang berbeza. Namun kekhilafan yang berlaku tidak memecahkan umat Islam untuk bersama menghadapi masalah. Kekhilafan ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan mazhab Ahli Sunnah, tetapi ia juga berlaku kepada mazhab Sunni, Syiah dan Khawarij. Pegangan budaya ilmu dan akhlak yang betul oleh para ulama tersohor berjaya menyatukan umat untuk menghadapi masalah besar dan mengatasi ancaman musuh. Mereka juga boleh memaafkan kesalahan fahaman dan ijthad dengan menggunakan pendekatan hujah, sehingga sebilangannya kembali ke pangkal jalan.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Sekiranya merujuk kepada *Mutawwalat* yang dikarang oleh para ulama, pasti ditemui campuran pengajian dan riwayat pelbagai mazhab yang belum ditarjihkan secara perbandingan. Peranan ini terletak kepada para ulama dan ahli dalam bidangnya. Imam Malik menegaskan sikap wasatiyyah dalam menangani kekhilafan itu:

«من صدر عنه ما يحتمل الكفر من تسعة وتسعين وجها، ويحتمل الإيمان من وجه، حمل أمره على الإيمان»

(Sekiranya didapati perkara yang boleh dihukum (murtad) daripada sembilan puluh sembilan alasan, namun masih ada hanya satu alasan sahaja yang boleh mengekalkan imannya hendaklah dianggap masih beriman).

Semua ini menunjukkan betapa berhikmahnya para ulama menangani budaya takfir dalam kalangan umat, khususnya apabila disebar oleh pelampau Khawarij. Allah SWT menegaskan, bentuk penyelesaian terhadap semua perkara yang menjadi pertelingkahan atau pertembungan dalam kalangan umat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Wahai orang-orang yang beriman taatilah Allah, Rasul dan dan Uli Amri (para ulama dan umara) dalam kalangan kamu. Sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnah), sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat, itulah penyelesaian yang sebaik-baiknya.

(Surah al-Nisa' 4:59)

### IDEOLOGI

Pada zaman mutakhir ini, umat Islam sedang dilanda kelemahan, seperti kelekaan pemimpin, kelemahan ulama dan kejahilan umat dalam ilmu agama dan ilmu dunia. Semua bermula apabila berlakunya kecuaiian terhadap ajaran agama secara meluas, hingga menyebabkan manusia dipengaruhi fahaman jahiliyah. Naluri fanatik perkauman dan kengerian dijadikan aqidah perjuangan sehingga mengatasi hubungan Islam.

Suasana ini turut disuburkan oleh pemerintah Islam yang bersifat perkauman terhadap umat seagama sendiri, sehingga menolak saudara seagama yang tidak sebangsa dan senegeri. Turut diparahkan lagi dengan pengaruh tamadun kebendaan barat yang mencapai kemajuan tanpa roh dan akhlak. Tamadun Islam turut terhenti ditengah jalan kerana leka dengan kuasa yang ada tanpa sokongan kekuatan agama. Akhirnya umat hilang benteng agama, ilmu agama, ilmu dunia, dan kebijaksanaannya.

Kelemahan ini membolehkan penjajah menakluk tanah air umat Islam. Bermula dengan kejatuhan Melaka pada tahun 1511, sehingga khalifah Islamiyyah dijatuhkan oleh umat Islam sendiri. Tanah air umat Islam dibahagikan dalam kalangan kuasa penjajah mengikut perkauman, daerah dan ideologi.

Dalam masa yang sama terlaksananya *al-Ghazw al Fikri* (serangan pemikiran) terhadap umat Islam. Mereka diterapkan kefahaman sekularisme ciptaan barat yang



memisahkan agama daripada pemerintahan, sains dan teknologi. Serangan pemikiran ini dilaksanakan secara praktikal ditanah air umat Islam yang dijajah melalui pentadbiran, pendidikan dan media. Umat Islam disingkirkan daripada mentadbir umat dan negara. Ideologi barat dan teorinya telah mengambil tempat syariat Islam dalam aspek *way of life* (cara kehidupan) berpolitik, ekonomi yang asing daripada ajaran Islam yang sempurna. Ada yang mendukung ideologi ini dan berjuang menegakkannya dengan mudah. Akhirnya Islam disamakan dengan Kristian dan agama lain yang tidak bermaksud al-Din seperti yang dianut oleh semua para Rasul.

Sekularisme yang ditanam oleh penjajah ke dalam diri umat Islam, menjadikan umat Islam yang kuat pegangan agamanya menjadi buta ilmu agama secara menyeluruh. Mereka sekadar beribadat dan berakhlak Islam, tetapi memisahkan urusan duniawi dengan agama kerana tiada kena mengena antara satu sama lain. Oleh itu, umat Islam yang tidak kuat pegangan agama dan amalan dengan mudah hanyut.

### **PERPECAHAN IDEOLOGI**

Perpecahan ideologi yang membarah dalam pemikiran dan kefahaman telah mencetuskan masalah dalaman umat. Semua ideologi sama ada kanan atau kiri, yang terkini atau lama, semuanya gagal menyelesaikan masalah negara pencipta ideologi itu sendiri. Keruntuhan blok timur sehingga berlaku reformasi kepada ekonomi bebas. Tanda-tanda keruntuhan blok barat yang berubah secara pragmatik menjadi dalil kelemahan dan bukti kegagalan mereka yang sudah pasti tidak boleh disamakan dengan Islam yang sempurna. Secara tegas, kejatuhan umat Islam berlaku kerana mereka meninggalkan ajaran Islam. Kejatuhan umat lain pula berlaku kerana kelemahan agama dan ideologi mereka. Negara Islam yang menumpang turut menerima tempias semua ideologi tersebut.

Walaupun umat Islam mempunyai sumber jati diri dan bumi terpilih kurnia Allah SWT dalam peta dunia. Namun seperti kata ilmuwan: “Laksana umat Islam tidur atau bermimpi dalam cahaya lampu petunjuk yang terang, pihak lain pula bangun dan berlari dalam kegelapan”.

### **KEBANGKITAN SEMULA**

Alhamdulillah, akhir-akhir ini kita menyaksikan kesedaran Islam (*al Sohwah al Islamiyyah*). Namun musuh-musuh Islam yang tidak jujur terhadap kemanusiaan dan hasad terhadap Islam. Mereka mengambil kesempatan dengan masuk ke dalam ruang saf yang berpecah dalam kalangan umat Islam kerana ada kelemahan yang wujud, khususnya penyakit ideologi yang memecahkan umat. Terdapat juga unsur negatif bagi umat yang terlalu cintakan Islam, iaitulah Gejala *Tasahul* dan Gejala *Tasyaddud*.

*Tasahul* ialah sikap longgar dan mengambil mudah terhadap ajaran Islam sehingga melupakan matlamat untuk kembali semula kepada Islam yang sempurna. Mereka tidak bersungguh-sungguh walaupun ikhlas mahu melaksanakan syariat Allah SWT. Mereka bermujamalah (bersikap lunak terhadap penentang Islam) dan dalam masa yang sama mencari alasan bagi hukum Islam yang tidak kena maksud dan istilahnya. Contohnya seperti Siyasah Syar’iyyah, Maqasid Syariah, Feqah Aulawiyat dan lain-lain.

Alhamdulillah, dalam beberapa aspek perkembangan Islam tidak seperti dahulu. Suatu masa dahulu timbul istilah karut seperti, Islam dilebal komunismelIslam, sosialismelIslam, Islam liberal, dan kapitalisme. Semua itu mengambil serpihan ajaran



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Islam yang tidak sempurna dan berpisah dengan aqidah, syariat dan akhlak. Semua label ini beralaskan titik persamaan ideologi lain. Persamaan ini ibarat mengambil mata rantai yang terputus, daripada aspek yang wajib hingga ke rukun agama Islam.

*Tasyaddud* pula bersemangat melampau tanpa *Tafaquh fi al-Din* (tanpa faham urusan agama). Gopoh tanpa peduli proses pelaksanaannya yang bijak datang daripada Sunnah Rasulullah SAW dan para ulama yang muktabar. Sikap melampau ini tidak menunjukkan hikmat pelaksanaan syariat seperti pada zaman awal. Pelaksanaan syariat Islam berjaya menarik musuh sehingga mereka menganut Islam atau menjadi rakyat bukan Islam yang rela bernaung dibawah syariat yang adil. Dalam kalangan Tasyaddud ini telah merosakkan wajah sebenar Islam sehingga merosakkan manusia dan meramaikan musuh. Perbezaan ideologi dan kejahilan yang disertakan *Tasyaddud* bukan sahaja melagakan penganut Sunni dan Syiah, malah bertembung ini menjadi lebih dahsyat hingga merentasi mazhab Sunni dan Sunni, Syiah dan Syiah.

Sangat malang apabila ruang perbezaan ini melahirkan pelampau dan mereka digunakan musuh Islam untuk dilagakan sehingga mengangkat senjata. Berbunuh sesama kita, megebom masjid, pasar, dan hotel.

Dapat dilihat generasi awal yang tidak mempunyai kemudahan canggih seperti zaman kini dapat menangani perbezaan mazhab, kaum dan salah faham. Walaupun ada yang sangat melampau, namun itu tidak menghalang perkembangan Islam dan Islam berjaya membebaskan Baitul Maqdis yang dirampas musuh. Seterusnya Islam berkembang dan membuka laluan sutera menghubungkan masyarakat bukan Islam di asia tengah yang luas sehingga masuk ke negeri China. Meredah hutan Afrika, dan mengharungi lautan Hindi sehingga Asia Tenggara dan menukarnya menjadi wajah Islam.

Istiqamah dan pengembangan Islam ini berjaya kerana pada zaman itu mereka berpegang dengan tali Allah SWT. Pendekatan Islam dilihat mampu mempengaruhi setiap manusia yang melihatnya, kerana berpandukan al-Quran dan Sunnah yang penuh hikmah. Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

(Surah Ali 'Imran 3: 110)

Kaedah untuk meyelesaikan perbezaan dan pertelingkahan pula dinyatakan oleh Allah SWT :

فَإِنْ تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ  
خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾



Sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalikan penyelesaiannya kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (Sunnah), sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat, itulah penyelesaian yang sebaik-baiknya.

(Surah al-Nisa' 4:59)

Sabda Rasulullah s.a.w:

عن علي بن أبي طالب، رضي الله عنه، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ”إنه سيكون بعدى اختلاف -أو: أمر- فإن استطعت أن يكون السلم، فافعل. زوائد المسند (٩٠/١) وقال الهيثمي في المجمع (٢٣٤/٧): ”رجاله ثقات“.

Daripada Ali RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: “Akan berlaku pertelingkahan selepasku, atau perkara yang menyebabkan perpecahan. Maka sekiranya kamu mampu menangani secara damai, lakukanlah.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, petunjuk Islam tidak tamat peranannya. Para ulama dan kumpulan Islam bercirikan umat Ittiba' melangsungkan kewajipan mengikut ketetapan Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١٠٥﴾

Dan hendaklah ada dalam kalangan kamu satu ummah(kumpulan) yang berdakwah kepada kebajikan (Islam), menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkarannya. Merekalah orang-orang yang mendapat kejayaan. Dan jangan kamu jadi seperti mereka yang berpecah selepas datangnya kenyataan (daripada Allah, mereka adalah dalam kalangan ahli kitab). Bagi mereka disediakan azab yang besar.

(Ali 'Imran 3: 104-105)

Para ulama pula mewarisi pusaka ajaran para Rasul AS. Sabda Rasulullah SAW:

وَفَضَّلَ الْعَالِمُ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضَّلَ الْقَمَرُ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرِثَةُ الْأَنْبِيَاءِ إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرِثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ. سنن الترمذی (١٠ / ٢٠٤ ، بترقيم الشاملة آليا)

(Dan kelebihan orang alim itu mengatasi seorang abid laksana kelebihan bulan melebihi bintang cekerawala. Sesungguhnya para ulama itu pewaris pusaka para anbiya. Mereka tidak meninggalkan pusaka harta dinar dan dirham. Sebenarnya mereka meninggalkan pusaka ilmu. Sesiapa yang mengambilnya nescaya dia mendapat habuan paling banyak dan bernilai).

Peranan Al-Azhar yang dianggap kiblat ilmu yang melahirkan para ulama wajib bercirikan pewaris yang amanah dan memikul amanah yang besar.



**BIODATA RINGKAS PENULIS**

**YB Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** berasal daripada Marang, Terengganu. Beliau melanjutkan pengajian di Universiti Islam Madinah di peringkat Ijazah dalam bidang Syariah Islam dan meneruskan pengajian di Universiti Al-Azhar Mesir di peringkat Sarjana dalam bidang Siasah Syariah. YB Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi bin Haji Awang merupakan Presiden Parti Islam SeMalaysia dan Naib Presiden Kesatuan Ulama Sedunia, sebuah badan bukan kerajaan berpangkalan di Qatar. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pemuda PAS Terengganu, Pegawai Yayasan Islam Terengganu (1977-1978) dan Pengerusi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Terengganu (1978). Beliau juga merupakan mantan Menteri Besar Terengganu (1999-2004).



## PERPADUAN UMMAH: PENGALAMAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Dr. Haji Norarfan Haji Zainal*

### Pendahuluan

Ungkapan “perpaduan ummah” di sini adalah bermaksud perpaduan umat Islam. Ungkapan ini berbeza dengan “perpaduan nasional” yang membawa maksud perpaduan semua kaum dalam sesebuah negara. Dalam Islam, perpaduan ummah merupakan sesuatu yang dititikberatkan oleh Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah”.

( Surah Ali-'Imran 3: 103)

Ayat ini jelas sekali memerintahkan umat Islam supaya bersatu padu atas jalan kebenaran yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan melarang mereka daripada berpecahbelah dari jalan Allah. Namun realitinya kini, umat Islam merupakan umat yang sering berhadapan dengan perpecahan dan pergolakan. Pelbagai isu telah memisahkan umat Islam antara satu sama lain, contohnya isu perbalahan mazhab dan perkembangan ideologi sesat dan ekstrim yang semakin berleluasa dan merentasi sempadan. Ia merupakan satu realiti yang sangat menyedihkan dan memilukan.

Meninjau situasi masa kini, kedudukan umat Islam semakin ketara amat terancam dan hidup dalam keadaan yang tidak selesa akibat asakan dan gambaran yang tidak betul terhadap agama Islam dan umatnya. Perlakuan yang tidak islami yang dilakukan oleh golongan pelampau atas nama agama Islam menuangkan lagi api kemarahan serta menimbulkan prejudis terhadap umat Islam sejagat sehingga Islam dituduh sebagai agama pengganas, pencetus huru-hara, yang akhirnya menjadikan umat Islam sebagai warga minoriti dalam negara bukan Islam dan juga selaku warga dunia dalam situasi terancam, teraniaya dan didiskriminasi. Kini, umat Islam diasak dan diancam dengan ideologi musuh-musuh Islam, iaitu penghapusan umat ‘*World Without Islam*’. Hal ini berlaku kerana stereotaip mereka atas kejadian keganasan yang melibatkan pelaku-pelakunya dari kalangan orang-orang Islam tanpa melihat kebenaran dan kesucian ajaran Islam itu sendiri.

Keadaan ini, lebih-labih lagi dalam suasana umat Islam berbalah dan berperang sesama sendiri, menuntut umat Islam agar kembali kepada dasar agama Islam itu sendiri iaitu berpegang teguh kepada perintah dan suruhan Allah Subhanahu Wata'ala melalui ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam. Melaluinya, Umat Islam akan bersatu padu dan memiliki kekuatan yang akan menggentarkan



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

musuh-musuh Islam yang sering mencari jalan untuk menghancurkan Islam dan umatnya. Ini kerana perbalahan dan perpecahan yang berterusan akan menyebabkan umat Islam semakin lemah dan mudah diperkotakatikkan oleh musuh-musuh Islam.

Alhamdulillah, rantau nusantara ini sejak sekian lama telah menikmati keamanan dan kesejahteraan kurniaan Allah SWT berbanding rantau lain yang dilihat sentiasa berhadapan dengan pergolakan dan konflik yang berterusan dan mengerikan. Malah konflik yang berlaku di sebahagian negara Islam melibatkan peperangan yang dahsyat sesama saudara Islam hanya kerana disebabkan perbezaan prinsip dan pegangan, selain faktor kekuasaan, pengaruh dan kebendaan.

Negara Brunei Darussalam, sebagaimana negara-negara jiran yang lain juga telah dan sedang menikmati kemakmuran dan kesejahteraan sejak sekian lama. Keadaan ini berlaku atas faktor perpaduan yang ditonjolkan dan dijelmakan oleh rakyat dan penduduk negara ini. Justeru, apakah formula yang digunakan pemerintah sehingga mendorong kepada pembentukan perpaduan yang begitu kukuh di Negara Brunei Darussalam? Apakah rahsia dibalik perpaduan tersebut? dan bagaimanakah Negara Brunei Darussalam mengekalkan keharmonian dan kemakmuran beragama, bermasyarakat dan bernegara berasaskan perpaduan ummah dan nasional? Kertas kerja ringkas ini akan mengongsikan resepi yang digunakan oleh Negara Brunei Darussalam dalam mewujudkan dan mengekalkan perpaduan ke arah membentuk masyarakat yang hidup harmoni dan negara yang aman makmur dan sejahtera.

### Perpaduan Ummah di Negara Brunei Darussalam

Islam merupakan agama perpaduan dan ukhuwwah serta menjamin kesejahteraan dan keadilan umat sejagat. Islam mengakui pelbagai rumpun bangsa dan bersuku kaum supaya manusia saling kenal mengenali antara satu dengan yang lainnya. Islam juga mengakui bahawa hidup bersatu padu atas nama ukhuwwah dan iman adalah asas perpaduan umat Islam. Memeliharanya adalah satu tuntutan yang sangat diutamakan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣﴾

“Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelagah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat”

(Surah al-Hujurat 49: 10)

Atas dasar ini, Negara Brunei Darussalam melalui kepimpinan yang ada, sangat menitikberatkan penghayatan dan melaksanakan tuntutan syari'at Islam dalam semua aspek kehidupan, bermasyarakat dan bernegara. Dengan berpegang teguh kepada falsafah “Melayu Islam Beraja” yang berasaskan kepada agama Islam sebagai agama rasmi negara menurut pegangan Ahli Sunnah Waljama'ah, kemakmuran yang dikecapi oleh rakyatnya sejak turun temurun di bawah kepimpinan sistem beraja sangat menjamin perpaduan yang berterusan. Tidak dinafikan bahawa perpaduan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sehingga kini adalah hasil dari paduan beberapa faktor penting yang menjurus kepada kemakmuran dan keharmonian yang dicita-citakan. Faktor tersebut antara lain adalah seperti berikut:





## 1. Corak kepimpinan yang adil dan bijaksana

Negara yang berkat dan aman makmur adalah sebuah negara yang mempunyai pemimpin yang memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki oleh ajaran Islam seperti bersifat adil, berilmu, kematangan dalam fikiran dan tindakan, kemampuan dalam memimpin, keberanian dalam tindakan serta kemampuan pengawasan dan pengurusan yang baik dan berkesan. Ia bercirikan pimpinan yang diambil tauladannya dari para nabi, khalifah-khalifah dan umara' yang unggul, ulama', para penasihat dan pakar-pakar yang berwibawa. Ia memenuhi tugas dan adab-adab sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Mawardi dalam kitabnya "*al-Ahkam al-Sulthaniyyah*" dan "*Adab al-Dunya wa al-Din*".

Halatuju dan keperibadian pemimpin selaku pemerintah akan mendorong rakyat dan penduduk yang dipimpin mengikuti jejak dan mencontohi para pemimpin mereka, sesuai dengan pepatah Arab "Orang ramai adalah mengikut agama raja mereka." (الناس على دين ملكهم). Jika pemerintah mereka berbuat baik, maka rakyat dan penduduknya juga akan berbuat baik, sebaliknya jika pemerintah mereka berbuat jahat dan mengetepikan tuntutan syara' maka orang yang dipimpin juga akan berbuat demikian seperti mereka.

Dalam hal ini, Negara Brunei Darussalam sangat bertuah kerana memiliki seorang raja selaku pemerintah yang bersikap adil, pemedulian, prihatin, kasih sayang terhadap rakyat dan penduduk Baginda. Sikap terpuji Baginda ini berakar umbi sejak memerintah Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 lagi sehingga seluruh rakyat dan penduduknya dapat menikmati kehidupan yang sejahtera dan negara terus aman makmur di sepanjang pemerintahan Baginda di bawah payung dan lindungan rahmat dan keredhaan Allah SWT jua.

Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan teladan dan contoh kepimpinan yang berkesan. Ini jelas dengan ciri-ciri kepimpinan berasaskan Islam yang ada pada baginda seperti bijaksana, adil dan saksama, berjiwa rakyat dan berjiwa Islam membawa ke arah penjelmaan negara yang berkat dan mendapat keampunan dari Allah SWT (بلدة طيبة ورب غفور).

Kebijaksanaan baginda terserlah dalam menyusun dan memperkemas pentadbiran negara dengan memperkenalkan pentadbiran berkabinet yang menjadi teras pembangunan dan kemajuan negara. Melalui sistem pentadbiran berkementerian ini, baginda dapat melaksanakan pentadbiran dan pemerintahan negara dengan menyusun pelbagai projek dan rancangan pembangunan negara yang bukan sahaja berbentuk pembangunan fizikal malahan juga pembangunan kerohanian.

Kekuatan kepimpinan baginda semakin terserlah dengan keazaman dan keiltizaman Baginda membangun negara berasaskan ajaran Islam sebagai teras dan rujukan utama. Baginda sentiasa mengambil berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat demi mencapai ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT. Baginda juga sentiasa memberi peringatan dan nasihat kepada rakyat yang beragama Islam supaya sentiasa mengingati dan bersyukur terhadap nikmat Allah dan menjadikan Al-Quran dan al-Sunnah sebagai panduan utama. Sebagai 'Payung Allah di Muka Bumi', Baginda merupakan seorang raja yang berani dan sentiasa memastikan syari'at Islam ditegakkan di bumi Brunei Darussalam dan memastikan rakyat dan penduduknya beriman dan bertaqwa mengharap keberkatan dari Allah SWT sesuai dengan firman Allah SWT:



وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

“Dan kalaulah penduduk sesebuah negeri itu beriman dan bertaqwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi”.

(Surah al-‘Araf 7: 96).

**2. Menjadikan Islam sebagai cara hidup syumul**

Islam menganjurkan umatnya agar berpegang teguh dengan ajaran Islam dan tidak bercerai-berai atau berpecah belah. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءَ فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٠﴾

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa Jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatupadu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara...”

(Surah Ali ‘Imran 3: 103)

Ayat ini secara tegas merupakan suatu perintah dan suruhan Allah SWT kepada umat Islam supaya berpegang teguh dengan ajaran dan Syari’at Islam, diikuti pula dengan perintah berupa larangan, iaitu jangan bercerai-berai. Ini bermakna asas perpaduan ummah itu adalah terletak pada ketaatan kita kepada perintah Allah SWT. Tidak ada perpaduan jika tiada ketaatan kepadaNya.

Sebagai sebuah negara yang memperlembagakan Islam sebagai agama rasmi, Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sentiasa beriltizam menjadikan Islam sebagai cara hidup lengkap di Negara Brunei Darussalam. Perkara ini sering diberikan penekanan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak menaiki takhta lagi. Titah Baginda sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1387 Hijrah bersamaan 1967 Masihi:

“Beta percaya rakyat Beta yang dikasihi sekalian sedia memahami bahawa perkembangan-perkembangan bahagian ugama yang telah dilancarkan dengan baiknya itu adalah merupakan pada keseluruhannya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai matlamat yang menjadikan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh dengan nikmat bagi keseluruhan rakyat dan penduduk di Negeri Brunei Darussalam”.

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan yang kuat dengan peranan yang dimainkan oleh institusi kesultanan Brunei. Sejarah mencatatkan bagaimana Brunei mempunyai ceritera dan sejarah perjuangan serta keagungan yang tersendiri dalam usaha memartabatkan agama Islam semua aspek termasuk pentadbiran dan undang-undang negara.



Pelbagai perkara telah dilaksanakan sejak pemerintahan kesultanan Brunei untuk mencapai visi sebagai sebuah negara yang aman makmur dan sejahtera dalam keredhaan Allah SWT. Perkembangan ini semakin menyerlah di bawah pemerintahan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dan anakanda Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah seperti memperkasa pendidikan Islam dengan mewujudkan sekolah rendah Ugama bersistem sejak 1956, sekolah-sekolah Arab sejak 1966, Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB - 1993) dan institusi-institusi pengajian tinggi Islam seperti Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (MPUSB - 1972), Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPI BD - 1989), Fakulti Pengajian Islam Univeristi Brunei Darussalam (FPI, UBD - 1993), Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS, UBD - 1999), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA - 2007), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB - 2007) dan Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddien (PPISOAS, UBD - 2010). Sistem pendidikan sememangnya diberikan keutamaan dan perhatian istimewa oleh pihak kerajaan sehingga diberikan peruntukkan kewangan yang begitu besar setiap tahun berbanding sektor-sektor awam yang lain. Peruntukkan besar ini disediakan atas dasar kepentingannya yang menjurus kepada pembentukan sahsiah dan pembangunan sosio-ekonomi negara selaku khalifah di muka bumi agar kemakmuran negara sentiasa dinikmati dari generasi demi generasi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bukan sahaja memastikan prasarana dan infrastruktur pendidikan sentiasa disediakan oleh pihak kerajaan, malah bagi memastikan rakyatnya menerima bimbingan agama yang sewajarnya Baginda juga menyarankan agar pendidikan agama diwajibkan ke atas kanak-kanak. Perkara ini dititahkan Baginda ketika Mesyuarat Khas Majlis Bencana Kebangsaan pada 12 Julai 2009. Baginda antara lain memberi sebab mengapa pendidikan ugama itu wajib diutamakan:

“...apakah kurangnya Ugama Islam? Ia juga rasmi dalam Perlembagaan. Malah pada hemat beta, ia lebih patut jadi teras kerana ia adalah ugama bangsa, ugama dari Allah yang wajib dipelajari oleh seluruh orang Islam. Jika tidak dipelajarinya, jadi dosa kepada mereka dan jadi tanggungan kepada Negara”.

Berkat usaha dan keprihatinan Baginda yang berterusan, pada 24 September 2012 iaitu bersempena dengan Hari Guru 2012, Baginda telah mengisytiharkan penggubalan satu undang-undang khas yang dikenali sebagai “Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012” dan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2013 . Dalam akta ini kanak-kanak Islam yang berumur 7 tahun diwajibkan bersekolah ugama bermula dari peringkat Pra sekolah ugama sehingga tamat Darjah VI.

Perintah pendidikan berkenaan sudah setentunya akan menjadi salah satu tapak semeian yang baik dan sangat sesuai untuk kesuburan dan pertumbuhan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) di negara ini.

Dalam memastikan sistem ekonomi menepati piawai syarak yang bebas dari unsur-unsur riba, khianat, rasuah dan penipuan maka ditubuhkan sistem perbankan Islam sebagai alternatif kepada bank konvensional yang sedia ada seperti Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) yang ditubuhkan pada tahun 1991 dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) pada tahun 2005.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Dalam aspek pentadbiran pula, penerapan unsur-unsur kerohanian jelas dititikberatkan dalam sektor perkhidmatan awam seperti menggalakkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan supaya membudayakan pembacaan al-Qur'an sebelum memulakan tugas. Anjuran ini dititahkan oleh KDYMM Sultan ketika Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran bagi tahun 1412/1992 yang antara lain menyarankan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan menjadikan tabiat melazimkan diri masing-masing untuk membaca Al-Quran walaupun setakat beberapa ayat pada tiap-tiap hari sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing. Baginda KDYMM Sultan menjelaskan tujuannya ialah agar dengan berkat al-Quran itu, apa juga tugas dan khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan untuk Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dipimpin oleh petunjuk dan hidayat Allah.

Dari segi kod pakaian pula, peraturan pakaian bekerja rasmi bagi pegawai dan kakitangan wanita umpamanya diwajibkan berpakaian sopan dan menutup aurat. Peraturan ini dikuatkuasakan bagi tujuan memelihara kehormatan wanita daripada diganggu terutama semasa dalam bekerja dan juga untuk mendapatkan keberkatan dan keredhaan Allah kerana mentaati perintah-Nya.

Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Titah perkenan KDYMM Sultan juga telah menetapkan garis panduan dalam mempertimbangkan penghantaran pegawai dan kakitangan ke luar negeri sama ada bagi tujuan bertugas, menghadiri persidangan, mesyuarat atau menghadiri program yang berupa latihan jangka pendek agar tidak menghantar seorang pegawai lelaki dan seorang pegawai perempuan yang tiada hubungan mahram secara berduaan sahaja, jika tidak dapat dielakkan hendaklah disertai seorang pegawai perempuan lain. Peraturan ini digubal atas dasar kekhawatiran Baginda terhadap keharmonian institusi rumahtangga rakyat yang boleh sahaja terjejas yang kesudahannya memberikan impak negatif kepada pembangunan negara.

Baginda juga menitahkan bagi penguatkuasaan pengharaman penjualan dan hidangan arak di Negara Brunei Darussalam, pengharaman merokok di bangunan-bangunan Kerajaan dan di tempat-tempat awam serta penjualannya, penutupan sementara semua premis perniagaan dan pejabat pada waktu sembahyang Jumaat dan yang terkini penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah yang mula berkuatkuasa pada 1 Mei 2014. Pelaksanaan kanun ini telah mendapat sokongan tidak berbelah bahagi dari seluruh rakyat jelata di semua lapisan peringkat masyarakat termasuk mereka yang bukan beragama Islam.

Keberanian Negara Brunei Darussalam mengambil tindakan demikian demi memenuhi tuntutan syari'at Islam dan memelihara kesejahteraan awam dengan mengisytiharkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 telah membuka mata dunia yang pada awalnya memandang prejudis terhadap keputusan tersebut, kini menerimanya secara terbuka dan menghormati pendirian negara. Malah, Brunei Darussalam telah menerima pujian dan sanjungan yang tidak putus-putusnya dari umat Islam dari seluruh pelusuk dunia serta negara-negara Islam lain tanda menyokong tindakan Negara Brunei Darussalam. Allahu Akbar!

### ***3. Berpegang teguh dengan ajaran Ahli Sunnah Waljama'ah***

Keunikan Negara Brunei Darussalam dalam memartabatkan agama Islam begitu terserlah apabila perlembagaan Negara Brunei Darussalam mengkanunkan bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah (ASWJ) dengan memberikan kebebasan kepada penganut agama lain untuk



mengamalkan agama mereka masing-masing dengan aman dan sempurna. “Agama Islam” dalam perlembagaan ditafsirkan sebagai agama Islam menurut ASWJ mengikut Mazhab Shafi’e .

Berdasarkan perlembagaan di atas menunjukkan bahawa pemahaman dan penghayatan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam dari sudut akidah adalah terikat dengan pemahaman dan pendekatan ASWJ. Hakikat ini juga dapat dilihat dalam setiap kes penyelewengan akidah dan kerohanian yang timbul dalam masyarakat Islam, maka ukuran dan penilaian dirujuk kepada fahaman aliran ASWJ. Mereka yang menyebarkan ajaran yang menyeleweng dari dasar ajaran ASWJ boleh didakwa di bawah Bab 207 (1) dari Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

Dalam isu-isu fikah pula, pendapat yang dipakai dan menjadi hujah pada lazimnya ialah qaul mu’tamad dalam mazhab Syafi’e. Jika qaul mu’tamad dalam Mazhab Syafi’e difikirkan boleh membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam maka qaul muktamad mazhab Hanafi, mazhab Maliki atau mazhab Hanbali boleh dipakai. Dalam titah Pemasyoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1hb. Januari, 1984 Masihi bersamaan 27hb. Rabiulawal, 1404 Hijriah, perkara tersebut sekali lagi ditegaskan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang antara lain bertitah:

“ ... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah subhanahu wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama’ah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah subhanahu wataala...”

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa agama Islam bukan sahaja menjadi agama rasmi negara, malah pegangan Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah juga diisytiharkan sebagai pegangan rasmi masyarakat Islam di negara ini selain berpegang kepada Mazhab Imam al-Syafi’e dalam masalah fikah. Ini bermakna sebarang ajaran atau fahaman selain Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah seperti Syi’ah, Islam Liberal, Qadiani, Bahai, Wahabi dan sebagainya yang bertentangan dan tidak selaras dengan ajaran Akidah Ahli Sunnah Wal Jama’ah adalah ditegah penyebarannya di negara ini.

Sejak ajaran Islam menurut fahaman Ahli Sunnah Wal Jama’ah diamalkan dan dijadikan sebagai pegangan hidup di kalangan masyarakat Islam di negara ini, ia ternyata memberi kesan yang berpanjangan dalam menyatupadukan ummah dan kestabilan negara. Kenyataan ini juga diperakui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah ketika bertitah dalam Majlis Istiadat Mengadap bersempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke 43 tahun pada 15hb. Julai 1989 yang antara lain berbunyi:

“ Di bidang keagamaan pula, fahaman keagamaan yang sepakat dan sealiran yang kita amalkan selama ini menurut aliran Ahli Sunnah Wal Jama’ah, khususnya mazhab Imam Syafi’e, telah pun terbukti berupaya menghindarkan kita dari sebarang kekecohan dan perselisihan dalam perkara-perkara keagamaan. Oleh yang demikian bagi maksud meneruskan persefahaman di kalangan sesama kita, khususnya di bidang agama, maka kesepakatan dan penyatuan mazhab agama itu mustahaklah jangan dibiarkan terjejas oleh sebarang percubaan bagi menonjolkan lain-lain fahaman atau aliran. Kerajaan beta



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

akan terus mengambil berat dan sentiasa membuat langkah-langkah pada menjamin fahaman beragama yang sepakat dan bersatu aliran itu.”

Dalam aspek akidah, pendekatan Ahli Sunah Waljama’ah yang sehati dihayati dan dijadikan suatu pegangan oleh masyarakat Islam di Brunei ialah fahaman dan aliran yang dibawa oleh Madrasah Asya’irah dan Maturidiah. Malah aliran Asya’irah dan Maturidiah bagi setengah ulama adalah sinonim dengan istilah ASWJ sepertimana yang dinyatakan oleh Imam al-Subki dalam kitabnya *Syarh ‘Aqidah Ibni al-Hajib* dan al-Zabidi dalam *Ittihaf al-Sadat al-Muttaqin*, dan diperkukuhkan lagi oleh tokoh-tokoh ulama Brunei seperti Mantan Mufti Kerajaan Brunei, Shahib al-Samahah Ustaz Haji Ismail Umar Abdul Aziz dan Mantan Menteri Hal Ehwal Ugama Brunei, Ustaz Dr Haji Mohd Zain bin Haji Serudin.

Madrasah Asya’irah dan Maturidiah cukup terkenal dan mendapat tempat di kalangan masyarakat Islam di rantau ini kerana keseimbangannya dalam memahami akidah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Keseimbangan dalam ertikata menerima pendekatan ahli Salaf dan pendekatan akal dalam memahami teks (nusus) agama tetapi tidak sampai ke tahap melampau dan ekstrem terhadap akal sebagaimana aliran Muktaizilah, dan tidak juga menerima manhaj literal dan beku di dalam memahami akidah Islam seperti yang dianuti oleh golongan Mujassimah dan Karramiah.

Kedua-dua aliran ini juga mengajak masyarakat Islam memberikan perhatian dan tempat kepada peranan akal dalam mengukuhkan agama dan akidah yang dinyatakan oleh nusus agama. Mereka berpendapat bahawa dengan adanya paduan antara ‘aqli dan naqli, adalah lebih mudah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat Islam tentang akidah dan sekaligus memudahkan pula penyebarannya kepada masyarakat yang belum Islam.

Walaupun demikian, aliran ini tetap mengutamakan nusus (nas-nas syara’) daripada akal. Ini jelas apabila berlaku percanggahan di antara akal dan naqli dalam sesuatu isu akidah, maka nusus mestilah diutamakan kerana nusus lebih berwibawa dan muktamad. Dengan kata lain, peranan akal adalah semata-mata berkhidmat kepada nusus untuk menjelaskan hakikat kebenaran akidah. Sebarang kesamaran yang timbul antara kehendak nusus dengan kehendak akal, nusus hendaklah diutamakan.

Oleh itu, sesuatu yang disampaikan oleh nusus mestilah diterima dan dipatuhi sementara peranan akal dalam aspek akidah hanyalah mengukuhkan apa yang telah dijelaskan oleh nusus. Prinsip manhaj ASWJ menurut aliran al-‘Asya’iah dan al-Maturidiah ini tidak berubah sehinggalah ke hari ini.

Pendekatan seimbang ini menjadikan kedua-dua aliran ini mudah diterima dan popular di kalangan majoriti masyarakat Islam. Justeru, tidak hairanlah mendapat tempat di rantau ini kerana melihat kedua-dua aliran ini sebagai pendokong sunnah yang sebenar. Atas dasar ini juga, masyarakat Islam Brunei dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan sejak berkurun-kurun lamanya, tidak timbul isu-isu sensitif dalam soal akidah seperti kufur mengkufur, perbalahan antara mazhab dan sebagainya.

Keutuhan akidah ASWJ dalam kehidupan masyarakat Islam Brunei dan sebagai tunggak bagi semua kegiatan yang menyentuh kepentingan dan pembangunan agama, bangsa dan negara amat terserlah sehingga begitu sukar untuk digugat apalagi untuk digantikan fahaman-fahaman lain selain ASWJ. Tidak dinafikan bahawa amalan beragama yang berlangsung dalam bentuk pendekatan yang “seimbang” (wasatiyyah) menurut aliran Ahli Sunnah Wal Jama’ah yang dibawa oleh ulama Asya’irah dan Maturidiah telah memberi



sumbangan yang besar kepada kesejahteraan ummah dan pembangunan negara di bawah kepimpinan Raja-Raja Brunei yang ditaati oleh rakyatnya.

Dengan berpegang peguh kepada aliran Ahli Sunnah Waljama'ah ini juga serta keseimbangan dalam amalan beragama tidak diragui lagi telah memperkukuhkan kedudukan Islam dan memperteguhkan lagi iman kaum muslimin serta menyemarakkan syi'ar Islam di Negara Brunei Darussalam. Dengan itu, masyarakat Islam di Brunei tidak terpengaruh dengan corak pemikiran, amalan, dan tindakan yang boleh memecah-belahkan dan menjejaskan kehidupan beragama dan kestabilan bermasyarakat dan bernegara.

#### **4. Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai Falsafah Negara**

Melayu Islam Beraja (MIB) diisytiharkan secara rasmi sebagai 'Falsafah Negara' menerusi Titah Perintah Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984.

"Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik, berdasarkan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahlul Sunnah Wal Jemaah".

Sungguhpun demikian, MIB sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu diperkenalkan sebaliknya telah berevolusi sejak bermulanya sistem beraja dan agama Islam di Negara Brunei Darussalam. Pengisytiharan MIB sebagai falsafah negara telah memberikan pengesahan dan pengenalan semula identiti orang Melayu Brunei dalam aspek kehidupan bermasyarakat, beragama dan bernegara melalui sistem pemerintahan beraja lagi berdaulat.

MIB dalam konteks Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara yang mengamalkan cara hidup kemelayuan yang berpandukan kepada akidah agama Islam dengan sistem pemerintahan beraja yang diketuai oleh seorang sultan.

Majlis Tertinggi Kebangsaan MIB pada 14 Februari 1994 menjelaskan bahawa "Melayu" dalam prinsip MIB bermaksud hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Manakala "Islam" dalam MIB ditakrifkan sebagai agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah Waljama'ah, Mazhab Syafie yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul. Sementara "Beraja" pula ialah pemerintahan beraja iaitu Sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

MIB merupakan wawasan masa kini dan masa depan untuk meningkatkan dan memajukan kehidupan orang Brunei dengan agama Islam sebagai pegangan dan landasan pemikiran serta tindakan, di samping ianya mengingatkan supaya orang Brunei bersedia bersaing maju dengan memperkuatkan jati diri demi mengenal kekuatan dan kelemahan diri sendiri untuk survival bangsa Melayu dan negara.

Justeru, jati diri MIB yang mantap sangat diperlukan dalam era globalisasi yang penuh dengan berbagai cabaran dan krisis semasa. Keperluan ini menjadi semakin mendesak apabila Negara Brunei Darussalam menjelang 2035, menasaskan untuk



dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Maka dalam keghairahan untuk mencapai wawasan tersebut rakyat perlu bersatu dalam kesetiaan kepada sultan dan negara; keyakinan terhadap nilai-nilai Islam yang jitu; dan keharmonian sosial dan amalan tradisi terbaik-baik.

### 5. Gagasan “Negara Zikir”

Salah satu faktor penting dalam usaha membentuk perpaduan ummah di Negara Brunei Darussalam ialah gagasan negara ke arah “Negara Zikir”. Gabungan dua kata ini iaitu “Negara Zikir” adalah bersumber langsung dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Raya ‘Idiladha 1428. Di dalam titah tersebut Baginda telah mengungkapkan satu azam suci untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah “Negara Zikir”. Baginda menaruh keyakinan bahawa keamanan hidup dan keamanan bernegara itu hanya akan berlaku kepada umat yang sentiasa mengingati Allah Ta’ala dengan memperbanyak Zikrullah. Dengan kata lain, ia membawa maksud, umat yang sentiasa melaksanakan segala suruhan dan perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.

“Zikir” adalah kalimat agung dan suci kerana ia datang daripada Allah SWT. Kalimat mulia ini sangat banyak diungkap oleh al-Qur’an. Antaranya firman Allah SWT:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

“Maka kerana itu, hendaklah kamu berzikir kepada-Ku, hendaklah kamu mengingati-Ku, nescaya Aku akan ingat (pula) kepada kamu...”

(Surah al-Baqarah 2: 152)

Justeru, yang dimaksudkan dengan “Negara Zikir” ialah sebuah negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir dalam semua aspek merangkumi siasah, ekonomi, sosial, pertahanan dan sebagainya. Siasah di sini bermaksud ilmu yang berkaitan dengan hal ehwal kenegaraan, ilmu mengurus negara, mengurus rakyat, supaya negara itu tetap berada di landasannya yang baik dan rakyat pula berbahagia. Siasah Zikir merupakan satu sistem yang dipandu oleh hukum-hukum Allah, yang tidak boleh berlaku padanya sebarang pelanggaran terhadap hukum-hukum tersebut.

Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendak menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah “Negara Zikir” sememang bertepatan pada waktunya di kala dunia kini berhadapan dengan berbagai cabaran semasa yang merosakkan akidah dan jatidiri muslim. Sebagai pemimpin yang berprinsip dan kukuh beragama, Baginda menginginkan rakyat baginda di Negara Brunei Darussalam sentiasa mengingati Allah dalam segenap urusan agar semua pergerakan dan perbuatan yang dilakukan oleh rakyat dan penduduk di negara ini akan sentiasa memperolehi rahmat yang berpanjangan dan jauh daripada kesusahan, bala bencana dan pelbagai anasir yang boleh mengancam dan merosakkan keamanan. Ini kerana, mereka yang memelihara Allah adalah orang-orang selamat dan negara yang memelihara Allah adalah negara selamat. Justeru itu, Negara Brunei Darussalam berazam untuk menjadi “Negara Zikir”, negara yang diungkap oleh al-Qur’an sebagai “Negara yang baik dan sejahtera, yang sentiasa bernaung di bawah keampunan Allah” (Surah Saba’: 15)





## 6. *Institusi pengurusan dan pentadbiran agama Islam yang berwibawa dan mantap*

Kemajuan pelaksanaan agama Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Brunei Darussalam begitu menonjol dan digerakkan dengan rancak dan agresif dengan tertubuhnya institusi-institusi dan badan-badan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam yang berwibawa dan dihormati seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) dan sebagainya.

KHEU yang ditubuhkan pada 01 Julai 1954 umpamanya, merupakan sebuah institusi yang bertanggung jawab menegakkan dan mempertahankan agama Islam berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah di Brunei Darussalam dan tunjang kemajuan agama Islam di Brunei.

Sejak penubuhannya, KHEU telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang pengurusan keagamaan, pendakwaan syi'ar Islam, pendidikan, hal ehwal masjid, perundangan Islam, penguatkuasa undang-undang, pengurusan zakat, wakaf dan hubungan kerjasama serantau di bidang agama Islam.

Proses Islamisasi di negara ini juga berjalan dengan teratur dan berkesan melalui program-program dakwah yang berterusan kendalian Pusat Da'wah Islamiah kepada masyarakat Islam bagi memperkasakan kehidupan beragama berteraskan ASWJ dan kepada non-muslim bagi mendekatkan mereka kepada agama Islam.

Selain KHEU, MUIB juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam memelihara perpaduan ummah dan keutuhan agama Islam berdasarkan ajaran ASWJ di Negara Brunei Darussalam. MUIB merupakan sebuah perbadanan Agama Islam yang berdiri sendiri (*independent body*) bagi mengurus hal ehwal agama Islam di Negara Brunei Darussalam yang mempunyai kuasa undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Undang-Undang Negara Brunei Darussalam melalui Akta Majlis ugama Islam Dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.

Kedudukannya yang tinggi dan mempunyai status dan kehormatan yang tersendiri, MUIB mempunyai kuasa dan wibawa yang besar dalam membuat dan menentukan dasar-dasar mengenai isu-isu keagamaan dan pentadbiran agama Islam di Negara Brunei Darussalam selain berperanan sebagai penasihat kepada Sultan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam .

Kewujudan institusi-institusi penting ini tidak syak lagi mampu menjamin perpaduan ummah di Negara Brunei Darussalam dalam usaha memelihara kemakmuran dan kesejahteraan negara yang dinikmati sejak sekian lama. Sebarang isu berkaitan agama yang berpotensi memecahbelahkan ummah dan mengganggu kestabilan negara serta perkembangan ajaran dan ideologi sesat dan meragukan akan ditangani dan diharmonikan oleh institusi-institusi berwibawa ini.

### **Penutup**

Tidak dapat dinafikan bahawa kemakmuran dan keharmonian beragama, bermasyarakat dan bernegara yang dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sejak turun temurun adalah berkat perpaduan dan kesatuan yang kukuh. Perpaduan ini tidak akan tercapai melainkan dengan kesungguhan dan keiltizaman yang tinggi serta percaturan siasah yang bijaksana.



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, perpaduan itu dibentuk dan diacu hasil kebijaksanaan kepimpinan dan sistem pemerintahan yang adil lagi saksama serta pembangunan masyarakat dan negara yang didasarkan kepada agama Islam yang suci. Jika ini terus dipelihara dan diperkukuh, nescaya Negara Brunei Darussalam akan terus membangun dan berdiri dengan perkasa sehingga mampu menjamin kemakmuran dan kesejahteraan negara sebagaimana yang dihasratkan serta mampu melahirkan masyarakat yang maju dan cemerlang yang akhirnya menjadi *role model* negara Islam lain dalam meninggikan kalimah Allah di muka bumi ini.

### Bibliografi:

1. Abdul Aziz Juned. Negara Zikir. Kertas Perdana dibentang dalam Seminar Majlis Ilmu 2008 pada 28 Julai 2008. Brunei Darussalam.
2. Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77.
3. Al-Zabidi, *al-Ittihaf al-Sadat al-Muttaqin bi syarh ihya 'ulum al-din*. (1989). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
4. al-Zirikliy, Khair al-Din. *Al-'Alam*. (1999). Beirut: Dar al-'Ilm Li al-Malayan.
5. Brunei di Tengah-Tengah Nusantara, Kump. Kertas kerja Seminar Sejarah Brunei. (1994). Kementerian Kebudayaan Belia & Sukan, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-Dokumen Perlembagaan (S 32/04; S65/04).
7. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz. 1994. *Ringkasan Akidah Ahli Sunnah Wal Jemaah*. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah. Cetakan Kedua.
8. Haji Md. Zain Haji Serudin. 1998. *Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan*. Brunei: Dewan Bahasa Pustaka.
9. Himpunan Titah Duli Yang Maha Mulia Paduk Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Di Majlis-Majlis Keagamaan Dan Titah-Titah Yang Berunsur Keagamaan (1967-1996), Brunei: Pusat Dakwah Islamiah. t.t.
10. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.
11. Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Bab 3 (1).
12. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 11/2009.
13. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. 30 Jamadilakhir 1435 / 30 April 2014.
14. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena majlis Ilmu 2013. 17 Zulhijjah 1434 / 22 Oktober 2013.
15. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Guru kali ke-22 bagi tahun 2012 pada 24 September 2012.
16. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidil Adha Tahun 1433H / 2012M.
17. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ketika Mesyuarat Khas Majlis Bencana Kebangsaan pada 12 Julai 2009.
18. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidil Adha pada 9 Zulhijjah 1428H / 19 Disember 2007.
19. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Nuzul al-Quran pada 22hb. Mac 1992.
20. Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Raya Aidilfitri pada 30 Disember 1967.
21. Warta Kerajaan Negara Brunei Darussalam Bil. S 45.

**BIODATA RINGKAS PENULIS**

**Dr Hj Norarfan bin Haji Zainal** berasal daripada Brunei. Beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Al-Azhar di peringkat Sarjana Muda dalam bidang Hadith. Beliau meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana di Universiti Al Al-Bayt Jordan dalam bidang Aqidah dan ke peringkat Ijazah Kedoktoran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dalam bidang Usuluddin dan Perbandingan Islam. Dr Hj Norarfan bin Haji Zainal merupakan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Usuluddin, UNISSA, Pensyarah di Jabatan Usuluddin IPIOSHOAS, UBD dan Pegawai Ugama, Bahagian Kawalan Aqidah, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.





# PERPADUAN ISLAM DALAM KONTEKS ASIA TENGGARA: PENGALAMAN KEMBOJA

*H.E. Mohamad Farid Hosen*

## Pengenalan

Penduduk Kemboja berjumlah 14,860,000 orang. Majoriti iaitu 90% orang Khmer beragama Buddha.



Muslim Kemboja berbangsa Melayu Champa merupakan 6% daripada jumlah penduduk. Umat Islam Kemboja kebanyakan berasal dari bangsa Cham terdiri pelbagai kumpulan; kebanyakan mereka turun dari Champa. Champa yang kini berpusat di selatan dan tengah Vietnam. Rakyatnya wujud dari abad ke 2 hingga ke abad 17. Mereka menukar agama daripada Hindu kepada Islam berlaku pada abad ke-15. Selepas kejatuhan kerajaan Champa pada tahun 1835 M orang Cham berhijrah beramai-ramai ke negara jirannya Kemboja yang diberi berlindung oleh Raja Kemboja dan orang melayu Champa sebahagiannya terpaksa berhijrah kali kedua ke negara-negara lain seperti Malaysia, Amerika, Perancis dan lain-lain selepas negara Kemboja berlaku peperangan saudara pada 1975-1979 yang di kuasai oleh Rejim POL POT yang telah mengorbankan nyawa lebih dari 3 juta rakyatnya dan umat Islam hampir 500 000 orang di bunuh oleh rejim Pol Pot. Masa itu umat Islam berjumlah hampir 800 000 orang.

Pada tahun 2015 terkini umat Islam di Kemboja berjumlah 700.000 orang terdiri dari 3 kumpulan:

1. Cham lima waktu (sembahyang 5 kali sehari) majoriti hampir 92%
2. Cham zahid (mereka sembahyang seminggu sekali sahaja iaitu sembahyang Jumaat sahaja dengan bacaan al-Fatihah yang



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

- kurang betul dan mempunyai kesalahan tajwid sekitar minoriti islam dalam 3%
3. Bangsa melayu javaa mereka berasal dari Indonesia mereka ini tidak boleh berbahasa Cham hanya berbahasa Khmer sahaja, mereka sembahyang lima waktu sama orang Cham jumlahnya mereka dalam 5%.

Umat Islam di Kemboja sekarang Kebanyakan mereka tertumpu di sepanjang sungai di enam wilayah di Kemboja seperti Kampong Cham, Kampot, Pursat, Battambang, Kandal, dan Kampong Chhnang. Kampong Cham adalah salah satu wilayah di mana kebanyakan umat Islam tinggal. Terdapat lebih dari 600 kampung di seluruh negara .

### Demografi Umat Islam Kemboja

6% dari populasi keseluruhan penduduk Kemboja yang terdiri daripada 90% Champa (antara 700,000 ke 800,000 orang) dan 10% minoriti lain. Penempatan di sekitar 7 Wilayah utama:

1. Kampong Cham
2. Tboundg Khmom
3. Kandal
4. Kampong Chhnang
5. Pursat
6. Battambang
7. Kampot, ada di tempat lain Cuma tidak ramai seperti kg kg di atas

Sektor pekerjaan:

1. Pertanian,
2. Pekerja bergaji,
3. Perniagaan,
4. Profesional (ada peta Negeri 7 wilayah atas)

### Pendidikan

Selepas merdeka pada tahun 1979, terdapat kira-kira 300 orang pelajar Islam lulus dari sekolah tinggi (gred 12), tetapi hanya 50% daripada mereka dapat melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi. Kegagalan disebabkan masalah kos sara hidup dan yuran pengajian. Apa yang pasti pendidikan tinggi di kalangan golongan muda Muslim bergantung kepada bantuan asing, pemberian, atau pinjaman pendidikan melalui NGO tempatan. Salah faham ibu bapa muda Islam yang menghentikan anak-anak mereka daripada mengakses kepada pendidikan umum (bahasa Khmer). Untuk remaja Islam, kebanyakan mereka tidak dapat menamatkan sekolah rendah kerana mereka perlu membantu keluarga untuk melakukan kerja-kerja di kebun dan sawah dan rumah. Tidak banyak pusat latihan vokasional Islam di Kemboja.





**Status & Realiti Semasa Umat Islam Kemboja**

Umat Islam Kemboja sekamin berpotensi untuk berkembang setelah kerajaan pusat mula menunjukkan kecenderungan positif dan keyakinan kepada umat Islam sejak tahun 1998 wakil masyarakat Islam mula di beri peluang untuk turut sama menyuarakan pendapat dan berada dalam saf kepimpinan peringkat kerajaan pusat:

Sekarang ramai juga umat Islam dalam saf politik dan kedudukan tinggi dalam kerajaan, seperti sekarang ada 2 menteri JPM dan timbalan kabinet PM timbalan menteri dan dalam tentera serta pernah jadi menteri pendidikan dan timbalan perdana menteri (TOL LOH) dan Alhamdulillah pada 28 September 2015 ini kerajaan telah melantik 1 orang bahu lagi sebagai Penasihat kementerian Agama dan kepercayaan kemboja pangkat *Under Secretary Of State* (YB. H.E. HOSEN MOHAMAD FARID).

**Daya Usaha Tempatan**

Wujud pelbagai badan NGO yang di pimpin oleh tokoh tokoh Islam yang telah mengembleng tenaga bersama masyarakat setempat untuk memajukan umat Islam Kemboja

**Daya Usaha Luar**

Pelbagai pihak dari luar telah menghulurkan bantuan kepada umat Islam Kemboja menerusi kaedah dan saluran masing-masing kepada sasaran dipilih


**Pengalaman Bidang Kerjasama Dengan Malaysia**

- CMIA ada dalah sebuah NGO Islam pertama gabungan intelek Muslim Kemboja yang dapat kelulusan dari University di Malaysia dan Negara telah di tubuh pada 8 Ogos 2005.
- Pada tahun 2007 dapat sokongan dari pada GPM– ABIM Malaysia
- Pada tahun 2009 dapat kerjasama dengan PKPU, JAKIM dan GPM menubuhkan program kurban dan sokong penuh dari JAKIM di bawah Ketua pengarah Dato’ Haji Wan Mohamad Bin Dato’ Shiek Abdul Aziz.
- 2010 – 2012 dengan kerjasama PKPU-JAKIM berjaya menubuhkan skim wakaf kebun getah atas Nasihat Dato’ Wan Mohamad Bin Dato’ Shiek Abdul Aziz Bagi masa panjang untuk pendidikan Islam di Kemboja dan telah membeli kebun getah 6 hektar dan 10 Hettar tanah untuk bina UNIVERSITY ISLAM yang sedang di usaha bersama ISF – OIC.

YB Menteri ketika menyampaikan Ucapan Amanat bagi Tahun 2010.



Turut dimeterai perjanjian persefahaman di antara PKPU dan CMIA.





## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

- 2012–2014 CMIA telah menubuhkan skim wakaf tanah (CMIA WAKAF EDUCATION COMPLEX) telah berjaya membeli sebidang tanah 3,000 M2 di PHNOM PENH untuk CMIA Pendidikan Campus



- 2015 Alhamdulillah, atas usaha team CMIA telah menjayakan 2 sekolah satunya di Phnom Penh di namakan AL-RAHMAN INTERNATIONAL SCHOOL 10 bilik 2 tingkat yang bahru sahaja di rasmikan oleh YB H.E. HUN MANET wakil kepada Perdana Menteri Kemboja Sombdach HUN SEN.



- Kedua di Negeri Tboung Khmom jauh dari Phnom Penh 160 KM (AL-RAHMAN INSTITUTE)



- Rancangan masa depan menubuh sebuah universiti pertama di Kemboja, Inshaallah.

Di Kemboja terdapat dua majlis:

- 1- Majlis tertinggi untuk urusan Islam Kemboja
- 2- Majlis Islam pembangunan Islam Kemboja (ICDC) yang kami tubuhkan sebagai agenda perpaduan umat Islam Kemboja melalui cantum tenaga NGO-NGO Islam Kemboja di bawah penuangan ICDC, Inshaa Allah



**BIODATA RINGKAS PENULIS**

**H.E. Ustaz Mohamad Farid Hosen** berasal daripada Kg. Thom, Kemboja. Beliau merupakan lepasan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Terengganu sebelum melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Madinah Arab Saudi dan memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Al-Quran dan Pengajian Islam. Ustaz Mohamad Farid Hosen merupakan Penasihat kepada Kementerian Keagamaan Kemboja dan Pengerusi Persatuan Cambodian Muslim Intellectual Alliance (CMIA). Beliau juga adalah pengasas Majlis Islam Pembangunan Kemboja dan pernah menjadi Imam di Amerika Syarikat di Masjid An-Nur Santa Ana Orange di California pada tahun 2005.





## PERPADUAN UMMAH DAN KEPENTINGANNYA DARI PERSPEKTIF ULAMA

S.S. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani Hj. Zakaria

### Pendahuluan

Rasulullah SAW merupakan Rasul yang terakhir diutuskan untuk seluruh umat manusia. Perbezaan yang ketara antara Baginda berbanding Rasul-rasul terdahulu ialah batasan umat atau kaum yang menerima wahyu berkenaan. Sedangkan, perutusan Baginda adalah tanpa mengira apa-apa jenis kaum atau bangsa termasuk juga ras, bahasa mahupun warna kulit. Justeru, alat utama yang boleh menghubungkan silaturahmi antara mereka adalah akidah Islam yang sahih lagi syumul. Justeru, generasi salafussoleh merupakan contoh umat ikutan yang terbaik kerana bukan sahaja dinilai dari sudut keilmuan serta kefahaman yang mendalam mengenai urusan agama dan kehidupan namun aspek perpaduan yang unggul telah mencuri perhatian golongan bukan Islam pada masa itu untuk mencungkil petua mahupun rahsia yang ada pada mereka. Sungguhpun begitu, pertumbuhan ideologi yang terdapat pada masa kini bukanlah dianggap sebagai satu perkara baru malah ia telah berkembang semenjak zaman sahabat lagi.

Bermula semenjak enam tahun yang terakhir pemerintahan Sayidina Uthman bin Affan r.a, telah timbul suara-suara yang tidak enak didengari mengenai pemerintahannya. Bermula dengan tuduhan daripada satu pihak yang menyatakan bahawa pucuk pimpinan beliau hanya berlegar di kalangan anggota keluarganya sahaja serta yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya hinggalah tercetus pula pandangan asing yang menyatakan bahawa kononnya hak pemerintahan kekhalifahan sebenar hanyalah di tangan keluarga Rasulullah SAW iaitu Sayidina Ali r.a. Sungguhpun begitu, hal ini tidak terhenti begitu sahaja malahan timbul pula ideologi-ideologi lain sama ada yang dicetuskan oleh umat Islam sendiri mahupun daripada pemikiran bukan Islam khususnya pihak Barat dan ia berlarutan sehinggalah ke era moden pada hari ini. Sehubungan dengan itu, kertas kerja yang dihasilkan ini akan cuba menjelaskan kewajipan ulama sebagai agen pemersatu umat Islam.

### Perpaduan Adalah Satu Kefardhuan

Hakikatnya, Islam ialah agama kesatuan dan amat menitikberatkan aspek perpaduan di kalangan umatnya. Perpaduan yang diutamakan ialah yang meliputi pelbagai aspek kecuali pada perkara yang dilarang dan ditegah oleh Syariat. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣﴾



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehinggalah kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah) lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.

(Surah Ali 'Imran 3: 103)

Manusia di sisi Allah hanyalah berasal dari jiwa yang satu iaitu Nabi Adam a.s lalu berpasangan seterusnya berkembang biak menjadi ramai hinggalah dikenali melalui bangsa, warna kulit dan bahasa yang berbeza. Dengan itu, mereka akan mengetahui hakikat sebenar akan Pencipta mereka dan seterusnya tujuan mereka diciptakan. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Wahai sekalian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa) dan juga yang membiakkan dari keduanya – zuriat keturunan – lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.

(Surah al-Nisa' 4: 1)

Kepelbagaian bangsa dan suku juga turut diakui kewujudannya oleh Allah SWT. Namun, ia bukanlah satu bentuk pemisahan dalam kerangka hubungan antara manusia malah lebih dari itu ialah bertujuan bagi memupuk semangat muhibah sesama mereka dalam membangunkan kehidupan manusia itu sendiri. Hal ini telah ditegaskan oleh Allah SWT yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat 49: 13)



Seorang mukmin itu dikira sebagai saudaranya yang lain selama mana ia masih beriman kepada Allah SWT tanpa mengira keturunan, warna kulit mahupun bahasa. Allah SWT telah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

(Surah al-Hujurat 49: 10)

Hal ini juga turut ditegaskan dalam sabda Rasulullah s.a.w:

المسلم من سلم المسلمون من لسانه ويده

Orang Islam itu ialah yang menyelamatkan saudaranya (sesama Islam) daripada kejahatan lidahnya dan tangannya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam gambaran yang lain, Rasulullah SAW telah mengumpamakan orang beriman sebagai satu binaan yang kukuh yang saling lengkap melengkapi antara sesama mereka. Sabda Baginda:

المؤمن للمؤمن كالبنيان يشد بعضه بعضا

Orang Mukmin terhadap orang Mukmin seumpama sebuah binaan, saling berpadu antara satu sama lain.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

### Perpecahan Adalah Dilarang Dalam Islam

Perselisihan umat Islam jika sekiranya tidak dikawal dengan baik akan mengakibatkan malapetaka besar yang bakal menimpa seperti perpecahan, persengketaan, peperangan dan sebagainya. Hal ini amat dilarang dalam Islam. Firman Allah SWT:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesulitan dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

(Surah al-Anfal 8: 46)

Sehubungan dengan itu, Allah SWT telah mengingatkan sekiranya berlaku sebarang bentuk perselisihan maka hendaklah kembali merujuk kepada al-Quran dan al-Sunah seperti mana yang termaktub dalam firman-Nya:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَى الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Kemudian jika kamu berbantah-bantahan (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah al-Nisa' 4: 59)

Semangat perkauman atau disebut sebagai *asabiyyah* adalah suatu perkara yang boleh mendorong ke arah perpecahan umat. Perkara ini telah pun berlaku sejak zaman Jahiliyyah iaitu sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai Rasul. Seorang sahabat telah bertanya hal ini dalam sebuah hadis:

عَنْ عَبْدِ بْنِ كَثِيرٍ الْفِلَسْطِينِيِّ ، عَنْ امْرَأَةٍ يُقَالُ لَهَا : فَسَيْلُهُ ، عَنْ أَبِيهَا ، قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَمِنَ الْعَصَبِيَّةَ أَنْ يُحِبَّ الرَّجُلُ قَوْمَهُ قَالَ لَا وَلَكِنَّ الْعَصَبِيَّةَ إِذَا أَعَانَ قَوْمَهُ عَلَى الظُّلْمِ

Dari Abbad bin Kathir al-Syami dari Istri mereka dikatakan kepada Fusailaah, dia berkata aku mendengar ayahku berkata, aku bertanya Nabi SAW, Wahai Rasulullah, adakah tergolong sebagai *asabiyyah* jika seseorang mencintai kaumnya. Baginda bersabda, tidak, tetapi yang dikatakan *asabiyyah* jika seseorang menolong kaumnya pada perkara zalim.

(Riwayat Ahmad)

Dalam hadis yang lain pula, Rasulullah SAW telah mengingatkan:

عَنْ جُنْدُبِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْبَجَلِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ قُتِلَ تَحْتَ رَايَةٍ عَمِيَّةٍ يَدْعُو عَصَبِيَّةً أَوْ يَنْصُرُ عَصَبِيَّةً فَغَتَلَتْ جَاهِلِيَّةً

Daripada Jundub bin Abdullah al-Bajalli katanya, Rasulullah SAW telah bersabda: Sesiapa yang mati secara melulu (kemunafikan) yang menyeru ke arah *asabiyyah* atau menyokongnya maka kematiannya dalam *jahiliyyah*.

(Riwayat Muslim)

### Faktor-faktor Perpecahan

#### 1) Kurang ilmu dan kurang menyelidik

Golongan masyarakat yang bersifat dangkal dari sudut keilmuan dan kefahaman lebih mudah terjerumus ke dalam kancah perpecahan. Kadang kala, sesuatu perkhbaran yang disampaikan tidak diselidiki dengan mendalam serta cermat akan hanya menerimanya sahaja secara pukal dan timbullah pula isu lain seperti menegakkan „benang basah“, salah faham dan sebagainya. Sedangkan al-Quran menuntut kita agar membaca dan membuat penyelidikan terlebih dahulu terhadap segala perkhbaran yang diterima. Hal ini telah diterangkan dalam firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِمِجْهَلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦١﴾

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seseorang fasik



membawa sesuatu berita maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) – sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

(Surah al-Hujurat 49: 6)

## **2) Semangat perkauman yang berlebihan**

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, *asabiyyah* jika difahami dalam konteks yang sebenar ia bukanlah satu perkara yang dianggap salah malah dibenarkan jika sekiranya ia membawa manfaat terhadap golongan berkenaan. Namun, jika terdapat sebahagian daripada kumpulan berkenaan yang melakukan kesilapan maka seharusnya ia diperbetulkan dan bukannya membela mereka dengan menyalahkan pihak lain yang menegurnya atau mengambil tindakan yang sewenang-wenangnya terhadap mereka.

## **3) Tidak berpegang sepenuhnya terhadap ajaran agama**

Agama Islam khususnya sangat menitikberatkan sifat berkasih sayang kerana secara hakikatnya umat Islam itu adalah bersaudara. Sekiranya ajaran agama Islam itu hanyalah dihayati mengikut keperluan atau pada situasi yang bersifat ritual semata-mata mana mungkin bagi umat Islam dapat memahami keperluan untuk bersatu terutama dalam keadaan yang bersifat terdesak. Dalam hal ini Rasulullah SAW telah menegaskan dalam sebuah hadis yang bermaksud:

Daripada Nu"man bin Basyir katanya, Rasulullah SAW telah bersabda: Perumpamaan orang-orang Mukmin yang saling berkasih sayang dan bersimpati seperti anggota jasad. Apabila sebahagiannya mendapat sakit maka anggota yang lain turut merasainya juga.

(Riwayat Muslim)

## **4) Kurangnya pemimpin yang berkaliber**

Pemimpin yang hanya menduduki kuasa untuk matlamat tertentu tanpa memikirkan hasrat penyatuan umat akan menyebabkan negara dalam keadaan bergolak serta berlaku pula penindasan di kalangan mereka. Sebagai contoh, negara Syria yang pemimpinnya hanya membiarkan rakyatnya mati ditindas oleh anggota keselamatan negara dengan alasan berlainan ideologi akidah. Oleh itu, pemimpin yang hanya berfikir untuk kekal berkuasa atau sentiasa memikirkan cara untuk merebut kuasa dengan apa-apa cara sekalipun walaupun boleh memecahbelahkan umat sangat berbahaya kepada perpaduan umat.

## **Al-Azhar Membawa Manhaj 'al-Wasatiyyah'**

Universiti al-Azhar yang merupakan universiti tertua di dunia telah memperkenalkan sistem pengajian kurikulum yang bersifat tradisi serta bebas daripada sebarang pengaruh. Graduan al-Azhar juga turut didedahkan dengan sistem pembelajaran yang bersifat menyeluruh agar mereka memperoleh sejumlah maklumat yang mencukupi dalam mendepani arus ideologi yang kian berkembang serta tidak terus bersifat menghukum berbanding sesetengah institusi tertentu yang berfahaman sedemikian.



Sebagai contoh, apabila mempelajari mata pelajaran berkenaan Ayat al-Ahkam atau Hadis al-Ahkam maka diterapkan nilai kesedaran bahawa Allah SWT telah mencipta manusia untuk saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Di samping itu, pembudayaan ilmu berkembang subur dengan bersikap terbuka dalam menerima kepelbagaian pandangan serta tidak wujud di sana fahaman yang bersifat eksterim atau jumud.

Justeru, dapat difahami bahawa kesatuan umat melalui para pelajar di al-Azhar adalah dibentuk melalui sistem kurikulum yang bersepadu yang merangkumkan antara ilmu aqli dan naqli. Dengan ini, para pelajar dapat memperoleh fikrah Islami yang lebih meluas serta jati diri yang kukuh dalam membentuk nilai-nilai wasatiyyah dalam diri mereka.

Sheikh Mahmud Shaltut, Sheikh al-Azhar telah memberikan gambaran berkenaan keadaan umat Islam di seluruh dunia dalam kitab tafsirnya berjudul "*Min Tafsir al-Quran al-Karim*" iaitu dua golongan: "*ifrat*" dan "*tafrit*". Ia dapat diperhatikan dalam segenap sudut sama ada dalam akidah, akhlak, perhubungan manusia dengan kehidupan, perhubungan individu dengan masyarakat, perhubungan antarabangsa dan sebagainya. Justeru, kedatangan Islam adalah bagi memperkenalkan manhaj pertengahan dalam semua perkara bagi menjamin kebaikan dan kemaslahatan umat manusia. Syariat Islam telah memperkenalkan prinsip kesederhanaan, pertengahan dan keseimbangan tanpa adanya unsur-unsur ekstrem.<sup>1</sup>

### Pandangan Ulama Berkenaan Perpaduan Umat

Terdapat beberapa sudut pandangan yang dikemukakan oleh para ulama berkenaan isu perpaduan umat. Sewajarnya, ia perlu diteliti agar beroleh manfaat demi merealisasikan hasrat pemantapan ukhuwah di bawah panji Islam:

i. Al-Farabi telah menjelaskan bahawa masyarakat madani tergolong dalam dua kategori iaitu masyarakat madani tahap rendah dan masyarakat madani tahap tinggi. Dalam kategori pertama, ia terdiri daripada anggota masyarakat yang saling bekerjasama tetapi dalam konteks untuk mengaut keuntungan peribadi seperti perniagaan dan bersifat materialistik. Manakala kategori kedua pula merupakan anggota masyarakat yang akan bekerjasama untuk membina tamadun luhur melalui pencarian kebenaran, mencapai kebahagiaan bersama, memupuk kecintaan terhadap ilmu dan memakmurkan masyarakat dengan perkara-perkara mulia.<sup>2</sup>

ii. Sheikh Abdul Latif Farfur, seorang ulama dari Damsyik telah menyatakan:

"Pada masa ini, umat Islam perlu mengambil pendekatan yang sederhana melebihi dari segala-galanya dalam urusan kehidupan. Kemakmuran dan kelangsungan hidup tidak akan tercapai kecuali dengan bersatu-padu. Malah, perpaduan ini juga tidak akan tercapai melainkan dengan kaedah wasatiyyah (kesederhanaan) dengan meletakkannya di tempat yang utama."<sup>3</sup>

---

1 Md. Zin, Abdullah. *Pendekatan Wasatiyyah Peneraju Kepimpinan Islam di Malaysia dalam Fiqh Mentaati Pemimpin*. Shah Alam: Persatuan Generasi Bestari. m.s. 148.

2 Omar, Abdul Majid. 2009. "Pembentukan Masyarakat Madani Dalam Konteks Berbilang Kaum". Kertas kerja dalam *Wacana Ilmu: Perumahan dan Komuniti dari Perspektif Islam 200*. IUM Entrepreneurship & Consultancies Sdn. Bhd., Kuliyyah Senibina & Rekabentuk Alam Sekitar, UIAM. 5 Mac 2009. m.s. 173.

3 *New Straits Times*. November 24, 2015:15 "Reclaiming the middle way."





iii. Sheikh Muhammad Abu Zahrah telah berkata:

“Sesungguhnya perpecahan (berpuak-puak) di kalangan umat Islam telah menjejaskan urusan mereka. Lalu menjadikan keadaan mereka itu sebagai gambaran terhadap ajaran Islam (dari sudut pandangan orang lain) serta prinsip-prinsipnya. Sehingga musuh-musuh Islam pernah berkata: Kalaulah agama Islam itu agama yang baik, nescayalah tidaklah umatnya dalam keadaan seperti ini yang tidak seimbang serta kegawatan dan jauh daripada faktor-faktor ke arah kekuatan.”<sup>4</sup>

### Ulama: Arus Ketiga Yang Mendamaikan

Di dalam kitab Tafsir al-Azhar,<sup>5</sup> HAMKA telah menghuraikan tafsiran berkenaan ayat al-Quran:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ اقْتَتَلُوا فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَت إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللَّهِ فَإِنْ فَاءَتْ فَأَصْلِحُوا بَيْنَهُمَا بِالْعَدْلِ وَأَقْسِطُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٩﴾

Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah) serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Surah al-Hujurat 49: 9)

Dalam situasi perbalahan antara dua pihak, Allah SWT telah memerintahkan orang-orang yang beriman yang mempunyai nilai kesedaran dan tanggungjawab serta atas nama ukhuwah atau persaudaraan agar segera mencari jalan perdamaian antara kedua-dua pihak terbabit. Kadang kala, perbalahan yang timbul akibat salah faham semata-mata. Oleh itu, sekiranya kedua-dua belah pihak bersetuju mencari perdamaian sesama mereka maka tidak perlu lagi meminta bantuan pihak ketiga sebagai orang tengah dan itulah yang sebaiknya.

Jika sekiranya kedua-dua belah pihak enggan untuk berdamai atau sebelah pihak saja yang mahu berdamai, maka perlulah diselidiki atas alasan apa mereka tidak mahu berdamai atau terus berbalah. Dalam ayat ini, dinyatakan bahawa orang menganiayai itu sebagai *baghat* (بَغَتْ) maka wajib diperangi sehinggalah ia kalah dan tunduk ke arah kebenaran. Setelah itu, dinilai semula dengan teliti serta mencari jalan ke arah perdamaian secara adil. Mana-mana perkara yang salah mesti disanggah dan mana-mana perkara yang benar mesti diakui. Semua ini perlu diserahkan kepada Allah melalui tawakal. Perlu diketahui bahawa orang yang bertanggungjawab dalam mendamaikan antara kedua-dua belah pihak mestilah tidak menyebelahi mana-mana pihak serta tidak mempunyai kepentingan tertentu, arif dan peka terhadap kesalahan dan kelemahan yang terdapat antara kedua-duanya dengan tidak menyatakan bahawa yang salah hanyalah satu pihak

4 Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Al-Wahdah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ra'‘id al-‘Arabiyy. m.s. 5 - 6.

5 Amrullah, Abdul Malik bin Abdul Karim. 1993. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jil. 9. m.s. 6821 - 6823.



shaja. Seterusnya, berani dalam menyatakan hakikat kebenaran sebenar di antara mereka tanpa perlu rasa gentar terhadap sebarang ugutan mahupun ancaman.

Dalam konteks realiti semasa, pihak yang dilihat selayaknya dalam menyelesaikan masalah umat Islam yang sedang bertelagah pada hari ini ialah golongan ulama. Hal ini kerana golongan ulama yang terkenal dengan gelaran „pewaris para Nabi“ adalah berwibawa dalam mengemukakan pandangan dan nasihat terhadap umat Islam dalam menghadapi kemelut yang sedang melanda ini. Amatlah dilihat bersesuaian dengan ketinggian ilmu yang dimiliki diikuti dengan kefahaman yang meluas serta mendalam mendorong umat Islam untuk mencontohi keperibadian mereka serta mengambil faedah dari pandangan bernas yang dikemukakan.

Selain itu, golongan ulama juga dikenali sebagai pakar rujuk dalam masalah yang melibatkan hukum-hakam. Justeru, ulama pada masa kini perlulah bersifat peka dan ambil peduli terhadap permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Selain dengan kuasa lisan sebagai pemberi nasihat, perlu juga golongan ulama mengemukakan pandangan mereka melalui pena tulisan yang boleh ditatap untuk santapan rujukan demi masa-masa yang mendatang. Umat Islam tidak boleh dibiarkan sama sekali dalam keadaan terawang-awang ibarat sabut di tengah lautan.

Maka sayugialah kiranya bagi kita untuk meneliti dan memahami dengan lebih mendalam akan titah DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dalam majlis perasmian buku tulisan Prof Dr Mohammad Hashim Kamali yang berjudul *“The Middle Path of Moderation in Islam”*:

“Al-Quran telah menetapkan bahawa umat Islam merupakan umat pertengahan atau disebut sebagai ummatan wasatan yang mana para ulama diertikan sebagai golongan yang adil dan seimbang (tidak berkepentingan). Ia mengingatkan kita agar meneruskan kesinambungan kehidupan sehinggalah ke destinasiya iaitu makam kita. Sebagai seorang Islam, perlulah menjadi duta dan saksi terhadap sekalian manusia agar Junjungan kita Nabi Muhammad SAW akan menjadi saksi pula terhadap kita di Akhirat kelak kerana telah menjadi umat yang terbaik yang telah diciptakan oleh Allah SWT.”<sup>6</sup>

### Peranan Ulama

Melihat realiti yang berlaku di tanah air, kita mendapati banyak faktor yang menyumbang kepada perpecahan umat tetapi kita terpaksa mengakui bahawa antara faktor terbesar adalah perpecahan politik kepartian. Sebenarnya faktor ini jugalah yang menyumbang kepada perpecahan umat sejak dahulu lagi. Al-Syahrastani dalam *al-Milal wa al-Nihal* menaqlikan: “Perpecahan terbesar antara umat adalah perpecahan mengenai imamah (kepimpinan), kerana tidak pernah pedang terhunus dalam Islam atas alasan agama sebagaimana ia sering dihunus kerana imamah pada setiap zaman”.<sup>7</sup>

Para Ulama khususnya al-Azhariyyun mempunyai peranan yang signifikan dan penting untuk menjadi arus ketiga yang akan mendamaikan dan mengharmonikan pihak-pihak yang bertentangan dalam arus politik Negara.

6 *New Straits Times*. November 24, 2015:15 “Reclaiming the middle way.”

7 Al-Syahrastaniyy, Muhammad bin „Abd al-Karim. 1992. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah. m.s. 13.



Berikut adalah beberapa cadangan saya :

1. Golongan ulama terutamanya al-Azhariyyun mestilah menjadi pemangkin dan berada di tempat yang tinggi dan paling di dengari untuk mengembalikan masyarakat kepada landasan al Quran dan al Sunnah.
2. Golongan ulama yang sedang berada dalam barisan kepimpinan politik dan organisasi wajib meletakkan dan tegas mempertahankan perjuangan mereka mestilah sampai kepada maksud memenangkan agama Allah di bumi Malaysia ini.
3. Ulama bukan sekadar mengajak manusia patuh kepada ibadah ritual sahaja tetapi sangat kaku dalam menjaga hubungan sesama Muslim bahkan ulama wajib tahu musuh sebenar umat ini dan sentiasa mengingatkan mereka siapakah musuh yang sebenarnya. Musuhlah yang wajib diperangi bukannya sesama Islam dianggap sebagai musuh.
4. Ulama mesti istiqamah membina perpaduan umat. Semoga kita dilindungi oleh Allah daripada termasuk golongan yang rajin mencarikan dalil-dalil sebagai dalih daripada membentuk perpaduan sesama Islam sebagaimana kita juga berlindung dengan Allah daripada kelompok ulama yang mengecualikan diri dari usaha-usaha mendamaikan umat Islam yang bertelagah apatah lagi menjadi batu api ayang akan menyemarakkan pertelagahan sedia ada.
5. Ulama tempatan sepatutnya lebih merasa bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada masyarakat setempat berkenaan isu-isu setempat sebelum masyarakat lebih suka merujuk kepada ulama-ulama luar kerana realitinya ulama tempatan lebih mengetahui latar belakang isu yang berlaku.
6. Para ulama wajib beradab sesama para ulama kerana pertelingkahan, kata mengata, cerca mencerca sesama ulama akan menghilangkan rasa hormat masyarakat kepada ulama.

## Penutup

Perpaduan umat Islam di Negara ini adalah harta yang paling mahal untuk menjaga kelangsungan Islam terus bertapak di Malaysia. Umat Islam sudah kehilangan penguasaan dalam bidang ekonomi dan yang tinggal berbaki adalah kekuasaan politik. Ulama sepatutnya menjadi pengawal yang menjaga sempadansempadan agar umat Islam tidak terkeluar dari daerah perpaduan kerana umat Islam wajib mengekalkan “syaukah” di Negara ini agar Islam terus terpelihara.

## Rujukan

### ***Al-Quran al-Karim***

Basmeih, Abdullah. t.t. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: DarulFikir.

Amrullah, Abdul Malik bin Abdul Karim. 1993. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jil. 9.

### ***Hadis***

Al-Ju,fiyy al-Bukhariyy, Muhammad bin Isma,il. t.t. *Sahih al-Bukhariyy*. Damsyiq: Dar Ibnu Kathir.

Al-Naysaburiyy al-Qusyayriyy, Muslim bin al-Hajjaj. 2003. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.

Hanbal, Ahmad. 1998. *Musnad al-Imam al-Hafiz Abi 'Abd Allah Ahmad ibn Hanbal rahimahullah*.

Saudi Arabia: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.



### **Kertas Kerja**

Omar, Abdul Majid. 2009. "Pembentukan Masyarakat Madani Dalam Konteks Berbilang Kaum". Kertas kerja dalam Wacana Ilmu: Perumahan dan Komuniti dari Perspektif Islam 200. IIUM Entrepreneurship & Consultancies Sdn. Bhd., Kuliyyah Senibina & Rekabentuk Alam Sekitar, UIAM. 5 Mac 2009.

### **Akhbar**

*New Straits Times*. November 24, 2015: "Reclaiming the middle way."

### **Buku-buku**

\_\_\_\_\_. 2012. *Bicara Islam Kontemporari*. Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor.  
Abu Zahrah, Muhammad. t.t. *Al-Wahdah al-Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ra'id al-'Arabiyy.  
Al-Syahrustaniyy, Muhammad bin „Abd al-Karim. 1992. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.  
Mohd Yusof Din et al. 2013. *Fiqh Mentaati Pemimpin*. Shah Alam: Persatuan Generasi Bestari.

### **Perisian**

Al-Maktabah al-Syamilah. Versi 3.5.

## **BIODATA RINGKAS PENULIS**

**Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani** berasal daripada Parit buntar, Perak Darul Ridzuan. Beliau memperolehi Diploma Pendidikan dan Sijil Tertinggi di Kolej Islam Malaya, Klang Selangor. Beliau juga menjalani Kursus Pendedahan di Muslim College of London, United Kingdom pada tahun 1989. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani merupakan Mufti Perak di Jabatan Mufti Negeri Perak. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Kadi Besar, Jabatan Agama Pulau Pinang (1973-1985), Pensyarah Sambilan di Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang (1970-1984) dan di Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang (1968-1978). Beliau merupakan penerima Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan pada tahun 2008.



## PERPADUAN DAN KEPENTINGANNYA DARI PERSPEKTIF ULAMA

Dato' Dr. Mahfodz Mohamed

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا  
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَىٰ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ  
خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Wahai umat manusia sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku/puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu disisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya diantara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi amat mendalam pengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

(Surah al-Hujurat 49: 13)

### Pendahuluan

Islam adalah sebuah agama yang menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Kesejahteraan hidup ini pastinya sukar untuk dicapai tanpa adanya perasaan kasih sayang dan persaudaraan yang teguh dalam diri setiap individu yang menganggotai sesebuah masyarakat. Oleh itu, Islam sentiasa membimbing dan menunjuk jalan bagi memastikan wujudnya nilai kasih sayang dan perpaduan kepada umatnya melalui nilai-nilai Islam yang terpancar dari pengamalan agama Islam yang bersifat tauhid sama ada yang bersifat ibadah *khususiyyah* mahupun yang bersifat ibadah *'umumiyyah*.

Di antara seruan perpaduan yang memperingatkan manusia daripada awal agar mereka sentiasa menyedari akan hakikat asal-usul mereka dari bapa dan ibu yang satu, ialah firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ  
مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي  
تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Wahai manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam) dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya – Hawa), dan yang membiakkan dari kedua-duanya zuriat lelaki dan perempuan yang ramai.

(Surah al-Nisa' 4: 1)



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

Di samping itu, Islam mengingatkan kepada manusia bahawa mereka sebenarnya berasal dari satu keturunan sahaja, maka sepatutnya masing-masing tidak merasa sombong dan angkuh terhadap yang lain sekalipun mereka berlainan warna kulit dan bahasa pertuturan. Menurut Islam, yang mulia di sisi Allah itu ialah yang lebih taqwanya. Allah berfirman:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَمُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya).

(Surah al-Hujurat 49: 13)

Sesungguhnya keharmonian dan keamanan hidup bermasyarakat dan bernegara ini adalah salah satu nikmat Allah yang sangat besar yang dikurniakan kepada manusia. Hakikat ini nyata telah terbukti sama ada di zaman lampau mahupun zaman kini. Sesiapa saja yang tinggal dalam sebuah negara yang aman dan bersatu padu pasti dapat berusaha membangunkan kemajuan negaranya dan dapat hidup sejahtera. Sebaliknya mereka yang tinggal di negara yang kacau bilau, berperang dan berbunuhan, ternyata mereka hidup sengsara, kelaparan dan keperitan. Dalam hubungan ini Allah SWT berfirman:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٠﴾

Dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan (semasa jahiliah dahulu) lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatupadu dengan nikmat Islam) maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara.'

(Surah Ali 'Imran 3: 103)

### Definisi Perpaduan

Perpaduan menurut Kamus Dewan ialah penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan dan perihal berpadu iaitu bergabung menjadi satu, sepakat dan sebagainya.

Justeru, perpaduan atau solidariti ini bolehlah didefinisikan sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk satu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan bangga sama ada terhadap agama, bangsa mahupun negara.

Maka dalam konteks Islam, perpaduan adalah satu penyatuan tenaga, fikiran, jiwa, cita-cita/matlamat dan pengorbanan dalam satu ikatan yang bersepadu dan kuat berteraskan *Aqidah Islamiyyah*.

### Kepentingan Perpaduan

Perpaduan di dalam Islam mula berputik dengan terbinanya persaudaraan/ukhuwwah melalui jalinan hati dan ruh yang diikat dengan ikatan aqidah islamiyyah. Sesungguhnya ikatan aqidah islamiyyah adalah ikatan yang paling kuat dan kukuh



berbanding dengan apa-apa ikatan dan hubungan menurut perspekif Islam.

Di antara perintah Allah swt yang menuntut umatNya agar sentiasa bersatu padu dan menjauhi sebarang bentuk perpecahan yang melemahkan kesatuan umat Islam adalah seperti firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً  
فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ  
فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٣﴾

Dan berpegang teguhlah kamu semua kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk.”

(Surah Ali Imran 3: 103)

Selain daripada itu, menurut ajaran Islam, perpaduan yang terbina di dalam sesebuah masyarakat akan menjadi lebih kukuh apabila kepimpinan yang diangkat sentiasa menjunjung Islam sebagai asas kepimpinan seterusnya meletakkan al-quran dan as-sunnah sebagai rujukan utama jika berlaku sebarang kekhilafan, sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي  
شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ  
تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada ulil amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam suatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah dan (sunnah) RasulNya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

(Surah al-Nisa' 4: 59)

Di dalam sebuah hadis, Rasulullah saw pernah bersabda yang bermaksud :

“Seorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain ibarat sebuah bangunan yang saling menguatkan antara satu sama lain.” (Riwayat Bukhari & Muslim)

Merujuk kepada Sirah Nabawiyah juga, jelas memperlihatkan kepada kita bahawa usaha pertama Baginda Rasulullah saw untuk membina masyarakat di Madinah, ialah dengan mendirikan masjid sebagai asas perpaduan. Seterusnya Baginda mempersatukan dua golongan yang telah beratus tahun bermusuhan sesama sendiri iaitu golongan Aus dan Khazraj, lalu dikenali golongan ini sebagai Ansar. Seterusnya Baginda mempersatukan golongan yang datang daripada mekah yang diberi nama golongan Muhajirin. Hasilnya,



## PERPADUAN UMMAH MERENTASI IDEOLOGI

terbentuklah satu masyarakat yang bersatu padu yang disatukan dengan ikataan ukhuwwah Islamiyyah bercirikan kehendak Allah dan RasulNya sebagaimana firmanNya:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu bersaudara maka perbaiklah diantara saudara kamu.

(Surah al-Hujurat 49: 10)

Islam adalah agama yang mendapat keredhaan Allah dan penuh dengan hikmah dan keberkatan. Sebagai contoh, perasaan bukanlah sesuatu yang boleh ditukar atau dibeli semata-mata dengan wang ringgit dan harta kekayaan. Namun apabila hati manusia tersebut diikat dengan Islam dan iman, ia akan tertambat dan berpaut menjadi satu. Ini merupakan kurniaan yang besar daripada Allah kepada hambanya yang beriman sahaja.

Inilah kayu ukur perpaduan yang dilayangkan Islam. Perpaduan tidak diukur semata-mata berpandukan kepada bilangan individu yang terkumpul secara fizikal, juga bukan diukur pada jumlah harta dan wang ringgit yang terkumpul secara material; akan tetapi perpaduan di dalam Islam diukur dengan kesatuan hati dan pemikiran. Sesungguhnya inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah SWT:

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ لَوْ أَنْفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Dan (Dialah) yang menyatupadukan (perasaan) hati mereka (yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua harta kekayaan yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat menyatupadukan diantara (perasaan) hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatupadukan diantara (perasaan) hati mereka. Sesungguhnya Dia maha perkasa lagi maha bijaksana.

(Surah al-Anfal 8: 63)

Dalam konteks masyarakat melayu juga, kita biasa mendengar peribahasa yang berbunyi, "Bersatu teguh, Bercerai roboh" dan "Bulat air kerana pembedung, bulat manusia kerana muafakat" yang merupakan diantara ungkapan-ungkapan yang menyeru ke arah perpaduan di dalam masyarakat. Dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, Agama dan budaya, maka perpaduan yang dikehendaki bukan sahaja antara sesama Muslim tetapi merentasi sempadan ideologi dan kaum. Sebab itu nabi Muhammad s.a.w melarang umatnya untuk bersatu atas dasar perkauman sebagaimana sabdanya:

“ليس منا من دعى الى عصبية”

Bukan dari golongan kami orang yang menyeru kepada asobiyah/perkauman sempit.

Maka dengan penerangan dan tuntutan daripada ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w serta pepatah Melayu tersebut, faham dan jelaslah kepada kita bahawa perpaduan adalah termasuk dalam urusan agama dan amat dituntut di dalam Islam dan masyarakat melayu itu sendiri, manakala sifat yang suka kepada permusuhan dan perbalahan sesama Islam akan menjadikan umat Islam lemah semangat dan hilang kekuatan.





وَاطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنْزِعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَأَصِيرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasulNya dan jangan kamu berbantah-bantah kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati). Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

(Surah al-Anfal 8: 46)

### Cabaran Perpaduan

Manusia yang memusuhi perpaduan adalah mereka yang telah termasuk ke dalam perangkap syaitan dan kunci-kuncunya. Perasaan dendam dan taksub yang tidak mengira tempat menjerumuskan seseorang ke kancah permusuhan dan perpecahan. Musuh-musuh Islam samaada yang boleh dilihat ataupun yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar, amat suka jika umat Islam berpecah-belah dan bercakaran sesama sendiri. Ini adalah selari sebagaimana firman Allah SWT:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٣﴾

Dan katakanlah kepada hamba-hambaKu, hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang lebih baik (benar) sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu.

(Surah al-Isra' 17: 53)

### Belajar dari Sejarah

Perpaduan adalah perkara pokok yang perlu di beri perhatian dalam memperkasa umat Islam hari ini. Perselisihan, pergaduhan dan permusuhan yang berlaku dikalangan umat Islam perlu diselesaikan dan dihindari daripada terus menerus melemahkan umat Islam. Kalau di lihat kepada sejarah Tanah Melayu, proses penjajahan hanya berlaku apabila hilangnya perpaduan dalam sesuatu kerajaan itu. Teori "divide and rule" yang membawa maksud pecah dan perintah telah membuktikan kejayaan pihak penjajah seperti Potugis, Belanda dan British dalam menakluki sesuatu bangsa dan kerajaan suatu masa dahulu.

Kegagalan perjuangan tokoh-tokoh penentang penjajah seperti Dol Said, Tok Janggut, Hj. Abdul Rahman Limbong dan Mat Kilau yang bersifat setempat telah membuktikan kepentingan perpaduan. Bayangkan sekiranya penentangan yang berlaku adalah bersama, kebarangkalian untuk tokoh-tokoh perjuangan Tanah Melayu ini untuk berjaya adalah lebih tinggi. Kejayaan orang-orang Melayu dalam menentang penubuhan Gagasan Malayan Union suatu masa dahulu telah membuktikan keperluan perpaduan dalam masyarakat Islam di seluruh dunia. Melalui kerjasama dan kesatuan yang mantap diantara orang - orang Melayu pada ketika itu telah berjaya mendesak Kerajaan British membubarkan Malayan Union yang disifatkan sebagai suatu ancaman terhadap agama Islam dan sistem beraja di Tanah Melayu.



### Perpecahan Membawa Kerugian

Perpecahan yang melanda di kebanyakan negara-negara Islam pada hari ini telah melemahkan umat Islam yang suatu masa dahulu adalah suatu umat yang mempunyai tamadun yang hebat seperti Kerajaan Abbasiyah, Umayyah dan Uthmaniyah. Kemusnahan dan kejatuhan negara Islam seperti Iraq dan Afghanistan adalah berpunca daripada perpecahan di kalangan umat Islam di negara tersebut. Kegagalan pertubuhan negara-negara Islam seperti OIC (*Organization of the Islamic Conference*) dan juga Liga Negara-negara Arab dalam menangani krisis dan isu yang melanda negara Palestin sejak sekian lamanya membuktikan ketidaksatuan antara negara-negara Islam. Walaupun dari segi ekonomi kebanyakan negara-negara pengeluar minyak adalah di kalangan negara Islam, namun begitu kegagalan dalam mencapai kesepakatan bagi melakukan sekatan terhadap negara-negara yang menzalimi negara yang lain membuktikan ketidaksatuan hati antara negara-negara Islam yang akhirnya membawa kepada penindasan terhadap umat Islam di seluruh dunia secara berterusan.

Umat Islam seharusnya menjadikan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w sebagai contoh teladan yang baik. Kejayaan Baginda S.A.W dalam menyatukan Bangsa Arab yang asalnya bersifat asabiyah kekebalahan dan sentiasa berperang dan berpecah-belah telah bertukar menjadi bangsa yang bersatu padu dan berjaya ditransformasi melalui ajaran Islam yang mantap telah melahirkan bangsa yang hebat dan kuat dalam sejarah tamadun dunia. Kehebatan Bangsa Arab yang bersatu di bawah panji Islam telah mengangkat bangsa tersebut mengatasi Bangsa Rom dan Parsi yang terlebih dahulu muncul sebelum kedatangan Islam. Hubungan antara umat Islam yang terjalin diatas nama persaudaraan seharusnya mampu melahirkan umat yang bersatu-padu dan bukannya umat yang berpecah belah.

### Kesimpulan

Secara konseptualnya, persaudaraan (*ukhuwwah*) merupakan asas kepada kesatuan dan perpaduan umat manusia dalam sesebuah entiti masyarakat khususnya dalam konteks masyarakat Muslim di Malaysia. Citra dan hati budi seseorang itu bukan hanya bergantung kepada bangsa, warna kulit, keturunan, pangkat atau hartanya, tetapi diukur berasaskan ketinggian budi pekerti yang terpuji. Dalam kerangka persaudaraan ini, interaksi sosial sesama manusia perlu mengikut adab-adab yang telah digariskan oleh Islam. Bagi mencerminkan persaudaraan menurut luno-luno syara', maka konsep persaudaraan ini perlu didasari dengan ikatan akidah yang luhur dan mantap.

Oleh yang demikian, konsep persaudaraan yang berteraskan ikatan *rabbani* menjadi asas dan instrumen yang efektif kepada perpaduan seluruh umat Islam. Ini kerana, ikatan rabbani bersifat universal dan bersifat kualitatif tanpa mengira perubahan masa dan zaman. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad s.a.w, Baginda telah berjaya membentuk satu masyarakat yang bersatu padu dan harmoni antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Baginda telah memainkan peranan penting dalam mengimbangi hubungan integrasi yang bersepadu antara masyarakat Islam dengan kaum Yahudi dan Nasrani.

